



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 (Halaman 72)

### **USUL-USUL:**

Penguntungan Semula Peruntukan  
Perbelanjaan Di Bawah P.M. 66A (Halaman 19)

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2012 (Halaman 74)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO  
*[memangku]*
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO

17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Dato’ Sri** Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO

7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
21. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
25. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

**AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO

34. Yang Berhormat Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datin Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Tuan Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
63. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO

65. Yang Berhormat Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. “ Tuan Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. ” Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. “ Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. “ Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jejebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
6. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
7. “ Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
8. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
9. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
10. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
11. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
12. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
13. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
14. “ Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
15. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]



16. Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
17. " Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
18. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
19. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
20. " Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
21. " Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
22. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
23. " Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
24. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
25. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
26. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
27. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
28. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
29. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
30. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
31. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. " Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
8. " Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. " Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. " Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. " Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. " Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Isnin, 15 Julai 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya soalan, saya mohon izin untuk merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Berhormat Arau selaku Menteri yang menjaga bencana alam kerana melapangkan masa beliau untuk melawat mangsa banjir di kawasan saya tempoh hari. Tahniah dan terima kasih untuk dirakamkan di dalam *Hansard*.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan terdapat ramai rakyat Malaysia menghadapi masalah bankrap kerana hutang kad kredit, adakah kerajaan akan meluluskan pengeluaran KWSP bagi mereka melangsaikan hutang tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan skim KWSP adalah untuk menyediakan simpanan persaraan untuk digunakan bagi membiayai sara hidup ahli apabila telah bersara. Kita ada 13.7 juta ahli KWSP. Pengeluaran yang dibenarkan oleh skim KWSP adalah hanya bagi tujuan yang berkaitan dengan persaraan atau menambah nilai simpanan untuk persaraan. Sehubungan dengan itu, cadangan pengeluaran bagi melangsaikan hutang kad kredit atau sebagainya adalah tidak selaras dengan objektif dan prinsip KWSP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan untuk persaraan ahli. Tambahan pula, pengeluaran seperti ini akan mengurangkan jumlah simpanan dan menjejaskan kecukupan simpanan untuk membiayai persaraan mereka kelak apabila berumur 55 tahun.

Perlu dimaklumkan juga bahawa bilangan individu yang diisytiharkan bankrap disebabkan oleh hutang kad kredit adalah kecil dan hanya berjumlah 1,284 orang atau 6.6% daripada 19,575 individu yang diisytiharkan bankrap dalam tahun 2012. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2013 pula, bilangan tersebut adalah seramai 257 orang bankrap akibat kad kredit atau 5.2% daripada 4,295 individu yang diisytiharkan bankrap. Di samping itu, isu terkini ialah tentang jumlah hutang isi rumah yang pada paras 8.3% dari KDNK. Hutang kad kredit hanya merupakan 4.5% daripada hutang isi rumah berbanding 5.2% dalam tahun 2010. Bagi mengawal tahap keterhutangan kad kredit, maka kita telah melaksanakan langkah-langkah yang lebih ketat pada tahun 2011. Antara langkah-langkahnya ialah:

- (i) kelayakan pendapatan minimum untuk memegang kad kredit dinaikkan daripada RM18,000 setahun kepada RM24,000 setahun;
- (ii) pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang, hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja serta mempunyai had maksimum kredit

- tidak melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluaran;
- (iii) pengeluaran kad kredit tidak dibenarkan untuk menaikkan had kredit pemegang kad tanpa persetujuan pemegang kad terlebih dahulu; dan
  - (iv) pengeluaran kad kredit tidak dibenarkan untuk menawarkan pendahuluan kredit dalam bentuk cek berbayar kepada pemegang kad kredit melainkan pemegang kad kredit telah memohon untuk pendahuluan kredit.

Pada masa yang sama, Bank Negara memberi pendidikan kepada pengguna menggunakan kad kredit ini secara berhemat melalui laman web *banking info* dan buku kecil bermaklumat melalui Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang telah memulakan operasi pada bulan April 2006 untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula pinjaman yang diperoleh daripada institusi kewangan di bawah seliaan Bank Negara kepada individu termasuk kad kredit. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon bertanya. Apakah ada perancangan kerajaan untuk mengambil inisiatif bagi menghilangkan masalah mufliis kad kredit ini dengan cara memberi pelupusan automatik dalam jangka masa tertentu? Contohnya, di Kanada dalam masa 9 bulan ataupun 21 bulan apabila mendapat bantahan daripada pihak yang lain.

Keduanya, apakah hutang-hutang yang paling tinggi yang menyebabkan bankrap di negara kita? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Kerajaan tidak bercadang untuk melupuskan hutang-hutang tertentu kad kredit ini dan kita tidak akan mengikut seperti negara Kanada yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi itu. Apabila kita menyebut tentang hutang rakyat ataupun hutang keluarga ataupun hutang isi rumah, antara hutang-hutang yang paling tinggi yang ditanggung oleh rakyat Malaysia ini, hutang tertinggi ialah pinjaman rumah sebenarnya. Pinjaman rumah 47% daripada jumlah hutang isi rumah.

#### ■1010

Kemudian, hutang kereta 20%, hutang *non-residential* 9.3%. Kemudian *personal loan* ataupun hutang peribadi 8.7% dan hutang kad kredit 5% sahaja sebenarnya daripada segala masalah hutang isi rumah dalam negara kita ini. Cuma yang menjadi masalah sekarang ini ialah hutang isi rumah dalam negara kita ini tinggi dibandingkan dengan negara-negara lain. Kita lebih tinggi hutang isi rumah daripada negara Filipina, Indonesia, Singapura, Hong Kong dan Jepun. Jumlah hutang isi rumah ini daripada Keluaran Dalam Negara Kasar ialah 82.9% ataupun 83%. Oleh kerana ia agak membimbangkan walaupun hutang itu kita boleh ambil balik seperti hutang rumah, kalau mereka tidak bayar rumah itu boleh diambil. Akan tetapi perkara itu tidak dapat menyelesaikan masalah dari segi jangka panjang. Oleh kerana itu, pada 5 Julai baru-baru ini, Bank Negara telah mengumumkan tiga perkara iaitu:

- (i) tempoh pinjaman maksimum selama 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi. Sebelum ini, kegunaan peribadi boleh digunakan sehingga 20 hingga 35 tahun pinjaman itu. Jadi, tiap-tiap bulan dibayar kecil sahaja walhal hutang keseluruhannya adalah tinggi;
- (ii) tempoh pinjaman maksimum selama 35 tahun untuk pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman, rumah dan rumah kedai. Sebelum ini ada sehingga 45 tahun sahaja; dan
- (iii) larangan menawarkan produk pembiayaan peribadi yang diluluskan terlebih dahulu. Kadang-kadang belum lulus sudah diberi *pre-approved overdraft* dan hal-hal yang seumpamanya itu.

Jadi ini tiga kaedah yang diumumkan pada 5 Julai untuk kita pastikan hutang isi rumah dalam negara kita ini terkawal.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan sebentar tadi bahawa peningkatan hutang isi rumah mencecah 83% daripada KDNK dan saya yakin ini kebanyakannya disumbang oleh golongan berpendapatan rendah dan juga penjawat awam. Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini menyatakan ini tidak kritikal. Akan tetapi saya fikir dari segi data, keadaan ini mencemaskan. Cuma memandangkan kes bankrap ini mempunyai kaitan dengan hutang isi rumah yang begitu tinggi, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ada usaha-usaha kerajaan yang bersepadu untuk meningkatkan pendapatan isi rumah rakyat? Misalnya menurunkan harga minyak ataupun menghapuskan tol dan sebagainya iaitu menurunkan harga barang. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Ya, kita memberikan subsidi. Kita akan terus memberikan subsidi untuk mengurangkan harga barang. Ada tujuh sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, barang utama yang diberi subsidi ialah lapan iaitu petrol, diesel, RON95 dan juga diesel, beras hancur 15, gula, minyak masak, gas memasak. Gas memasak itu kalau tanpa subsidi ia bukan RM30 macam sekarang ini RM26.70, dia kena bayar RM50 lebih kurang satu tong gas 16 kilogram itu. Akan tetapi oleh kerana kita ini baik kepada rakyat dan kita membantu rakyat, maka banyak subsidi yang kita berikan. Gula kita beri subsidi, tepung, gula, beras hancur 15, RON95, tol PLUS dan yang lain-lain sebab kerajaan menghapuskan sebahagian yang dikenakan tol itu. Jadi, kita beri subsidi tol. Itu salah satu yang kita laksanakan.

Secara umum yang lebih penting ialah hasrat kerajaan ada dua. Dalam masa enam tahun setengah kita ingin menjadi negara maju. Itu sejak daripada zaman Tun Dr. Mahathir lagi kita ingin jadi negara maju tahun 2020. Zaman Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ini kita tambah lagi satu perkara yang penting di bawah negara maju 2020 itu ialah rakyat berpendapatan tinggi. Rakyat berpendapatan tinggi ini di antaranya ia memerlukan gaji yang tinggi. Itu sebab kita ada gaji minimum. Kita juga kena ada pendidikan yang tinggi supaya rakyat seterusnya mempunyai kemahiran dan juga kedudukan kewangan yang tidak menjadi masalah kepada mereka untuk masa akan datang.

**2. Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah aduan/kes yang telah diterima dan berjaya diselesaikan oleh EAIC (*Enforcement Agencies Integrity Commission*) dan kos pengendalian badan ini semenjak ditubuhkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan nombor dua, izinkan saya membuat sedikit pembetulan. Ketika saya menjawab soalan nombor lima pada 11 Julai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar, saya menyatakan bahawa '3,000' syarikat teras. Saya hendak perbaiki bukan 3,000 tetapi '300'. Saya baca dalam *Hansard* ini dia tulis '30 ribu' syarikat. Ia sebenarnya 350 secara tepat jika nanti dijadikan rujukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Menjawab soalan yang dibangkitkan, semenjak ditubuhkan pada 1 April 2011 sehingga 31 Mei 2013, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau yang dikenali sebagai SIAP telah menerima sebanyak 469 aduan. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 233 aduan telah disiasat di mana 190 aduan telah ditolak. Antara sebab-sebab aduan ditolak adalah kerana aduan tersebut bukan di bawah bidang kuasa suruhanjaya. Akta SIAP hanya terpakai bagi aduan yang dibuat atau dirujuk kepada suruhanjaya berkenaan dengan salah laku yang berlaku pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.

Selain daripada itu, aduan juga akan ditolak jika hal perkara yang diadukan itu telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara

apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah termasuk apa-apa prosiding rayuan. Sebanyak 40 aduan yang telah selesai disiasat dan dirujuk kepada SPRM dan pihak berkuasa tata tertib yang berkaitan dengan – untuk mengambil tindakan yang selanjutnya manakala 115 aduan masih dalam peringkat awal. Suruhanjaya ini telah menerima peruntukan berbelanja sebanyak RM7 juta pada tahun 2012 dan RM7.7 juta bagi tahun 2013 sebagai menampung keseluruhan kos pengendalian suruhanjaya ini. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bila menyebut tentang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini, nyata selepas penubuhannya kita masih lagi menerima peningkatan kematian di dalam lokap walaupun sudah ada agensi ini. Salah satu fungsinya adalah untuk memantau dan untuk meningkatkan keupayaan ataupun keberkesanan agensi-agensi penguatkuasaan.

Jadi pertama, pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan menjaga 19 agensi. Satu agensi yang terlalu banyak agensi. Kedua ialah kerana aduan yang paling tinggi kita agak yang menjadi perhatian masyarakat adalah tentang apa yang berlaku di dalam lokap, kematian di dalam lokap. Ia adalah kompelin ataupun perkara yang paling serius yang berlaku dalam negara kita. Persoalannya, seorang Hakim Mahkamah Tinggi juga telah mengatakan bahawa ada *attempt* dengan izin, cubaan untuk *cover up* dengan *attempt* tentang kematian Kugan baru-baru ini. Bersama-sama itu juga kita lihat bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh ringkaskan Yang Berhormat?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** MIC, MCA, Gerakan, Pakatan Rakyat dan seluruh NGO yang ada semuanya meminta supaya EAIC ini diganti atau siap diganti dengan IPCMC. Jadi kenapa pihak kerajaan masih lagi berdegil? Sedangkan boleh dikatakan seluruh negara kecuali Kabinet dan mungkin UMNO. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak rasa perlu saya ulangi pendirian kerajaan untuk bukan tidak menimbang tetapi kalau kita ganti seperti yang ditanya tadi hapuskan SIAP, buat IPCMC, apa jadi dengan 18 agensi lain? SIAP sebenarnya lahir daripada penambahbaikan IPCMC. Ketika IPCMC dicadangkan di Dewan ini, saya duduk di situ dan saya pun berbahas. Kita juga melihat kenapa satu badan akta ditubuhkan hanya untuk melihat satu badan beruniform ataupun *enforcement body*, dengan izin.

#### ■1020

Jadi SIAP dibuat untuk melihat 19 agensi. Yang Berhormat pun sebut. Kedua, semenjak dilaksanakan pada tahun 2009 ataupun 2010, minta maaf saya, sehingga hari ini SIAP hanya ada 27 orang pegawai. Patut yang kita minta bukan pasal hendak ganti-ganti, kita tambahlah. SPRM ada 2,500 pegawai dengan bajet RM271 juta, SIAP ada 29 pegawai dengan enam orang pegawai penyiasat. SPRM ada 450 pegawai penyiasat. SIAP jaga 19 agensi, kita pun tahu.

Isunya bukan badan yang memantau. Saya bukan menjawab bagi pihak KDN. Saya hendak beritahu SIAP melihat kepada 19 agensi dan pada bulan Jun baru-baru ini, kerajaan telah memutuskan untuk menambah lagi 49 kakitangan dengan bajet yang sama iaitu RM7.7 juta. Jadi pada saya, kalau kita serius untuk melihat perkara ini dan pada saya tidak ada kena mengena kematian dengan SIAP ataupun IPCMC. Akan tetapi kalau dengan perjawatan pegawai penyiasat dan jumlah belanjawan yang cukup, saya rasa SIAP dapat juga menyumbang kepada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama saya mengucapkan jutaan syabas dan tahniah atas keseriusan pihak kerajaan untuk membanteras gejala rasuah di Malaysia dengan adanya SIAP ini.

Bagaimanakah kerajaan melihat hasil kajian laporan *Transparency International Malaysia* yang dikeluarkan baru-baru ini yang memperlihatkan penurunan dan



bagaimanakah SIAP atau Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dapat menyumbang kepada keyakinan rakyat dalam usaha memerangi gejala rasuah? Ini kerana saya melihat ada tulisan daripada portal salah seorang pemimpin pembangkang yang menyatakan kerajaan gagal dalam usaha memerangi rasuah di Malaysia. Saya fikir tuduhan ini perlu dijawab oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya percaya Yang Berhormat orang muda, banyak baca. Soalan itu sangat *valid*. Walaupun SIAP bukan hanya melihat tentang rasuah, tetapi ia adalah satu badan *prevention* kepada apa juga yang berkaitan dengan integriti. Merujuk kepada persoalan, memang merisaukan, dalam kita berusaha untuk menurunkan persepsi kepada rasuah dan juga memerangi rasuah. Dia berkaitan antara satu sama lain.

*Transparency International* yang dirujuk mengeluarkan kenyataan bahawa keyakinan rakyat kepada apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan ini menurun daripada 49% kepada 31% dibangkitkan oleh ramai ahli wakil rakyat dan juga pemimpin-pemimpin lain seolah-olah rasuah semakin menjadi-jadi. Saya hendak beritahu kepada Dewan ini dan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa persepsi ini dilakukan dua tahun sekali di mana ada TI, *chapter* di negara tersebut, memang ada penurunan, kerajaan mengambil serius.

Akan tetapi kepada saya, tidak ada perkara yang kita hendak raikan kepada yang ingin melihat. Ini bukan pasal Barisan Nasional. Ini pasal Malaysia dikatakan menurun. Akan tetapi dalam laporan yang sama, tidak silap saya pada 9 hari bulan, dinyatakan juga bahawa peratus yang ada pengalaman tentang berlakunya rasuah di Malaysia hanya tiga peratus.

Maknanya daripada 1,000 orang responden, 31% tidak ada keyakinan, *drop*, turun daripada 49%, tetapi hanya tiga peratus. Kenapa yang ini tidak kita jadikan sebagai rangsangan semangat kerana kita berada di *band* yang pertama, lebih baik daripada US dan juga UK, hanya 30 orang daripada 1,000 orang yang melihat perbuatan tersebut berbanding dengan negara jiran 36%, 17%.

Bukan maknanya kita bangga sebab jumlah yang terlibat hanya 1,000 orang responden, tetapi kita hendak beritahu kita komited untuk memerangi rasuah kerana rasuah bukan sahaja membanteras perlakuan akan tetapi juga membanteras persepsi. Jangan kita panjangkan sehingga rakyat langsung tidak percaya atas komitmen yang sedang dilakukan oleh kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**3. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan tahap keselamatan data dan maklumat yang dikongsi secara bebas melalui aplikasi telefon pintar seperti "WhatsApp" dan terkini "KAKAO".

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada soalan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah. Untuk makluman semua Yang Berhormat, kesemua jenis kandungan rangkaian ataupun dengan izin, *network content* termasuk kandungan rakan sosial di internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akan terus menghormati janji-janji seperti termaktub dalam *MSC Bill of Guarantees* di mana pihak kerajaan tidak akan menapis dan menyekat mana-mana aplikasi di internet. Pendirian sebegini bukanlah bermaksud para pengguna boleh sewenang-wenangnya menyalahgunakan internet untuk tujuan yang tidak baik yang boleh mengganggu ketenteraman serta kesejahteraan orang lain.

Sekiranya mana-mana pihak difitnah ataupun dimalukan, maka pihak tersebut boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah secara persendirian dengan memfailkan saman malu ke atas mereka yang didakwa menabur fitnah. Justeru itu, para pengguna dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dalam menggunakan apa jua aplikasi yang ditawarkan di internet termasuklah aplikasi seperti "WhatsApp" dan "KAKAO" iaitu antara sistem rangkaian sosial yang semakin popular di negara ini.

la merupakan medium komunikasi terbuka yang tidak bersempadan dan setiap individu bebas untuk mendaftar dan menggunakan rangkaian sosial tersebut tanpa sekatan. Perlulah diingatkan juga bahawa setiap sistem komunikasi mempunyai kelemahan masing-masing, di mana keselamatan data yang dikongsi melalui medium komunikasi tersebut adalah tidak dijamin.

Oleh yang demikian, pengguna bertanggungjawab penuh atas tindakan masing-masing. Buatlah penilaian risiko sebelum menggunakan sesuatu aplikasi internet yang tidak memberi sebarang jaminan keselamatan seperti "WhatsApp" dan "KAKAO". Perlindungan tambahan seperti *encryption* dengan izin, perlulah dipertimbangkan sekiranya menggunakan aplikasi tersebut untuk komunikasi perkara penting yang sulit dan persendirian. Seboleh-bolehnya pengguna perlulah menggunakan saluran komunikasi lain yang lebih terjamin keselamatannya apabila melibatkan sebarang urusan rasmi ataupun perkongsian data peribadi. Sekian, terima kasih.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa penggunaan "WhatsApp" ini amat ramai yang mana 250 juta seluruh negara menggunakan secara aktif dan lebih kurang tujuh bilion mesej dihantar setiap hari secara puratanya. Baru-baru ini kita melihat ada kontroversi yang bodoh dilakukan oleh pasangan Alvin dan Vivian dalam *Facebook* telah dikongsi di dalam "WhatsApp". Jadi soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperketatkan lagi pemantauan terhadap aktiviti pesanan ringkas ini sebab ia begitu berbahaya? Kita ada banyak pihak yang mengambil kesempatan. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Pihak kementerian melalui suruhanjaya memantau aplikasi sebagai satu perkhidmatan, bukannya perbualan peribadi. Misalan macam "WhatsApp" dan juga SMS kecuali jika ada pihak yang mengadu. Jadi dalam kes Vivian dan Alvin yang disentuh oleh pihak Yang Berhormat tadi, seperti yang saya maklumkan sebelum ini memang tindakan telah diambil oleh pihak berwajib untuk sama ada mengambil tindakan pendakwaan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan kepada Timbalan Menteri. Tahniah, daripada kakitangan SKMM sekarang telah diangkat sebagai Timbalan Menteri, sesuai, tepat, jitu pilihan itu. Soalan saya begini. Salah satu paradigma dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ialah untuk diserapkan semangat *self-regulatory*. Salah satu daripada peruntukan CMA 1998 itu ialah untuk mendirikan forum kandungan.

Saya bercakap sebagai salah seorang pengasas forum kandungan. Di mana kalau terdapat kandungan yang menaikkan kontroversi harus kandungan tersebut dirujuk kepada *the content forum*.

#### ■1030

Akan tetapi, sekarang kita nampak banyak kes yang melibatkan aduan terhadap kandungan-kandungan *online* tertentu diserahkan terus kepada SKMM dan bukan dirujuk kepada *content forum*. Jadi, apakah kedudukan status *content forum* sekarang? Untuk membuat *arbitration* tentang kandungan-kandungan yang *controversial*? Sekian.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah akta, memang terdapat empat *court forum* iaitu forum kandungan antara salah satunya - forum kandungan, forum teknikal, forum akses, dan forum pengguna. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, forum kandungan masih berfungsi di mana ahli-ahlinya telah dilantik daripada pihak industri sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat, masih terdapat lagi para pengguna yang ingin membuat hubungan terus dengan pihak suruhanjaya daripada menggunakan forum kandungan. Jadi, pihak Suruhanjaya telah meminta pihak forum kandungan menguar-uar lebih lagi peranan dan fungsi bagi membolehkan pihak pengguna mengetahui apakah peranan dan fungsi forum kandungan supaya mereka boleh bertindak lebih tegas.

4. **Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan terhadap bekas tapak pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Janda Baik.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Temerloh. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memang mempunyai perancangan khusus terhadap tapak berkenaan. Susulan daripada Mesyuarat Eksekutif Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau UIAM yang dilaksanakan baru-baru ini, bekas tapak pembinaan UIAM di Janda Baik akan dijadikan pusat latihan bagi kakitangan UIAM dan juga untuk kegunaan organisasi luar.

Hasil persetujuan agensi pusat, tapak projek tersebut terpaksa dipindahkan ke Gambang, Pahang memandangkan terdapat beberapa siri gegaran gempa bumi lemah bermagnitud 1.1 hingga 2.8 skala *richter* di Janda Baik yang berlaku sejak bulan November tahun 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Eksekutif UIAM sedang meneliti kertas cadangan supaya selaras dengan *International Islamic University Malaysia, Masterplan Year 2020*, dengan izin dan dijangka dilaksanakan apabila kertas cadangan tersebut diperakukan oleh pihak pengurusan tertinggi UIAM. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya melihat dalam isu ini ramai pihak yang sangat terkilan dengan pihak kerajaan berhubung dengan projek pembinaan kampus tetap bagi pusat asasi UIAM. Kita melihat sejak tahun 1984, pusat asasi UIAM ini bertempat di Subang Jaya yang kemudian berpindah ke Lembah Pantai pada tahun 1990 dan kemudiannya berpindah pula ke Petaling Jaya pada tahun 2001. Walaupun kita melihat pentadbiran UIAM telah menjangka berlakunya peningkatan kemasukan pelajar ke pusat asasi, tetapi sehingga sekarang pusat kampus tetap masih belum wujud.

Akibatnya sebahagian daripada pelajar terpaksa ditempatkan di kampus premis kedai sewa di Nilai, Negeri Sembilan dalam suasana yang tidak kondusif bagi pelajar dan juga tenaga akademik. Jadi, saya melihat perkara ini sering kali berpindah randah dan tidak tetap. Jadi, apakah sebenarnya projek pembinaan kampus pusat asasi UIAM ini yang sering kali ditunda termaktub dalam perancangan mana-mana pelan strategik pengajian tinggi ataupun juga bajet tahunan pihak kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh atas soalan yang sudah dikemukakan yang berkaitan dengan perpindahan tapak untuk pusat asasi. Berkaitan dengan kampus UIAM, sebenarnya kita ada kampus induk UIAM yang terletak di Gombak, Selangor. Selain daripada itu, UIAM juga ada dua kampus cawangan di Kuala Lumpur dan Kuantan, Pahang dan pusat asasi sekarang terletak di Petaling Jaya, Selangor.

Dalam perancangan ataupun kemajuan projek Matrikulasi UIAM di Gambang, Pahang, fasa yang pertama sudah disiapkan dan fasa yang kedua dijangkakan akan disiapkan pada bulan Disember pada tahun 2013. Kemajuannya telah direkodkan sebanyak 97% dan dari segi itu kita ada juga perkembangan UIAM di mana bakal mempunyai hospital pengajian UIAM di Kuantan, Pahang. Pembinaan mula pada bulan Julai 2012 dan dijangka siap pada bulan Januari 2016 dan juga akan mempunyai Pusat Asasi Sains di Gambang dan ini adalah sambungan kepada projek UIAM di Gambang dalam fasa yang ketiga yang akan mula pada bulan Januari tahun 2013 dan dijangka siap pada bulan Januari tahun 2016. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebenarnya telah melihat pelbagai kejayaan yang telah diperbincangkan tadi dan juga masalah yang dibangkitkan adalah sebenarnya kita menguruskan kejayaan kita. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah status pembangunan hab pendidikan di Pagoh dan apakah kesan-kesan positif yang bakal kita nikmati daripada pembangunan tersebut? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan yang berkaitan dengan kesan dan di sini ada berkaitan dengan sekiranya kita ada mengadakan pendidikan, kita memajukan pendidikan sebenarnya menjadi satu penggerak utama untuk membantu ekonomi masyarakat yang berhampiran di situ. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan status rancangan bagi mewujudkan sebuah insinerator di Bukit Payong, Batu Pahat.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Simpang Renggam. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang berhasrat untuk membina sebuah loji rawatan termal atau insinerator jenis "Toker" di Bukit Payong, Batu Pahat.

Walau bagaimanapun, pembinaan loji berkenaan akan dilaksanakan setelah semua kajian yang diperlukan siap dijalankan dan projek ini akan dilaksanakan secara tender antarabangsa dengan tujuan untuk pemindahan teknologi dan juga pengetahuan dan membawa masuk kepakaran luar yang lebih berpengalaman untuk membangunkan projek ini. Langkah pertama yang akan diambil oleh pihak kementerian ialah untuk menyediakan satu kajian penilaian tapak, awal tapak iaitu yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kajian ini perlu dilaksanakan bagi memastikan tapak yang dikenal pasti ini adalah sesuai untuk pembinaan sebuah loji insinerator.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selepas penilaian tapak ini, satu kajian penilaian impak alam sekitar akan dilakukan untuk memastikan pembinaan insinerator ini tidak akan mencemarkan alam sekitar, tidak akan menjejaskan kesihatan awam serta memastikan sesi-sesi penerangan bersama-sama dengan penduduk di kawasan persekitaran itu akan dilakukan untuk mendapatkan pandangan sebelum dilaksanakan perkara-perkara yang mahu dilakukan.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan, sementara kita hendak menunggu pembinaan insinerator ini, projek tapak pelupusan Bukit Payong akan dilaksanakan sebelum kajian dan pandangan daripada rakyat diterima untuk pembinaan insinerator ini.

#### ■1040

Tapak pelupusan sampah *sanitary* ini yang akan dibina di Bukit Payong dijangka tendernya akan dimulakan pada hujung bulan September 2013. Kita akan masuk ke tapak pada awal bulan Januari 2014. Tempoh pembinaan bagi tapak pelupusan *sanitary* ini kira-kira 22 bulan dan keluasannya lebih kurang 100 ekar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya mengharapkan sangat projek ini dapat dijalankan dengan sertamerta kerana ia ada kaitan dengan Simpang Renggam. Tuan Yang di-Pertua, ini kerana di Simpang Renggam kami juga ada sebuah tapak pelupusan dan setiap hari sampah dikutip dan dihantar dari Yong Peng, Kluang dan juga Batu Pahat.

Saya rasa ini amat tidak adil kepada warga Simpang Renggam. Saya ingin bertanya, saya rasa memang sudah tiba masanya kita mewujudkan satu polisi iaitu satu daerah, satu tapak pelupusan. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Johor ini kita ada 13 tapak pelupusan sampah dan daripada 13 tapak pelupusan sampah itu, dua adalah *sanitary* dan yang 11, tidak.

Dalam peringkat ini, kementerian tidak ada cadangan untuk menambahkan lagi TPS di daerah-daerah kerana 13 TPS yang ada di negeri Johor ini mewakili kepada setiap kawasan daerah yang ada. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga akan terus meningkat dan menambahbaikkan lagi TPS yang sedia ada, yang bukan *sanitary* untuk dipertingkatkan lagi kualiti pelaksanaan TPS sementara kita tunggu cadangan *incinerator* yang akan kita lakukan di Batu Pahat.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Simpang Renggam juga, bagi kawasan tapak pelupusan di Simpang Renggam yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, kita sudah mulakan kerja-kerja awalan Yang Berhormat daripada 10 Disember 2012. Kita akan siap pada 13 Oktober 2013 ini iaitu projek naik taraf kepada tapak pelupusan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Saya faham masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat kerana sampah-sampah dari Kluang, dari Yong Peng, Pontian dan dari Simpang Renggam sendiri kita hantar ke tapak pelupusan itu. Akan tetapi saya hendak memberikan keyakinan kepada Yang Berhormat, jangan bimbang kerana projek yang akan kita buat untuk terus naik taraf tapak pelupusan di Simpang Renggam ini bernilai lebih kurang RM9.1 juta dan atas keluasan 10.35 hektar tanah. Pada peringkat awal ini, peratus siapnya sedang menjangkau kepada 30% dan jangka hayatnya lima tahun selepas bermula daripada tarikh siap sebelum kita selesai sambil menunggu kepada penyelesaian pembinaan *incinerator* di Bukit Payong. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, *'alang berjawab, tepuk berbalas'*. Memang pengurusan sampah ini adalah sangat rumit. Adakah sebelum *incinerator* dibina, pihak kementerian dapat rundingan pendapat daripada para penduduk dahulu sebelum kajian diambil termasuk EIA?

Oleh sebab saya sebut di sini kerana pihak kementerian hendak membina banyak *incinerator*. Mungkin di Putrajaya pun dia hendak bina juga. Di Kepong pun, di Taman Beringin dia ada membersihkan tapak dan sebagainya untuk membina. Akan tetapi tidak ada rundingan dahulu. Seolah-olah sampah ini, memang semua orang tidak mahu. Di Kepong pun tidak mahu juga.

Walau bagaimanapun, adakah sebelum kita buat, kita dapat rundingan dulu dengan para penduduk yang akan menghidu busuknya dan termasuk gas-gas toksik seperti dioksin? Bolehkah Yang Berhormat sebutkan apakah kos sebuah *incinerator*? Apakah jenis pakar yang diundang dari luar negara ataupun ada pakar dari negara sendiri?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kepong, tidak ada orang yang suka dengan sampah. Saya pun tidak suka dan saya yakin Yang Berhormat pun tidak suka. Kerajaan pun tidak suka kalau rakyat berada dalam keadaan kehidupan yang tidak memberikan keselesaan. Kualiti hidup itu adalah penting kepada rakyat.

Maka kerana itu saya sudah sebutkan tadi... *[Menunjukkan hidung]* Kenapa macam ini? Tidak mahu saya jawab? *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Kepong, bagi kos untuk 1,000 tan dalam sehari, anggaran yang diperlukan adalah antara RM500 juta hingga RM600 juta. Kita perlu untuk membina pada masa yang akan datang *incinerator*. Lebih banyak lagi, *insya-Allah*.

Ini kerana Yang Berhormat, kawasan tapak pelupusan sampah ini memerlukan keluasan tanah yang besar. Kita sudah tidak ada tanah banyak. Kita hendak tanam sampah ini. So, akhirnya kita perlukan *incinerator*. *Incinerator* ini, keluasan tanahnya kecil, tidak perlukan keluasan tanah yang besar. Boleh digunakan untuk aktiviti pembangunan pada masa yang akan datang kerana tapak-tapak pelupusan yang sedia ada tidak boleh digunakan sebagai tapak pembangunan pada masa yang akan datang.

Berbangkit kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sebelum sesuatu perancangan dilakukan oleh pihak kerajaan Yang Berhormat, perkara yang paling pertama sekali untuk mendapatkan pandangan dan respons daripada rakyat. Kalau rakyat kata kita tidak setuju, kalau rakyat kata tidak sesuai dan kita mahu kerajaan mempertimbangkan kawasan yang lain, maka kerajaan akan meletakkan keutamaan itu sebagai *priority*. *[Dewan riuh]*

Jadi, pandangan Yang Berhormat masih lagi menyatakan begini-begini, mungkin Yang Berhormat boleh beritahu kepada saya kemudian dekat mana agaknya yang begini-begini, yang kerajaan tidak dapatkan respons dan pandangan daripada rakyat, kita akan tengok. Tidak ada kerajaan daripada Barisan Nasional buat tanpa mendapatkan komitmen daripada rakyat yang ada. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dalam jawapan ada mengatakan bahawa hendak memberi penerangan kepada penduduk-penduduk terutamanya masyarakat setempat sebab soal kesedaran ini sangat penting terutamanya tempat ini berhampiran dengan kampung-kampung yang selalu ditimpa bencana.

Jadi, soalan tambahan saya adalah apakah kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian dalam memilih lokasi Bukit Payong, Batu Pahat ini untuk pembinaan *incinerator*? Untuk maklumat juga, tempat ini adalah di antara kawasan Parlimen Sri Gading dan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu kenapa Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan soalan ini. Ini kerana soalan *incinerator* yang kita hendak buat di Bukit Payong ini telah diputar belit oleh pembangkang dalam pilihan raya yang lepas. [Dewan riuh]

Sudah tidak ada cerita lain yang hendak dibangkitkan sebagai isu pilihan raya dalam kawasan Parit Sulong. Maka dia bangkitkan isu *incinerator* yang akan dibina di Bukit Payong. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya hendak menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Sulong. Sebelum...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Putar belit.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ini jawapan betul, ini bukan jawapan putar belit Yang Berhormat Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, sebelum kerajaan membuat sesuatu keputusan kepada sesuatu pembinaan *incinerator*, ada beberapa perkara yang kita ambil kira. Yang penting pertama ialah perancangan masa depan, kenapa perlu dibina *incinerator* di situ. Kedua ialah pembinaan. Pembinaan berdasarkan kepada teknologi yang bagaimana untuk menyelesaikan isu sampah. Ketiga ialah pengawal seliaan.

Yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, seperti yang mana saya jelaskan kepada Yang Berhormat Kepong tadi, pandangan dan juga keselesaan rakyat. Kalau rakyat setuju, rakyat kata tidak ada masalah dan kita yakin selepas sesi-sesi pertemuan, selepas sesi-sesi dialog diadakan maka kerajaan akan teruskan. Selain daripada itu...

**Seorang ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Cuba dengar betul-betul. Ini bangsa tidak dengar betul-betul, selalu putar belit fakta yang diberikan oleh pihak kerajaan. [Dewan riuh] Dengar betul-betul semasa saya memberikan jawapan. Kriteria yang lain kepada pemilihan sesebuah tapak yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi:-

- (i) tanah itu telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (ii) keadaan tapak itu sesuai dan jauh daripada kawasan penempatan iaitu zon memampam, *buffer* zon lebih kurang 500 meter.

#### ■1050

Selain daripada itu juga boleh menjadi *regional facility* bagi sesuatu daerah terutama dalam konteks Bukit Payong. Itu jawapan saya. Lepas ini jangan putar belitkan jawapan saya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta penjelasankah? Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah cukup Yang Berhormat...[Dewan riuh]

**6. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menggubal undang-undang baru atau pindaan untuk mengawal tadbir bidang kesihatan "*governing healthcare*" di Malaysia.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya ialah tentang rancangan yang dipunyai oleh Kementerian Kesihatan untuk menggubal undang-undang baru atau pindah undang-undang yang tersedia ada di dalam menjaga bidang kesihatan atau apa yang ditajukkan sebagai *governing healthcare*.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan ialah satu perkara yang luas dan Kementerian Kesihatan telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga penjagaan dan rawatan perubatan, untuk menjaga kesihatan awam, untuk menjaga kesihatan penduduk, untuk menjaga isu-isu

berkenaan dengan etika perubatan, dan isu-isu yang di luar sempadan negara dan isu-isu kesihatan antarabangsa.

Di dalam menangani ini, memang ada banyak undang-undang yang ada di dalam kementerian untuk menjaga aspek-aspek tertentu dan seperti Ahli Yang Berhormat mungkin tahu bahawa di dalam sistem pentadbiran sesuatu negara, semua undang-undang yang tersedia ada bukan statik. Ia adalah satu proses yang dinamik iaitu dengan keperluan masa, dengan mengambil kira keperluan dan perkembangan yang berlaku pada suatu-suatu masa, undang-undang baru digubal dan undang-undang yang tersedia ada menghadapi pindaan.

Selaras dengan ini, baru-baru ini beberapa undang-undang yang ada di dalam Kementerian Kesihatan yang telah dipinda seperti kita sedang menggubal undang-undang untuk mengawal perubatan tradisional dan komplementasi dan ini telah diluluskan di dalam Dewan Rakyat dan sekarang proses untuk menggubal peraturan supaya undang-undang boleh dilaksanakan. Macam itu juga pada tahun yang lalu, Akta Perubatan telah dipinda untuk meningkatkan lagi dan meluaskan lagi beberapa daripada skop yang tersedia ada di dalam atau perubatan itu.

Baru-baru ini kita di dalam proses untuk menggubal beberapa rang undang-undang baru contohnya 'Rang Undang-undang Transplantasi Organ', Rang Undang-undang Profesion Sains atau *Allied Sciences*, Rang Undang-undang Farmasi untuk menggabungkan beberapa undang-undang tersedia ada yang menjaga isu-isu berkaitan farmasi dan ubat. Satu rang undang-undang khusus iaitu *stand alone act* untuk mengawal tembakau di dalam negara. Inilah usaha yang dilakukan oleh kerajaan di dalam proses untuk meningkatkan lagi cara pentadbiran dan menguruskan isu kesihatan supaya ia selaras dengan keperluan masa. Terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya nampak tiada disebut langsung tentang pelaksanaan *1Care* yang diinginkan oleh kerajaan sehingga tahun lepas. Saya hendak tahu, sama ada kerajaan masih berhasrat ataupun dalam proses perbincangan dengan *stakeholders* untuk melaksanakan *1Care* tersebut sebab ini adalah sangat penting. Ia akan menjadi satu *overhaul* terhadap *healthcare* di Malaysia dengan izin.

Belum habis. Tuan Yang di-Pertua, dalam isu *health*, *1Care* tersebut telah banyak pandangan dan kritikan yang telah dibangkitkan. Saya harap kerajaan betul-betul mempertimbangkan isu-isu tersebut. Kedua, saya hendak tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang sudah Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ada satu lagi yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Satu soalan sahaja.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Mengenai dengan kontrak untuk mengurus dan mengendalikan, menyediakan lima perkhidmatan sokongan teras iaitu dengan izin *to manage operate and provide cost support services* yang telah diberikan kepada tiga syarikat. Saya hendak tanya adakah kerajaan memantau ketiga-tiga syarikat ini sebab terdapat masalah timbul seperti di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, ada enam lif tetapi selalu rosak dan langsung tiada langkah untuk membaikinya sejak dua, tiga tahun yang lalu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Jadi, apakah langkah-langkah untuk memantau syarikat ini agar kontrak yang diberikan mereka dijalankan dengan baik? Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Ya! Duduk!

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua isu ini yang dibangkitkan ialah berkenaan perkara-perkara cara pengurusan. Salah satu daripadanya ialah tentang apa langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh kerajaan untuk menguruskan perbelanjaan atau *cost and healthcare* yang tersedia ada di dalam

negara kita. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, pada masa sekarang, di dalam bajet kerajaan kita lebih daripada RM20 bilion diperuntukkan untuk menjaga kesihatan.

Walaupun ini satu jumlah yang begitu besar tetapi masih tidak mencukupi untuk menyelesaikan dan menunaikan segala keperluan yang ada tentang memberi satu perkhidmatan kesihatan yang memuaskan dengan secara dan untuk menunaikan harapan rakyat yang ada pada masa sekarang. Untuk menghadapi ini, memang beberapa cadangan yang telah dibuat seperti yang ada di dalam negara-negara yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesti tahu bahawa kita ialah salah satu daripada negara di dalam dunia ini, di dalam *public health service*. Ia diberi kepada rakyat lebih kurang secara percuma. Lebih daripada 98% atau 9 daripada kosnya ditanggung secara penuh oleh kerajaan. Untuk satu jangka masa yang tertentu, mungkin kita boleh. Selepas itu kita kena cari langkah-langkah yang sesuai di mana proses ini boleh diteruskan dan perkhidmatan dengan taraf yang begitu tinggi boleh diteruskan dan diberi kepada rakyat.

Untuk menyelesaikan dan menjawab soalan itulah wujud konsep *1Care* ini. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa sebelum satu program yang begitu besar yang mempunyai kesan yang besar ke atas rakyat ini mesti diambil kira selepas mengadakan konsultasi yang mencukupi. Oleh itu, di dalam itu saya setuju dan saya akan jamin bahawa sebelum kita akan melaksanakannya kita akan mengadakan konsultasi dengan semua *stakeholders* supaya apa yang dibuat ialah selaras dengan keperluan dan hasrat dan kemahuan rakyat sebelum ia boleh dilaksanakan sebagai satu langkah untuk menghadapi *increase cost of healthcare*.

Untuk menjawab soalan yang kedua tentang *concessionaire*, memang di dalam kontrak mereka pun ada klausa-klausa yang menentukan proses pemantauan dan tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas mereka kalau ada kecuaihan untuk menunaikan tanggungjawab mereka seperti yang telah ditetapkan di dalam kontrak mereka. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memperkenalkan Pelan Strategik KKM bagi menentukan hala tuju sektor kesihatan bagi mencapai negara maju pada tahun 2020. Adakah perlu undang-undang sedia ada dipinda atau digubal bagi memastikan bahawa sektor ini dapat menjamin keberkesanannya untuk rakyat keseluruhannya di masa depan? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Saya ingat jawapan ini termasuk di dalam jawapan saya bila saya jawab soalan pertama bahawa memang proses penggubalan undang-undang dan pindaan undang-undang untuk memastikan bahawa perkhidmatan kita selaras dengan keperluan masa, selaras dengan teknologi yang ada pada masa terkini, kerajaan akan membuat keputusan untuk menggubal undang-undang kalau perlu, pinda undang-undang kalau perlu supaya boleh mencapai tujuan dan matlamat ini. Terima kasih.

**7. Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh kementerian dalam membantu pekebun-pekebun kecil yang tinggal di kampung dan kawasan pedalaman yang bergantung hidup dengan kebun getah memandangkan harga getah yang terlalu rendah sekarang.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan nombor tujuh, Kementerian Kemajuan Luar Bandar melalui RISDA membantu pekebun kecil yang tinggal di kampung dan kawasan pedalaman yang bergantung hidup dengan kebun getah.

RISDA telah melaksanakan kaedah-kaedah seperti berikut:

- (i) menggalakkan pekebun kecil getah menjual getah secara berkelompok dengan menggunakan sistem tender terutama di projek-projek tanaman semula berkelompok bagi meningkatkan perolehan harga getah di peringkat ladang;
- (ii) memberi insentif bantuan khas kejatuhan harga getah yang dibayar secara *one-off* berjumlah RM500 bagi individu yang mempunyai tanah berkeluasan 2.5 hektar dan ke bawah.



Bantuan ini bermula pada 18 April 2013 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM160 juta. Seramai 320,000 orang pekebun kecil getah akan mendapat manfaat daripadanya;

■1100

- (iii) meningkatkan produktiviti getah melalui Skim Insentif Pengeluaran Getah (SIPG) bagi pemilik kebun getah berkeluasan 2 setengah hektar dan ke bawah, akan memberikan bantuan input pertanian seperti baja, penggalak *latex*. Bantuan ini telah bermula pada tahun 2013 dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta untuk 16,495 orang pekebun kecil; dan,
- (iii) meningkatkan sumber pendapatan melalui program aktiviti ekonomi tambahan melalui aktiviti keusahawanan, ternakan dan tanaman kontang jangka pendek, *cash crops*. Ia berupaya untuk menjana pendapatan tambahan dengan kadar purata RM400 bagi setiap projek. Sejak tahun 2003 hingga Mei 2013, seramai 6,021 orang pekebun kecil telah menerima bantuan ini dengan jumlah peruntukan dibelanjakan sebanyak RM59.3 juta.

Sekian, terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Malaysia melalui RISDA yang baru-baru ini telah memberi RM500 sumbangan kepada pekebun-pekebun kecil dan juga sumbangan RISDA kepada pekebun-pekebun kecil sejak daripada dahulu lagi tetapi sebenarnya di sana ada dua kumpulan. Pertama, kumpulan pekebun-pekebun kecil yang ada kebun. Kedua adalah penoreh-penoreh getah yang bekerja sepanjang masa dengan pekebun-pekebun kecil ini yang tidak ada kebun getah.

Jadi, masalahnya bantuan yang diterima daripada RISDA adalah diterima oleh pekebun-pekebun kecil yang susah juga. Mereka ini ada kebun tetapi pekerja-pekerja ini tidak mendapat apa-apa bantuan dan juga tidak mendapat bantuan RM500 yang diberi oleh RISDA baru-baru ini. Soalan saya yang pertama ialah apakah ada rancangan kerajaan untuk mengadakan satu sistem ataupun mekanisme untuk membantu pekerja-pekerja, penoreh-penoreh kepada pemilik-pemilik pekebun kecil ini di mana di kawasan pedalaman dipanggil pekerja ataupun kuli? Penoreh getah ini yang bukan tuan kepada pekebun-pekebun kecil di mana mereka ini pekerja tetap untuk menoreh getah. Kedua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah *possible*, kemungkinan kita mengadakan satu harga lantai ataupun harga tetap bagi harga getah untuk penoreh-penoreh getah? Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan tambahan saya bermula dengan soalan yang kedua tadi, harga lantai untuk harga getah. Buat masa sekarang, memang kita tidak ada harga lantai oleh kerana harga getah buat masa sekarang adalah walaupun rendah, agak di peringkat yang masih lagi boleh membantu. Mungkin sekiranya kalau mendesak sangat, kerajaan akan mengambil maklum akan cadangan ini oleh kerana kerajaan memang prihatin kepada rakyat dan juga penoreh getah dan pekebun kecil getah. Jadi buat masa sekarang, seperti mana saya sebut tadi, kita belum ada dasar harga lantai.

Untuk menjawab satu lagi soalan tadi iaitu untuk pekerja-pekerja penoreh-penoreh getah. Buat masa sekarang, kita tidak ada yang khusus untuk membantu mereka sebagai penoreh ataupun pekerja. Oleh kerana perkara ini telah dibangkitkan dan saya menerima maklum bagi pihak Kementerian, cadangan ataupun saranan oleh Yang Berhormat Sik dalam perkara ini. Mungkin kita boleh mencari bagaimana ataupun memikirkan bagaimana kita boleh membantu penoreh-penoreh ataupun pekerja-pekerja pekebun getah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, saya ingin ingatkan cuma satu soalan tambahan yang dibolehkan mengikut peraturan mesyuarat. Jika soalan itu berantai, tidak payahlah sebut soalan satu, soalan dua, soalan tiga, boleh kan? Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. KETENGAH terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Soalan saya, apakah pandangan Timbalan Menteri tentang *feasibility study* dan

juga langkah-langkah promosi tentang Projek Duty Free Complex yang diletak di tengah-tengah hutan Tasik Kenyir yang telah menelan belanja lebih kurang RM250 juta yang di mana juga telah banyak berlaku hakisan?

Seperti kita tahu, tiada pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut yang boleh ditampung tanpa satu rangkaian atau infrastruktur *flight* antarabangsa seperti di Langkawi. Dengan itu menjadi satu persoalan, apakah satu *feasibility* telah dilakukan yang munasabah untuk mengadakan satu Duty Free Complex di tengah hutan di KETENGAH di Kenyir? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika tidak berkaitan, tidak perlu jawab Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak berkaitan Tuan Yang di-Pertua. Ini jauh sangat menyimpang.

**8. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah mekanisme pihak kementerian bagi memastikan tiada diskriminasi dalam kadar tangga gaji pekerja asing dan pekerja tempatan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Ampang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pekerja-pekerja di negara kita di atas sumbangan mereka dalam membangunkan negara tanpa mengira mereka pekerja tempatan ataupun pekerja asing. Pelbagai usaha diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kebajikan pekerja. Jadi, sudah tentulah tidak ada diskriminasi dilakukan terhadap pekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan tiada diskriminasi dalam kadar tangga gaji pekerja asing dan pekerja tempatan adalah melalui langkah-langkah berikut:

- (i) penguatkuasaan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*];
- (ii) penguatkuasaan Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*]; dan
- (iii) tapisan permohonan pekerja asing oleh majikan-majikan.

Melalui Akta Kerja 1995, bawah seksyen 60(L) [*Akta 265*] memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk membuat siasatan terhadap aduan-aduan berhubung diskriminasi yang melibatkan pekerja tempatan dan pekerja asing oleh majikan mereka berkenaan terma-terma dan syarat-syarat pekerja yang diperoleh. Kegagalan majikan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan melalui seksyen 60(L) [*Akta 265*] ini adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

Selain daripada itu, menyasiat aduan-aduan, Jabatan Tenaga Kerja turut menjalankan aktiviti pemeriksaan berkanun secara berkala. Sesuai dengan peruntukan bab 14, [*Akta 265*] yang antara lain tujuannya ialah untuk memastikan pematuhan undang-undang serta bagi mengesan dan mencegah awal penyelewengan undang-undang.

Langkah lain ialah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*]. Akta Majlis Perundangan Gaji Negara telah meletakkan gaji minimum bagi semua pekerja sebanyak RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan bagi Sabah dan Sarawak. Ketiga yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang ialah tapisan permohonan pekerja asing oleh majikan.

#### ■1110

Secara dasarnya, Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah membuat tapisan pada peringkat awal permohonan majikan untuk menggaji pekerja asing. Sekiranya majikan menawarkan gaji lebih tinggi kepada pekerja asing berbanding pekerja tempatan, permohonan mereka akan ditolak. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang akta-akta dan sebagainya tadi, pada hakikatnya kita tahu bahawa di industri seperti sektor kesihatan, minyak dan gas, di situ terdapat di mana pekerja asing diberikan gaji yang lebih tinggi daripada pekerja tempatan. Ini kerana itu melibatkan terjadinya seperti yang kita maklum satu faktor iaitu *brain drain* yang keluar dari negara kita. Maka kerajaan telah berusaha untuk membuat Talent Corporation dan sebagainya. Apakah kejayaan Talent Corporation setakat ini untuk membanteras isu yang saya sebut tadi?

Keduanya, selepas PRU Ke-13 kita lihat populariti undi Barisan Nasional menurun, kita pakatan 51%. Ada pula *statements* yang menyuruh orang-orang ini meninggalkan negara ini kerana orang yang mengundi pakatan ini *insya-Allah* orang yang bijak, ada *brain* yang mungkin akan ke luar negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya kira *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Ampang ini tidak betul. Sebenarnya, penurunan undi Barisan Nasional bukan kerana usaha untuk mengeluarkan pekerja pakar ke luar tetapi adalah kerana kerja-kerja karut dan kerja-kerja hasut yang dilakukan oleh parti pembangkang. [*Tepuk*] Ini dia. Oleh sebab itulah kalau kita lihat banyak usaha dibuat oleh kerajaan dalam menangani masalah keadilan pekerja di negara kita ini. Saya hendak beri contoh bagaimana kerajaan kita tidak membezakan antara pekerja tempatan dengan pekerja asing. Berbagai-bagai kemudahan telah pun disediakan oleh kerajaan. Umpamanya bagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada sekarang. Bagi cuti tahunan, pekerja tempatan ada, pekerja asing ada. Cuti rehat mingguan juga ada bagi pekerja tempatan dan pekerja asing. Cuti sakit, kemudahan perubatan juga ada bagi pekerja tempatan dan pekerja asing. Cuti am juga ada bagi pekerja tempatan dan pekerja asing. Struktur waktu bekerja termasuk kerja lebih masa juga ada. Struktur tugas kerja juga disusun oleh majikan-majikan bagi pekerja tempatan dan pekerja asing. Struktur gaji dan begitu jugalah keselamatan sosial dan lain-lain.

Jadi ini bukti kepada kita bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah diskriminasi ini tidak berlaku. Maknanya kerajaan sentiasa mencari jalan supaya pekerja asing dan juga pekerja tempatan mendapat faedah yang sama kerana mereka juga memberikan sumbangan yang sama kepada kemajuan negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam usaha kerajaan untuk meminimumkan tangga gaji ialah satu usaha yang sangat baik dilaksanakan oleh kerajaan. Akan tetapi dalam usaha ini, adakah pihak kerajaan membuat kajian tentang soal peniaga-peniaga kecil seperti warung-warung umpamanya? Mereka juga ada melibatkan memakai tenaga pekerja-pekerja di warung-warung kecil tetapi mereka mungkin tidak dapat membayar gaji sedemikian rupa iaitu minimum sebanyak RM900. Mungkin mereka akan membayar gaji sebanyak RM15 sehari, mungkin bekerja hanya 20 hari atau 25 hari. Ini salah satu perkara yang mungkin bagaimana tindakan kerajaan perlu mengambil langkah sedemikian rupa.

Dalam soal ini kita juga kena memikirkan seperti buruh asing. Kita percaya buruh asing ini gaji mereka lebih tinggi daripada pekerja-pekerja tempatan, umpamanya seperti dalam sektor pembinaan. Sudah pasti bayaran gaji mereka lebih tinggi kerana mereka kuat, rajin dan sebagainya. Ini memang tidak dapat dinafikan. Ini juga boleh menyebabkan aliran perkembangan kewangan negara mungkin lebih kepada... [*Disampuk*] Soalanlah ini. Lebih kepada untuk dihantar kepada keluarga-keluarga di luar negara dan akan juga melibatkan perkembangan ekonomi negara. Adakah kerajaan juga mengambil langkah untuk memastikan aliran keluar ini melibatkan berapa banyak, kalau bolehlah jawab hari ini, berapa banyakkah aliran pengeluaran wang tersebut ke luar negara?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lipis. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Lipis kerana satu pendekatan yang positif kepada pekerja tempatan. Apabila beliau mengatakan Tuan Yang di-Pertua, ada sesetengah majikan ini membayar gaji pekerja asing lebih. Bagi kita sebagaimana yang saya sebutkan tadi, gaji minimum yang telah diputuskan ialah RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah dan Sarawak.

Bagi kita kerajaan, kita tidak menghalang bahkan kita mengucapkan terima kasih, syabas kepada majikan yang boleh membayar gaji lebih daripada gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi,

maknanya apabila beliau menyuarakan bahawa ramai pekerja asing mendapat gaji lebih kerana mereka rajin bekerja dan sebagainya, ini satu rangsangan yang cukup baik kepada pekerja tempatan. Kenapa kita tidak rebut peluang ini sedangkan mereka boleh bekerja? Jadi ini satu pandangan yang cukup baik. Ini yang saya hendak Yang Berhormat Lipis supaya apa yang dibuat oleh ... [Disampuk] pembangkang, ini yang kita bawa. Jangan kita ajak orang membuat perkara yang tidak baik, demonstrasi tidak baik. Buat, ajak bagaimana kita mencari kerja di jalan. [Dewan riuh] Saya sebut – minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jadi berbalik kepada soalan Yang Berhormat Lipis tadi, saya tidak dapat *figure*nya tentang berapa. Kerajaan akui bahawa seperti mana yang saya buatkan semalam, lebih daripada 1.6 juta pekerja luar di negara kita dan sudah tentulah wang mengalir keluar cukup banyak. Yang Berhormat, saya akan berikan kemudian. Saya akan dapatkan maklumatnya.

Berkenaan dengan pelaksanaan gaji minimum ini seperti mana yang telah pun dibentangkan oleh Menteri saya dan saya sudah jawab minggu lepas. Kalau ikut sebenarnya pelaksanaan gaji minimum ini berkuat kuasa 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggajikan enam orang pekerja dan lebih. Manakala majikan yang menggajikan pekerja kurang daripada enam orang, tarikh berkuat kuasa pada bulan Julai 2013. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, kita mendapat rayuan daripada majikan-majikan yang rendah ini. Kita bersimpati dengan mereka. Oleh sebab itulah saya berharap kepada pekerja janganlah terlalu mendesak kerana sementara ada kerja diberikan oleh majikan, bersama-sama lah berbincang dengan majikan. Begitu juga dengan majikan, jangan terlalu kedekut untuk menyumbangkan wang dan keuntungan yang diperolehi kepada pekerja.

Sebenarnya kita putuskan untuk pelaksanaan gaji minimum ini ialah bulan Januari 2014. Ini perlu dipatuhi oleh majikan-majikan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan melihat andai kata terdapat masalah-masalah yang perlu kita tangani supaya apa yang pernah saya sebutkan *win-win situation* atau situasi menang-menang antara majikan dan pekerja ini dapat kita peroleh. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah strategi, program serta projek-projek pembasmian kemiskinan yang:

- (a) telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan di seluruh negara; dan
- (b) menurunkan kadar kemiskinan di Sabah daripada 19% pada tahun 2009 kepada 8% pada tahun 2012.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin dan yang berpendapatan rendah tidak kira mereka berada di bandar ataupun di luar bandar. Sesungguhnya, usaha membasmi kemiskinan merupakan inisiatif yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan dan bukannya terletak di atas bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata.

Strategi merentasi kementerian dalam sektor serta sinergi antara agensi kerajaan penting bagi memastikan pelbagai program pemerikasaan golongan miskin dilaksanakan secara holistik ataupun menyeluruh. Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan adalah menjurus kepada bidang kepakaran kementerian atau agensi kerajaan yang terbabit. Hasilnya pihak kerajaan telah berjaya mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 1.7% pada tahun 2012. Dalam hal ini, terdapat dua inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai sebahagian usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan.

Pertamanya, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyalurkan bantuan kebajikan bagi memastikan golongan miskin dan yang memerlukan dapat meneruskan kelangsungan hidup serta mengurangkan beban kos sara hidup. Sebagai contoh, JKM telah memberi sejumlah RM1.472 bilion bagi membantu seramai 514,066 orang pada tahun 2012.

## ■1120

Inisiatif kedua pula adalah menerusi bidang keberhasilan utama negara, meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Di bawah NKRA LIH, sejumlah 44,643 ketua isi rumah telah berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin tegar melalui program 1AZAM pada tahun 2010. Ingin saya nyatakan di sini bahawa data bilangan rakyat yang miskin tegar adalah satu perkara yang dinamik kerana akan berlaku situasi di mana sesuatu isi rumah akan tiba-tiba dikategorikan sebagai miskin tegar berikutan kematian mengejut ketua isi rumah mereka atau dengan izin, *the breadwinner of the family*.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku peneraju NKRA LIH akan sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin, tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan. Dalam hal ini, antara langkah yang diambil ialah penawaran program 1AZAM kepada ketua isi rumah miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah sistem eKasih dan menerima bantuan JKM.

Program 1AZAM yang berteraskan kebajikan produktif atau dengan izin *productive welfare* membantu golongan berpendapatan rendah dengan menyediakan peluang menjana pendapatan dalam bidang perniagaan atau AZAM Niaga, perkhidmatan atau AZAM Khidmat yang diterajui oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), pertanian atau AZAM Tani yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pekerjaan atau AZAM Kerja yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Selain itu, selaku peneraju NKRA LIH, Program 1AZAM juga ditawarkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi golongan yang berpendapatan rendah yang tidak berdaftar di bawah sistem eKasih. Bagi tempoh Januari 2010 hingga 31 Disember 2012, sejumlah 106,967 orang AIR di seluruh negara telah menyertai program 1AZAM. Daripada jumlah itu, seramai 11,694 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka melepasi paras garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi perhatian dan keutamaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Sehubungan itu, inisiatif pembasmian kemiskinan dirangka dan dilaksanakan dengan mengambil kira semua faktor penyebab kemiskinan seperti kekurangan wang perniagaan, kawasan pedalaman serta juga beban perbelanjaan keluarga.

Bagi negeri Sabah di bawah NKRA LIH, Kerajaan Negeri Sabah telah menjalankan Program 1AZAM Sabah kepada golongan miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah sistem eKasih. Hingga 31 Disember 2012, seramai 24,450 orang telah menyertai program tersebut. Memandangkan Program 1AZAM merupakan sebuah program peningkatan pendapatan melalui empat bidang iaitu pekerjaan, pertanian, perniagaan perkhidmatan dan perniagaan produk, maka peserta akan menerima bantuan peralatan atau latihan mengikut minat dan kemahiran masing-masing. Seterusnya peserta dipantau oleh agensi atau kementerian di bawah Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan pengekalan projek dan peserta dapat menjana pendapatan tambahan kesan daripada Program 1AZAM ini.

Sukacita saya memaklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua, daripada 24,450 orang peserta Program 1AZAM di Sabah, seramai 2,003 orang peserta telah pun berjaya meningkatkan pendapatan melepasi paras garis kemiskinan. Sebagai kesimpulan, strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan menggunakan pendekatan kebajikan produktif atau dengan izin *productive welfare* bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah menjana pendapatan untuk hidup berdikari terbukti berjaya memberi impak yang positif kepada penurunan kadar kemiskinan nasional. Terima kasih.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya sedar bahawa program-program untuk pembasmian kemiskinan bukan hanya tertumpu kepada kementerian Yang Berhormat tetapi juga terletak di kementerian-kementerian yang lain. Pada masa yang sama, dalam soal membasmikan kemiskinan ini juga, ia lebih efektif apabila ia ada *gender bias* dalam hal ini menumpukan kepada wanita. Dalam hal ini saya sedar bahawa di antara program yang begitu berkesan dalam membasmikan kemiskinan ialah

pemberian mikro kredit yang dijalankan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan bagi di Sabah, Yayasan Usaha Maju yang diletak di bawah Kementerian Pertanian Negeri Sabah.

Persoalan saya di sini ialah sebagai kementerian peneraju pembangunan wanita, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk meminta kepada kerajaan supaya meletakkan AIM ini di bawah kementerian Yang Berhormat supaya dapat diselaraskan dengan program-program yang dinyatakan tentang 1AZAM tadi? Ini kerana apabila diletakkan di bawah program-program 1AZAM, kadang-kadang pengenalpastian kumpulan-kumpulan sasaran ini bercelaru walaupun ia berasaskan dengan eKasih.

Kita lihat kalau tidak, kalau Yang Berhormat tidak bercadang untuk meletakkan di bawah kementerian, apakah kementerian setakat ini memantau pelaksanaan dan keberkesanan AIM ini? Kalau ya, bolehkah Yang Berhormat beritahu sudah berapa bilangan-bilangan mikro kredit daripada AIM di seluruh negara dan khususnya untuk negeri Sabah. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Tuaran dan terima kasih juga kerana bersetuju bahawa program yang kita jalankan telah berjaya untuk membantu rakyat kita keluar daripada kemiskinan termasuklah kaum wanita itu sendiri. Memanglah menjadi satu tanggungjawab kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan semua golongan keluar daripada kemiskinan ini bukan sahaja golongan wanita. Akan tetapi oleh kerana kami adalah kementerian yang menjaga antara lainnya ialah kumpulan sasar kita adalah kaum wanita, maka tentulah wanita itu menjadi sasaran utama kami.

Saya juga mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat tadi supaya AIM itu diletakkan di bawah kementerian. Kita berterima kasih dan kita mungkin akan cuba bincang dengan pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, setakat ini sukacita saya mengatakan bahawa memang kita mengadakan pemantauan ke atas program-program yang dilaksanakan dengan kerjasama AIM khususnya di mana kita telah ada satu program yang khusus kementerian bekerjasama dengan AIM iaitu mewujudkan usahawan wanita dengan *target* kita mencapai 4,000 orang usahawan wanita yang dapat kita lahirkan. *Alhamdulillah*, kita telah melebihi sasaran itu. Kita telah dapat melahirkan 4,300 orang usahawan wanita dengan kerjasama AIM dengan pendapatan melebihi RM3,500 sebulan dalam masa tiga bulan berturut-turut. Sehingga sekarang, melalui pemantauan kita bersama dengan AIM, mereka ini rata-ratanya kecuali sembilan orang sahaja seperti mana saya telah maklumkan dalam jawapan saya sebelum ini masih lagi mengekalkan pendapatan RM3,500 ke atas. Ada yang sampai RM10,000.

Jadi Yang Berhormat, memang kita mengadakan pemantauan. Untuk berapa ramai lagi jumlah yang seperti Yang Berhormat minta tadi seluruh Malaysia dan Sabah itu, nanti kita akan beri kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang tahap garisan kemiskinan. Ini kerana seperti yang dimaklumkan, tahap yang ditetapkan contohnya RM720 adalah untuk Semenanjung Malaysia dan saya rasa yang lebih untuk Sabah dan Sarawak adalah satu tahap yang telah ditetapkan dua tahun lepas. Bolehkah kita dapat kaji semula tahap garis kemiskinan kerana ia adalah terlalu rendah dan tidak harus dikemaskinikan?

Kedua, saya rasa usaha untuk membanteras kemiskinan seharusnya menjadi suatu usaha sama di antara pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak kerajaan negeri. Tidak harus dibatasi oleh unsur-unsur politik dan juga kepentingan-kepentingan yang lain. Seperti yang sering dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada 108,000 isi rumah yang ditakrifkan sebagai keluarga miskin dan juga usaha kerajaan negeri untuk menghapuskan kemiskinan pada tahun ini di Pulau Pinang.

#### ■ 1130

Bolehkah Yang Berhormat memberikan kerjasama supaya kita dapat sama-sama menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang dengan berkongsi maklumat dan data? Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bagan. Ingin saya mengatakan awal-awal lagi bahawa dalam usaha kita

untuk membasmi kemiskinan rakyat kita di seluruh negara kita di Malaysia ini, tidak ada politik kerana ini adalah satu usaha murni kerajaan untuk memastikan rakyat kita ini kalau boleh tidak ada seorang pun lagi yang miskin di dalam negara kita ini termasuklah juga di Pulau Pinang, Yang Berhormat Bagan. Kita tidak ada masalah untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri.

Sebagai contohnya di negeri Sabah, memang kerjasama untuk mengeluarkan rakyat kita yang miskin daripada kemiskinan adalah hasil kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Selain daripada program 1AZAM yang dikendalikan oleh kementerian saya melalui Kerajaan Persekutuan, di negeri Sabah, banyak program yang lain yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri itu sendiri. Ada yang secara sendirinya dan ada yang dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan untuk memastikan usaha membasmi kemiskinan ini berjaya. Jadi, tidak ada masalah Yang Berhormat Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah sesi pertanyaan jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## USUL

### PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN DI BAWAH P.M. 66A

**11.32 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua,

“BAHAWASANYA Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa kementerian berkuat kuasa 16 Mei 2013 seperti berikut:

- (a) fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan;
- (b) fungsi-fungsi dan agensi-agensi berkaitan kebudayaan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Pelancongan yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan,
- (c) fungsi-fungsi dan agensi-agensi kesejahteraan bandar di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang kini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

DAN BAHAWASANYA-

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2013 [Akta A1446];
- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan kementerian-kementerian yang diperuntukkan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013;

- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan kementerian-kementerian yang diperuntukkan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat pengantukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya; dan
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana pengantukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI, membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus-
  - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima bilion lapan ratus tiga puluh enam juta sembilan ratus tujuh puluh lima ribu sembilan ratus empat puluh tujuh ringgit (RM5,836,975,947) di bawah Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud B.41 Kementerian Pendidikan;
  - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus empat puluh dua juta tiga ratus tujuh belas ribu seratus dua puluh tiga ringgit (RM242,317,123) di bawah Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud B.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
  - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi tujuh juta enam ratus lima puluh empat ribu lapan ratus tiga puluh empat ringgit (RM7,654,834) di bawah Maksud B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud B.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan-
  - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion sembilan ratus tujuh puluh lima juta seratus tujuh puluh satu ribu tiga ratus tujuh puluh satu ringgit (RM1,975,171,371) di bawah Maksud P.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud P.41 Kementerian Pendidikan;
  - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam puluh empat juta tiga ratus empat puluh ribu lapan ratus enam puluh ringgit (RM64,340,860) di bawah Maksud P.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud P.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
  - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima puluh tujuh juta tiga puluh ribu tiga ratus lapan puluh lima ringgit (RM57,030,385) di bawah Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud P.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan."

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan



(Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan Tahun 2013) adalah dibentangkan untuk meminda peruntukan yang telah disediakan di bawah Belanjawan 2013 daripada satu kementerian kepada kementerian yang lain. Peruntukan kewangan yang dipinda dari satu kementerian kepada satu kementerian ini sudah pun diluluskan pada tahun lepas iaitu dalam Belanjawan 2013.

Tidak ada sebarang tambahan dibuat malah baki peruntukan pada 15 Mei 2013 dipindahkan kepada kementerian baru yang menerima fungsi, aktiviti dan projek daripada kementerian lama.

Usul dibentangkan mengikut Peraturan 66A, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Mengikut amalan, perbahasan mengenai usul ini tidaklah terlalu lama memandangkan ia melibatkan hanya pindaan peruntukan yang telah diluluskan. Saya ingin melihat berapa ramai yang ingin melibatkan diri dalam usul ini. *[Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri]* Baiklah Yang Berhormat, kita akan peruntukkan sehingga jam 4 petang untuk membahaskan usul ini, kemudian pihak kementerian akan menjawab selepas itu. Oleh kerana ramai yang bangun, saya ingin hadkan masa tidak melebihi 15 minit bagi setiap pembahas untuk usul ini. Kita akan hentikan usul ini pada jam 4 petang.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan. Peraturan 9 – kewajipan-kewajipan Setiausaha. Perkhidmatan internet melalui *WiFi* di dalam Dewan telah tidak beroperasi secara elok sejak minggu yang lepas dan saya telah membuat aduan. Saya pohon supaya Tuan Yang di-Pertua turunkan perintah kepada Setiausaha untuk memastikan kualiti perkhidmatan *WiFi* itu sentiasa dalam tahap dan mutu yang tinggi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebenarnya ini tidak perlu dikemukakan dalam Dewan kerana ia tidak ada melibatkan peraturan mesyuarat mana-mana. Jika ada perkara begini berlaku di masa hadapan, pihak-pihak yang terlibat boleh terus berjumpa dengan Ketua Pentadbir dan sebagainya di Parlimen kita ini. Walau bagaimanapun, isu itu telah diambil tindakan oleh pihak tertentu dalam Parlimen dan sekarang dalam proses untuk dibaiki, dipulihkan semula. Ya, yang hendak berucap? Bahas? Yang Berhormat Kinabatangan, 15 minit Yang Berhormat.

11.39 pg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong usul yang dibentangkan tadi iaitu pemindaan beberapa kementerian.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

■1140

Saya melihat sudah sampai masanya untuk kerajaan menstrukturkan beberapa kementerian yang dilihat mungkin mendatangkan manfaat kepada negara dan juga rakyat. Di sini juga saya mengambil kesempatan iaitu apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan pula satu kementerian iaitu Kementerian Usahawan, yang mana kementerian ini penting bagi mempertimbangkannya untuk melihat bagaimana usahawan-usahawan kita di negara ini seolah-olahnya terbiar, terabai dan mereka tidak ada kementerian yang tertentu untuk mereka bernaung. Ini menjadi beban dan masalah kepada mereka untuk menjalankan usaha-usaha perniagaan, pertanyaan, kemusykilan dan sebagainya.

Pada saya, kementerian yang dicadangkan iaitu Kementerian Usahawan ini memang amat diperlukan dan memang dinanti-nantikan oleh rakyat jelata. Sebab ini pada mereka merupakan satu kementerian yang boleh mereka berpaut, boleh mereka menentukan bagaimana untuk menjuruskan masa depan, mengembangkan perniagaan dan sebagainya. Di mana pada ketika ini ekoran dengan tiadanya kementerian tertentu mengurus mereka, mereka terpaksa meniti beberapa kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan macam-macam kementerian serta agensi yang mereka perlu temui dan mengalami berbagai-bagai rintangan dan juga birokrasi yang seharusnya tidak wujud sekiranya kerajaan mewujudkan satu agensi ataupun satu kementerian seperti Kementerian Usahawan untuk mereka mengadu untung nasib mereka.

Berbalik kepada soal pokok iaitu unjuran kerajaan untuk menyatukan beberapa kementerian ini, pada saya memang perlu sebab kita tidak perlu ada dua kementerian pelajaran iaitu Kementerian Pelajaran dan satu Kementerian Pengajian Tinggi seolah-olah kita tidak ada keserasian antara satu dengan yang lain. Ini pada saya merupakan satu langkah yang bijak dan harus diambil kira oleh rakyat, yang mana kementerian ini – Cuma apa yang penting, mungkin pegawai-pegawai yang terlibat di kementerian ini hendaklah fokus untuk menjalankan amanah dan kewajipan yang diberikan kepada mereka sebab Kementerian Pelajaran sebelum ini pada saya merupakan satu kementerian yang telah begitu gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

Di Sabah kita lihat bagaimana sekolah-sekolah, sekolah menengah, sekolah rendah, diolah oleh kementerian ini. Mereka menjuruskan banyak projek di sekolah tetapi akhirnya peruntukan projek itu cuma dapat dimanfaatkan oleh kontraktor dan tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan sekolah itu sendiri. Contohnya, sekolah-sekolah luar bandar yang telah memakan berbilion-bilion ringgit tetapi dari antara beratus-ratus sekolah di Sabah, yang berfungsi cuma lebih kurang 5% hingga 10% dan 80% hingga 90% sampai hari ini tidak berfungsi. Jadi, ini harus diambil kira oleh kementerian dan juga kerajaan. Itu baru satu perkara. Belum lagi saya masukkan pula bekalan air di sekolah-sekolah iaitu peruntukan RM750 juta di Sabah tetapi sehingga hari ini sekolah-sekolah luar bandar tidak pun mendapat manfaat bekalan air di sekolah-sekolah tersebut. Ada tangki tetapi tidak berfungsi...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat Batu Gajah, macam lain saya nampak. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya, Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya berharap Yang Berhormat Kinabatangan akan bersetuju dengan saya bahawa kalau kita imbas kembali, kita tengok setiap kali habis pilihan raya kita rombak terutamanya Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan akan menjadi Kementerian Pelajaran. Saya tidak tahu apa logiknya? Setiap kali habis pilihan raya kita hendak tukar. Kita tukar takrif dia sahaja tetapi kita lihat kualiti pendidikan dalam negara semakin hari semakin merosot. Hanya kita ubah nama sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan kenyataan saya itu? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Nada dia jauh sedikit dengan Batu Gajah yang saya kenal. *[Ketawa]* Jadi, apa pun, kita layan.

Yang Berhormat Batu Gajah, seperti awal-awal mukadimah, saya katakan tadi bahawa mungkin percaturan kementerian ini diunjurkan mengikut keperluan semasa dan kita melihat bahawa keperluan itu memang ada. Cuma memang penting bukan hanya unjuran percaturan itu harus kita bahaskan. Apa yang kita perlu bahaskan iaitu kualiti di kementerian itu sendiri. Bagaimana kementerian itu mengunjurkan pula ikatan mereka di antara satu dengan yang lain iaitu selaras dengan tema kerajaan kita, '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*' dan juga '*Janji Ditepati*'.

Maka setelah kita membentuk kerajaan, maka kita serahkan kerajaan yang ada ini kepada kakitangan kerajaan. Oleh sebab itu ada kakitangan kerajaan. Walaupun satu ketika, ahli-ahli parti mempertikaikan, seharusnya parti menguasai kerajaan tetapi kita tidak pilih itu. Kita pilih kakitangan kerajaan, penjawat awam melaksanakan tanggungjawab kerajaan yang telah kita bina, telah kita bentuk. Itulah teras kepercayaan kita.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Kinabatangan kata kita mahu rakyat didahulukan. Kita selalu diberitahu rakyat mesti didahulukan. Masalahnya bila kita turun padang, rakyat tanya sama saya, "*Macam mana rakyat didahulukan?*" Memang saya setuju apa Yang Berhormat Kinabatangan sebut tadi, ada segelintir pegawai terutama sekali ketua-ketua jawatan tidak ambil perhatian atas isu-isu yang sudah terjadi dibawa, apa berlaku di kawasan masing-masing.

Contohnya saya baru-baru ini jawapan lisan, saya terima jawapan. Sekolah SK Kem Batu 18, memang saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana sudah bagi RM600,000 untuk menaik taraf ataupun mengubah suai. Akan tetapi peruntukan RM600,000 itu untuk membaik pulih, tetapi Jabatan kerja Raya sudah *declare* dua blok *classroom* itu *unsafe*, pada saya bagi tahu mahu membaik pulih. Macam mana hendak membaik pulih? Saya sudah bagi surat minta peruntukan RM3 juta untuk membina dua blok itu. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Macam mana kita punya *delivery system* boleh jadi macam ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sebab itu Yang Berhormat, saya katakan bahawa kita menghadapi masalah dengan *delivery system* kita ataupun sistem penyampaian kita. Terlalu banyak birokrasinya.

Oleh sebab itu melalui saluran di Dewan Rakyat, Dewan mulia ini, saya menggesa kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) supaya memantau pegawai-pegawai di bawahnya seperti KSU-KSU, KSP, ketua-ketua pengarah sebab mereka inilah yang telah kita pertanggungjawabkan, rakyat pertanggungjawabkan. Kita telah bentuk kerajaan ini melalui pilihan raya, melalui kemenangan majoriti 133 dan kita *delegate* kan kuasa itu kepada Menteri. Menteri *delegate*kan kepada ketua setiausaha. Mereka harus bertanggungjawab kepada rakyat. Mereka harus bertanggungjawab kepada kerajaan yang kita amanahkan ini. Kalau tidak, sia-sia kita membentuk dan sebab itu sebilangan besar negara...

■1150

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mereka mengutamakan politik menguasai kerajaan, sebab mereka tidak mahu kerajaan yang mereka bentuk itu dianiaya ataupun dinafikan oleh kakitangan kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebagai Ahli Parlimen untuk penggal yang kedua, saya merasakan bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan pernah saya dengari sejak lima tahun yang lalu. Saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Kinabatangan, sampai bila Kerajaan Barisan Nasional hendak salahkan kakitangan kerajaan atas kekurangan-kekurangan pentadbirannya sedangkan seperti mana yang kita tahu, pihak Menteri dan kerajaan itu berkuasa sepenuhnya ke atas pihak kerajaan ataupun ke atas pihak pegawai-pegawai dan sebagainya. Sekiranya ada kekurangan dan kelemahan dari segi pentadbiran itu, kita tidak boleh salahkan kakitangan kerajaan kerana yang memimpin dan yang mengurus kakitangan kerajaan ialah Menteri-menteri itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah Melayu, 'Cuba menanggung di air yang keruh'. Inilah Yang Berhormat Shah Alam...

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebetulnya hujah saya itu, saya tidak pernah menyalahkan kakitangan awam. Apa yang saya tekankan supaya mereka lebih mengutamakan rakyat untuk menjalankan kewajipan. Sebab setiap kita, manusia ini kalau kita umat orang Islam, saya dan Yang Berhormat Shah Alam, dunia ini sementara sahaja dan kalau kita mati nanti kita akan dibicarakan, kita akan ditanya. Apa yang telah kita lakukan sementara kita hidup di dunia ini dan kita tidak boleh bohong Yang Berhormat... [Tepuk] Cuba tanya Ustaz Nasa. Dia tahu peraturan dia. Orang Islam yang berbohong, apa hukumnya?

Jadi oleh kerana itu, pada saya memang saya tidak pernah pun menyalahkan kakitangan awam itu sendiri. Apa yang saya tekankan, mereka harus beramanah, mereka harus mengutamakan rakyat, mengutamakan ikatan itu, kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab kita bimbang satu hari nanti...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Kinabatangan sebut berkaitan dengan kakitangan kerajaan. Kita sedar kakitangan kerajaan adalah jentera kepada kerajaan. Jika cekap, cekaplah kerajaan dan saya hendak baca satu permintaan daripada salah seorang kakitangan kerajaan yang saya petik daripada laman *Facebook*. Saya baca, Yang Berhormat Kinabatangan. Dia kata, kakitangan kerajaan seperti *double standard* terutama apabila kerajaan memperkenalkan sistem *Time Base*. Namun katanya, ia tidak diguna pakai pada semua skim. Hanya skim tertentu sahaja. Jadi mereka harap perkara ini diberi perhatian oleh kerajaan.

Apakah selama ini kerajaan telah pun memberi banyak inisiatif kepada kakitangan kerajaan? Apakah isu-isu sebegini mesti lagi diberi perhatian oleh kerajaan supaya jentera kerajaan ini benar-benar dapat berjalan dengan baik dan betul? Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sebetulnya memang inilah masalah yang kita hadapi. Kita diibaratkan pepatah Melayu, *'Di Telan Mati Bapak, Diluahkan Mati Emak'*. Kalau kita berkeras dengan kakitangan awam, maka alamat satu agensi/kementerian itu tidak bergerak. Kita tidak bertegas, rakyat pula marah. Iaitu hari ini apabila ada agensi yang menjalankan kewajipan yang salah, rakyat di bawah bukan salahkan pegawai kerajaan, ini Kerajaan Barisan Nasional. Polis salah, dia salahkan Barisan Nasional. Semua salah dia, dia salahkan Barisan Nasional...

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini bermakna, sudah perlu kita ada satu ikatan yang telus dan *transparent* antara kerajaan yang macam kita membentuk kerajaan, dengan kakitangan kerajaan. Bermakna Ketua Setiausaha Negara harus peka bahawa mereka adalah kita wakilkan untuk menjalankan amanah. Demikian juga dengan KSU-KSU, Ketua-ketua Pengarah, mereka duduk situ disebabkan amanah oleh rakyat, amanah oleh Kerajaan Barisan Nasional. Maka mereka harus akur, patuh dengan kerajaan yang sedia ada. Melihat masalah rakyat. Itulah keutamaan dia. Kalau mereka tahu tanggungjawab mereka, saya tidak nampak kita ada permasalahan besar di antara kerajaan yang membentuk kerajaan dengan mereka yang menjalankan kewajipan kerajaan.

Sebab amanah daripada rakyat kita ambil lima tahun sekali, kita minta kepada rakyat dalam lima tahun dapat amanah, kita serahkan amanah kepada mereka tetapi ada yang tidak amanah, itu masalah. Bukan saya minta semua manusia ini semua telus, lurus, tidak. Selagi kita ini manusia, selagi itu kita terdedah kepada bermacam-macam cubaan. Tanya ustaz sekali lagi. Dia tahu. Oleh kerana itu, apabila kita terdedah dengan keadaan sebegini, maka kita harus balik ke pangkal jalan, ya.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Shah Alam ajar orang cakap...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju supaya dengan usul ini dengan syarat, kerajaan harus memanggil ketua-ketua pemegang amanah ini. Mereka harus menjalankan amanah ini yang kita bagi amanah ini sebab kita takut rakyat di bawah mendesak kita pula. Amanah rakyat bagi kepada kita dan kita terjemahkan amanah itu kepada mereka. Kita bimbang rakyat pula mendesak kita supaya berlaku di negara-negara lain iaitu parti menguasai kerajaan. Apabila sampai ke tahap parti menguasai kerajaan, bermakna, sudah ada sesuatu yang tidak baik berlaku.

Jangan sampai perkara tersebut berlaku di mana kita memberi amanah kepada kakitangan kerajaan, mereka harus lebih amanah, membentuk satu pasukan yang baik membantu mereka dan mereka harus terima hakikat bahawa kuasa yang mereka ada disebabkan oleh pemerintah yang ada pada hari ini bukan datang seperti bak kata pepatah Melayu, *'Yang bulat datang bergolek, Yang leper datang melayang'*.

Satu perkara lagi kementerian-kementerian harus melihat - Saya juga melihat memandangkan usia perjawatan kita dilanjutkan kepada 60 tahun. Mana-mana penjawat-penjawat awam yang sudah mencecah usia 60 tahun, jangan lagi pertimbangkan untuk dilantik ke jawatan kontraklah, jawatan lebih besar lagilah. Dia sudah bersara. Di Korea, di Jepun yang sudah bersara, biarlah dia bersara. Kita hormati persaraan dia dan kita *create*, kita bagi kepada orang baru berjiwa besar, mengangkat martabat kementerian itu untuk mengetuai jawatan agensi itu...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab kalau balik-balik kita sambung kontrak setahun demi setahun, yang di bawah menunggu, *"Bila giliran saya? Bila saya hendak naik?"* Jiwa besar dia menjadi jiwa kecil sebab dia rasa terhimpit, ditindas, tidak dapat naik-naik sedangkan dia ada kelebihan juga. Jadi ini harus dilihat oleh kerajaan secara menyeluruh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelebu bangun. Yang Berhormat Jelebu di belakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jelebu kah, jerebu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ingatkan jerebu di luar... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hendak sebut baik-baik sikit Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan beberapa pengamatan saya ketika Pilihan Raya Ke-13 yang lalu di mana di kawasan saya, saya dapati, tidak ada segan, tidak ada silu. Sebahagian daripada kakitangan itu sendiri, menjadi jentera dan menjadi petugas kepada parti-parti pembangkang pun ketika pilihan raya.

Sama ada di peringkat negeri ataupun pusat, ini jelas. Jadi sebab itu membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memberi kebebasan dan tidak menekan mana-mana kakitangan menentukan pendirian politik masing-masing. Akan tetapi apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju kalau saya katakan kerana adanya unsur-unsur pendirian politik yang begini di dalam jentera kerajaan, maka menyebabkan segala dasar, segala usaha yang direncana oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat itu terjejas, terbantu, perlahan dan kadang-kadang terpesong?

■1200

Oleh kerana unsur-unsur ini kerana ini sifat manusia yang ada di dalam sistem ataupun di dalam kakitangan kerajaan itu. Mungkin Yang Berhormat Kinabatangan boleh komen hal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Kinabatangan, kalau boleh? Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ingin menyentuh berhubung dengan SBPA, sistem baru perkhidmatan awam dahulu yang diperkenalkan tidak lama dahulu. Akan tetapi selepas dilaksanakan dua bulan, kita batalkan. Dalam hal ini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, siapa yang harus dipersalahkan? Sedangkan kita tahu yang menjadi mangsa, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Sedangkan Ketua Setiausaha Negara lepas bebas. Selepas pencen dapat jawatan yang lebih baik.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, kita tidak harusnya memberi peluang kepada orang yang sepatutnya pencen sampai umur 60 tahun disambung. Oleh kerana sambung hayat ini merupakan satu tindakan yang tidak bijak.

Apabila berlaku, kita rasakan orang yang mendapat hayati itu terhutang budi kepada orang yang memberi hayati. Jadi, mungkin menghadapi masalah. Apa yang saya baru-baru ini mendengar besar kemungkinan Panglima Angkatan Tentera mungkin disambung hayati. Jadi, dalam hal ini saya minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, sama ada kita harus sokong atau kita harus nasihatkan Kementerian Pertahanan supaya tidak menyambung hayati Panglima Angkatan Tentera ini. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Pertama, saya menjawab dahulu Yang Berhormat Jelebu tadi. Kita sebagai sebuah negara demokrasi memang begitulah amalannya, cuma ada pepatah Melayu menyatakan, '*Orang berbudi kita berbahasa, Orang memberi kita merasa*'. Janganlah pula sampai jadi, kita bagi susu dibalasnya pula dengan tuba. Memang ada orang sebegitu. Hatinya ada tetapi dikunci mati oleh Allah SWT, tanya ustaz. *Wallahualam*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya difahamkan 15 minit sahaja sekarang sudah 20 minit lebih. Sila, sila. Saya hanya beritahu sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hari baik, bulan baik, bulan Ramadan ini. Saya bicara pun ini baik-baik juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pepatah Melayu ada juga Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya tetapi pada Yang Berhormat Lumut tadi, saya sebetulnya pendirian saya memang tegas. Kalau boleh, mana-mana pihak, mana-mana individu yang sudah menjangkau 60 tahun, jangan lagi kecuali dia ada keistimewaan dia, luar biasa yang dia tunjukkan, maka itu perlu dipertimbangkan. Akan tetapi kalau perkhidmatan dia tidak juga cemerlang, mendatar juga, saya minta kementerian jangan lagilah. Sebab kita lebih ramai lagi, kita rasa mungkin orang itu hebat tetapi yang betulnya yang mengganti itu lebih hebat sebab darah dia masih berkobar-kobar, menyala-nyala untuk maju ke hadapan.

Jadi, kenapa kita tidak sahut darah muda ini? Itu yang kita mahu. Macam Menteri kita baru, Menteri Parlimen kita baru walaupun bukan muda tetapi oleh kerana dia Menteri baru, maka dia kerja luar biasa. Ini yang kita mahu.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Merbok bangun, Yang Berhormat Merbok.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Merbok lagi.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Soalan saya tidak jawab lagi Yang Berhormat Kinabatangan.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Kinabatangan tadi iaitu dia begitu peka dalam masalah kakitangan kerajaan. Jadi, Yang Berhormat Kinabatangan tahu atau tidak bahawa ada ketua jabatan mempunyai timbalan-timbalan tetapi dia mentadbir secara *micro manage*, dia seorang sahaja dan tidak memberi peluang kepada timbalan-timbalan dia. Saya rasa ini akan merugikan kerajaan sendiri. Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ada dengar khabar, kalau kita dengar lagu itu Ebiat G. Ade, '*Berita Kepada Kawan*'. Saya dengar berita daripada kawan, memang ada sebegitu. Jadi, saya berpesan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nyanyilah sedikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Perjalanan ini...* [Menyanyikan lagu Ebiat G. Ade] Itu dia nama lagu dia, '*Berita Kepada Kawan*'. Saya berpesan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau ada mana-mana ketua-ketua pengarah yang sebegini, jangan amalkan projek *one man show* ataupun mengendalikan kerja seorang diri sedangkan banyak orang boleh buat kerja itu, sebab ini tidak baik. Itu bukanlah melambangkan satu agensi ketua yang baik dan kalau ada, saya minta mana-mana pihak memberi aduan

kepada kita dan kita akan cakap di Dewan yang mulia ini. Kita akan sentuh siapa dia, biar dia tahu bahawa dia telah melakukan kesilapan kepada amanah yang telah diberikan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Serdang.

#### 12.05 tgh.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Ramadhan kepada kawan-kawan yang beragama Islam. Pada hari yang mulia ini, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan isu yang penting pada pagi ini iaitu peruntukan semula perbelanjaan tahun 2013 yang melibatkan tiga kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan juga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya akan menumpukan perhatian saya kepada Kementerian Pendidikan oleh kerana kementerian ini adalah kementerian yang terbesar di antara semua kementerian dari segi perbelanjaan dan juga dari segi tenaga kerja. Penggabungan Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pengajian Tinggi bermakna bahawa kita akan kembali kepada situasi sebelum tahun 2004 iaitu di mana Kementerian Pendidikan dipecahkan kepada dua Menteri.

Menurut Anggaran Belanjawan 2013, Kementerian Pendidikan selepas penyerapan Kementerian Pengajian Tinggi akan mempunyai bajet sebanyak RM52.4 bilion. Ini tidak termasuk bajet tambahan yang akan kita bentangkan pada penggal Parlimen masa ini. Tenaga kerja lebih daripada 500,000 penjawat awam. Ini termasuk guru-guru di sekolah rendah, di sekolah menengah dan juga pensyarah dan kakitangan di IPTA, kolej komuniti dan sebagainya.

Dalam jawapan beliau di Dewan yang mulia ini pada 27 hari bulan Jun 2013, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan telah memberikan penjelasan bagaimana penggabungan kedua-dua kementerian ini akan, *I quote, "Menyeragamkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berpandukan kepada satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan berpaksikan kepada satu Akta Pendidikan yang berkaitan"*. Yang Berhormat Pagoh juga telah memberikan tumpuan kepada status pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan juga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Malaysia (PSPTM).

Malaysia memang terkenal kerana kita ada sejarah untuk menulis pelan tindakan dan pelan strategi yang begitu baik daripada idea tetapi malangnya gagal dari segi pelaksanaan. Ini memang tidak boleh dinafikan. Saya rasa bahawa kawan saya daripada Yang Berhormat Kinabatangan tadi telah bercakap sedemikian dan juga telah menyokong pendapat ini. Saya fikir bahawa kawan-kawan saya di sebelah sana pun mengakui bahawa kegagalan dan kelemahan kerajaan dari segi pelaksanaan ataupun *implementation*, dengan izin, adalah begitu serius.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Serdang, mungkin akan disebut tetapi terlintas di fikiran saya. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Serdang berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan di mana segala kegagalan itu diletakkan kepada pihak penjawat awam, KSU dan KSN dan sebagainya sedangkan segala konsep-konsep yang baru dan falsafah-falsafah yang baru ini diutarakan oleh Menteri-menteri? Akan tetapi akhirnya dari sudut pelaksanaannya, disalahkan kepada kakitangan awam. Apa pandangan Yang Berhormat Serdang berhubung dengan itu? Adakah ia benar-benar salah dari sudut kakitangan awam itu sendiri atau menteri itu sendiri pun tidak faham apa yang dia hendak buat?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam kerana ini menunjukkan bahawa Menteri tersebut tidak ada *political will* untuk

melaksanakan apa yang ditulis di dalam pelan-pelan strategik dan pelan-pelan tindakan seperti ini. Saya juga hendak menegaskan bahawa pelan yang diterbitkan iaitu PPPM pada bulan September 2012 telah menerima maklum balas daripada pelbagai pihak NGO dan juga NGI (*non-government individual*), dengan izin, termasuk Majlis Kebangsaan Intervensi Awal Kanak-kanak, *Parent Action Group for Education* (PAGE), *Association of Voices of Piece, Conscience and Reason* (PCORE) dengan izin, Gabungan Bertindak Malaysia (GBM), *Centre for Public Policies Studies, Tamil Foundation*, ABIM, GAPENA dan sebagainya.

■1210

Saya dimaklumkan bahawa Kementerian telah menerima 138 surat dan memo, 50 daripada NGO dan persatuan, 20 daripada Kementerian Pendidikan, 20 daripada individu termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri dan 10 daripada institusi. *Feedback* daripada NGO dan NGI ini mengandungi cadangan yang baik dan harus dipertimbangkan oleh pihak Menteri sebelum PPPM ini dimuktamadkan pada akhir bulan Julai ini. Cadangan-cadangan yang baik termasuk:

- (i) memulihkan kewibawaan sekolah-sekolah mubaligh sebagai *school of choice* dengan izin, untuk ibu bapa daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama;
- (ii) membuat pengurangan keciciran sekolah sebagai salah satu KPI yang penting;
- (iii) mengamalkan dasar dwibahasa dalam pengajaran Sains dan Matematik; dan
- (iv) memberi pilihan untuk mengadakan sekolah aliran Inggeris di kawasan-kawasan terpilih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** [*Bangun*]

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Serdang. Berkenaan dengan perbelanjaan besar yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang tadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kementerian Pendidikan bakal melaksanakan tiga projek besar yang akan menelan belanja berbilion-bilion ringgit iaitu:

- (i) pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G di bawah program 1BestariNet untuk semua sekolah di Malaysia;
- (ii) pelaksanaan *Virtual Learning Environment* ataupun Pelantar Pembelajaran Maya yang membabitkan yuran pelesenan dan kos penyelenggaraan berkala yang tinggi; serta
- (iii) pembekalan komputer riba *Chromebook* di bawah Program 1Pelajar, 1Device.

Ketiga-tiga projek ini memang besar dan saya rasa bercita-cita tinggi tetapi yang mengejutkan adalah ketiga-tiganya telah dianugerahkan kepada hanya sebuah syarikat iaitu YTL Corporation. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kerajaan harus menjelaskan sama ada proses tender terbuka telah dijalankan dan juga menerangkan apakah rasional kesemua projek ini dianugerahkan kepada YTL sedangkan setahu saya YTL bukanlah pakar dalam bidang pendidikan mahupun bukan pengedar atau pembekal peralatan komputer? Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Bendera bahawa pihak kementerian mesti memberikan penjelasan terutamanya memandangkan dua anjakan yang saya akan bentangkan nanti tentang ketelusan dan juga akauntabiliti.

Saya teruskan. Saya tidak ketahui kandungan memo Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya harap bahawa cadangan-cadangan Tuan Yang di-Pertua akan diberi pertimbangan yang wajar oleh Menteri. Akan tetapi semua tanda menunjukkan bahawa Menteri tidak akan mengambil kira sebahagian besar daripada maklum balas ataupun *feedback* ini sebelum



PPPM dimuktamadkan. Mengapa saya begitu yakin? Saya telah mendapatkan satu memo yang dihantar kepada Menteri selepas draf PPPM diterbitkan.

Memo ini begitu serius dan juga menyenaraikan beberapa kritikan yang amat serius terhadap draf PPP tersebut dan memo ini bukan memo yang diberi oleh NGO ataupun NGL tetapi adalah memo yang telah diberikan oleh Ahli Panel Penilai Bebas yang terdiri daripada orang-orang pakar dalam bidang *business* dan juga dalam bidang pendidikan termasuk pengerusinya iaitu Tan Sri Zulkifli Abdul Razak yang sebelum ini adalah *Vice Chancellor USM*.

Kritikan yang tersenarai termasuk bahawa cadangan-cadangan yang disenaraikan sebagai *shift* ataupun anjakan bukanlah perubahan yang mewajarkan penggunaan istilah *shift* atau anjakan tetapi sebenarnya adalah usaha-usaha pemurnian, pengayaan dan penambahbaikan dengan izin *refinement, enhancement, improvement* dan *arrangement* sahaja kepada apa yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan seperti yang terdapat dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 sehingga 2010. Hanya lima daripada 11 perkara yang disenaraikan oleh PPPM ini perlu dan wajar dijadikan paksi utama untuk penambah baik sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia.

Tambahan lagi, dokumen PPP ini kurang memberi impak dalam membawa satu perubahan ataupun anjakan yang besar yang diharapkan. PPP adalah sebuah dokumen yang cantik dan boleh dijadikan panduan dalaman bagi pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan tetapi sebagai dokumen yang mahu digunakan untuk orang awam, PPP kurang berharap menimbulkan kejutan profesional yang diharap-harapkan. Jangkaan dan harapan tinggi orang ramai terhadap perubahan dan pembaharuan yang dijanjikan tidak nampak dengan jelas.

Dokumen ini adalah *incremental change* yang memang sudah biasa dan selalu dilakukan oleh KPM. Ini bukan perkataan saya, ini ialah perkataan Ahli Panel Penilai Bebas yang dianjurkan dan ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan sendiri. Dengan itu, ayat-ayat dan istilah-istilah yang terkandung dalam memo ini memang menunjukkan bahawa ketidakyakinan Panel Penilai Bebas ini terhadap PPP.

Masalah yang kita ada sekarang adalah perkara ataupun pokok yang sepatutnya diselesaikan dalam proses penyelenggaraan dan pentadbiran. Sebaliknya mengalami penyelewengan yang begitu besar sampai tahap di mana terpaksa diberikan fokus sebagai salah satu anjakan. Contoh yang terbaik ialah anjakan 10 dan anjakan 11 iaitu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit ataupun *maximize student outcome for every ringgit* dengan izin dan meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung ataupun dengan izin, *increase transparency for direct public accountability*.

Perkara seperti ini tidak sepatutnya dijadikan satu anjakan seperti mana yang dibentangkan oleh Panel Penilai Bebas tetapi sebab ia dijadikan sebagai salah satu anjakan ialah kerana kerajaan tidak ada kemampuan dan *political will* untuk menangani masalah ini. Saya memberi satu contoh, statistik yang diterbitkan oleh kementerian menunjukkan bahawa ada percanggahan yang besar di antara perbelanjaan pembangunan yang diterbitkan dalam PPPM dan yang diterbitkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan ataupun *Educational Planning and Research Division* di dalam Kementerian Pendidikan.

Pada statistik yang dipaparkan di PPPM, ia menunjukkan bahawa perbelanjaan pembangunan dari tahun 2006 sampai ke tahun 2010 iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah RM19.8 bilion tetapi yang dipaparkan dalam bahagian statistik yang ditunjukkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dalam *Malaysian Education Statistic 2011* dengan izin, hanya RM8.6 bilion telah dibelanjakan. Bagaimana perbezaan sebesar RM11.3 bilion ini boleh berlaku? Jikalau statistik yang dikeluarkan oleh kementerian sendiri menimbulkan keraguan terhadap jumlah perbelanjaan sebenarnya, apatah lagi jumlah penyelewengan yang telah dibentangkan oleh Audit Negara pada setiap tahun apabila Laporan Audit Negara dikeluarkan. Apa yang lebih serius ini, PPPM telah mengisytiharkan anjakan 10 dan 11 dan pada masa yang sama penyelewengan ini masih berlaku.

Tadi sahabat saya Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah memberi pendedahan tentang bagaimana RM9 bilion akan dibelanjakan di atas kontrak yang telah diberikan kepada YTL walaupun YTL ini bukan pakar pendidikan. Saya ingin juga memberi satu contoh yang kosnya mungkin lebih rendah daripada apa Yang Berhormat Bukit Bendera

utarakan yang mana Menteri Pendidikan telah meluluskan program yang berkos RM23 juta pada tahun 2012 dan RM27 juta pada tahun 2013 untuk melatih 1,000 guru jasmani ataupun PE *teacher* setiap tahun dan PE *teacher* ini sepatutnya selepas melalui latihan ini akan mendapat satu Program Diploma Antarabangsa Pendidikan Jasmani dan Jurulatih Sukan yang diberikan oleh Akademi Sukan Amerika Syarikat ataupun *United States Sports Academy*, dengan izin.

Selepas pemberian kontrak ini pada tahun 2012 kepada USSA, Menteri Pendidikan telah dianugerahkan dengan *Honorary Doctorate*, dengan izin oleh USSA pada awal tahun 2013.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang, gulung.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey. Selepas itu, Menteri juga telah meluluskan satu kontrak baru lagi untuk *USSA Sports* ini yang harganya RM27 juta tetapi malangnya kelayakan program diploma ini sebenarnya bukan kelayakan diploma.

#### ■1220

Sebenarnya pekeliing daripada Agensi Kelayakan Malaysia iaitu MQA telah menjelaskan bahawa program Diploma Antarabangsa Pendidikan Jasmani ini adalah sama tahap dengan Sijil Kemahiran III sahaja dalam kerangka kelayakan di Malaysia dan bukan tahap diploma. Ini memang satu perkara yang serius di mana duit *tax payer* telah dibelanjakan ke atas program diploma yang sebenarnya bukan diploma. Ini menunjukkan bahawa tidak ada *political will* langsung untuk melaksanakan anjakan sepuluh dan sebelas di bawah PPM ini. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat Lenggong.

#### 12.20 tgh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pembentangan yang dibuat oleh Menteri Kewangan tadi untuk membahaskan semula peruntukan Belanjawan 2013. Langkah kerajaan menggabungkan yang dahulunya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi amat tepat sekali dan sesuai dengan waktu dan ketikanya. Apatah lagi dalam kita mengharungi cabaran abad ke-21 ini, kita menghadapi perkembangan pesat lagi mencabar terutama dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Ia berlaku di seluruh dunia dan perubahan ini sebenarnya berkaitan dengan sistem pendidikan dan juga perkembangan sistem maklumat. Maka bidang pendidikan ketika ini sebenarnya memang kita tahu amat penting dan mesti berupaya untuk kita lahirkan pelajar yang kreatif, yang mampu untuk menyelesaikan masalah dan mampu untuk berfikir secara lebih kritis.

Justeru, saya percaya pendidikan tidak hanya tertumpu untuk melahirkan warga pelajar yang mempunyai pengetahuan dan hanya mampu untuk membaca, menulis dan mengira tetapi ia mesti mampu untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kepelbagaian kemahiran dalam menghadapi cabaran abad ini dan akan datang. Oleh itu, pendidikan mesti bersifat dinamik dan holistik agar sentiasa mampu berubah mengikut keperluan masa. Sudah tentulah langkah kerajaan menggabungkan kedua-dua kementerian ini menjadi satu kementerian, saya percaya lebih tertumpu sifatnya dan mampu untuk membuat anjakan lebih tinggi dan mencapai hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Minta penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Boleh, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Labis.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya ingin menenteh tadi mengenai gabungan kedua-dua kementerian ini. Sebenarnya untuk tahun ini, ini merupakan kali pertama kementerian ini bergabung dan terdapat beberapa masalah mengenai kemasukan pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan yang cemerlang ke dalam IPTA-IPTA. Ini juga telah dibangkitkan oleh pihak MCA dan MIC terutamanya

daripada segi kaum Cina terdapat penurunan yang mendadak daripada segi kadar kejayaan mereka memasuki universiti. Tahun lepas adalah sebanyak 88%, tahun ini telah menurun secara mendadak sehingga 65%.

Maka saya ingin penjelasan sama ada daripada segi pihak Yang Berhormat Lenggong berfikir bahawa pendidikan haruslah berdasarkan meritokrasi dan jikalau terdapat isu-isu yang terdapat di dalam gabungan kementerian ini, mereka haruslah meninjau supaya tidak menjejaskan kemasukan pelajar-pelajar yang cemerlang ke universiti-universiti tempatan. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Labis. Saya percaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Labis tadi akan diambil perhatian oleh kerajaan untuk menilai dan yang penting saya percaya isu-isu berkaitan dengan kemasukan ... [*Dewan riuh*] Hendak jawablah ini, bertenang. Jangan gelabah. Dia yang patut dan layak untuk menjawab ini, Menteri. Saya cuma menyebut bahawa supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Labis tadi mesti diambil perhatian. Isu-isu berkaitan dengan kemasukan pelajar mesti diberi keutamaan kerana semua pelajar yang layak tanpa mengira latar belakang mesti diberi tempat untuk melanjutkan pelajaran. Saya percaya perkara ini akan diulas secara *detail* oleh pihak kementerian.

Akan tetapi hakikatnya yang perlu kita tahu bahawa hari ini zaman sudah berubah. Kini kita pada zaman apa yang diistilahkan sebagai zaman K-Ekonomi iaitu keperluan kepada pentingnya maklumat, kreativiti dan inovasi iaitu kita mesti melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kreativiti tinggi, yang kreatif dan mampu untuk menyelesaikan masalah dan turut berkeupayaan. Kalau anak-anak, pelajar kita diletakkan di peringkat yang lebih besar, mereka mampu untuk bersaing. Bukan hanya dalam kalangan mereka tetapi dalam kalangan rakan-rakan mereka di luar negara.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** [*Bangun*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu pada zaman maklumat ini, ia sentiasa memberi ruang dan peluang kepada setiap individu untuk mengembangkan bakat, kebolehan dan potensi mereka dan sebab itu saya percaya dengan perkembangan-perkembangan teknologi ICT ini, ini merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan dalam perkara ini. Namun demikian, saya harap dengan pendedahan yang begitu berleluasa dalam soal ICT ini, maka Kementerian Pendidikan mesti juga saya cadangkan untuk menyusun dan merangka satu perancangan bagi membolehkan kita mendidik anak-anak kita...

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya habis ayat sikit sahaja. Anak-anak kita supaya ia mampu untuk menghadapi cabaran pendedahan teknologi maklumat yang begitu mencabar pada ketika ini. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Merbok.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Lenggong tadi tentang penggabungan antara dua kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Kita terpisah antara dua kementerian ini pada tahun 2004 dan pada tahun 2013, kita terpisah lagi. Jadi saya nampak pihak kerajaan tidak membuat kajian yang mendalam tentang perkembangan yang berlaku di universiti, di IPTA di mana selepas terpisahnya pada tahun 2004, perkembangan dari segi *research*, dari segi penerbitan, mendadak naik. Jadi saya dapati, Singapura juga antara negara yang mempunyai dua kementerian iaitu pengajian tinggi dan Kementerian Pelajaran dan sekarang, pihak Kerajaan Thailand juga akan memisahkan kepada dua kementerian. Jadi saya rasa usaha untuk menyatukan ini ada baik dan ada buruknya. Namun saya nampak ada baiknya kalau dua kementerian ini berpisah kerana masing-masing mempunyai agenda dan fokus masing-masing. Sekian.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Saya percaya apa yang dibuat oleh kerajaan tentu mempunyai agenda dan matlamat tersendiri dan sudah tentu juga apa yang dilaksanakan oleh kerajaan, kita tidak mungkin boleh meniru sama dengan apa yang dibuat oleh Singapura dan sebagainya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi hakikatnya apa yang kita buat ini ialah bagi membolehkan negara kita benar-benar mencapai tahap sebuah negara maju dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini. Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, menghadap ke arah saya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Kita bercakap tentang penggabungan dua kementerian. Ini adalah dari peringkat makro tetapi kita gagal untuk melihat dalam perkara-perkara yang lebih mikro dan perkara ini harus diberi penelitian. Sebagai contoh, kita ada dua sistem sekolah bantuan modal, sekolah bantuan penuh. Adakah Yang Berhormat dari Lenggong bersetuju kalau saya kata jadikan semuanya sama, semuanya sekolah bantuan penuh kerajaan? Kita jangan hanya cakap tentang subjek-subjek peringkat makro tetapi kita gagal di peringkat mikro, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi hakikatnya sama ada bantuan modal atau bantuan penuh kerajaan, kerajaan membantu semua sekolah demikian dan sudah tentu ini langkah yang kerajaan buat untuk tidak menganaktirikan sesiapa juga.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya percaya ini langkah yang baik yang dibuat oleh kerajaan. Namun demikian, tentu oleh kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Pendidikan kita sentiasa berubah, maka perubahan-perubahan sentiasa dilakukan oleh kerajaan. Sila abang saya Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Lenggong sedar, sekolah-sekolah di luar bandar sama ada menengah atau rendah, bila minta peruntukan untuk penambahbaikan sekolah seperti mengecat, mengenai tandas dan sebagainya agak sukar untuk mendapat peruntukan? Akan tetapi saya mendapati di kawasan saya, sekolah-sekolah Cina mendapat peruntukan yang bagus, yang banyak, yang besar untuk penambahbaikan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Saya harap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit tadi mesti diberikan perhatian serius oleh kerajaan supaya yang penting bagi kita, semua rakyat dalam negara ini mesti mendapat peluang pendidikan terbaik sama ada daripada segi kemudahan prasarana dan juga kemudahan-kemudahan lain.

#### ■1230

Saya tadi sebut tentang perkembangan teknologi hari ini, maka saya harap kerajaan mengkaji secara serius untuk mendidik para pelajar kita supaya menjadi pengguna terbaik dalam soal media sosial ini dan media yang semakin terdedah pada hari ini. Pada itu juga Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada perkembangan hari ini, isu yang penting hari ini ialah perpaduan dalam kalangan rakyat. Ia sebenarnya menjadi semakin penting apatah lagi kita melihat suasana ketika hari ini. Kalau sebelum ini kerajaan telah mewajibkan kelulusan Sejarah dan Bahasa Melayu untuk melanjutkan pelajaran atau menjawat apa-apa jawatan di jabatan kerajaan, maka dalam soal perpaduan dalam kalangan rakyat ini juga mesti diberi penekanan supaya kita dapat membina masyarakat rakyat yang pelbagai latar belakang dan budaya yang tentunya berpegang kepada keharmonian di bawah konsep perpaduan dalam kalangan rakyat. Saya percaya juga...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Oleh kerana kita hendak bergerak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya habiskan ayat ini sedikit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti dengan Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Parit Buntar, sekejap. Oleh kerana kita hendak melangkah jauh ke hadapan ini, maka isu-isu, perkara-perkara yang dibangkitkan misalnya oleh Dong Jiao Zong ini tidak payah dan tidak perlu dilayan lagi kerana kita mesti melihat ke hadapan. Jangan lagi menoleh ke kiri dan kanan kerana kita hendak letakkan perkara ini pada tahap yang begitu tinggi. Sila Yang Berhormat Parit Buntar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Selepas ini sahabat saya Yang Berhormat Seremban.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ah! Okey. Saya ingin mengajukan soalan kepada Yang Berhormat Lenggong tentang projek sekolah wawasan. Ini juga adalah sebagai satu usaha. Cuma saya di Parit Buntar, di Pekan Baru ada satu sekolah wawasan. Saya terpaksa menyelesaikan beberapa masalah yang walaupun dilihat kecil iaitu masalah kantin di mana masyarakat India, pelajar India *complaint* yang kantin itu tidak menyediakan makanan yang sesuai untuk pelajar-pelajar India. Jadi, saya ingin tahu bagaimana pandangan Yang Berhormat Lenggong dalam melihat usaha-usaha ini bukan hanya perpaduan dari segi *subject matter*, tetapi perpaduan dari sudut penghayatan yang lebih *real*, bukan hanya retorik kosong. Jadi, saya minta tolong bagi sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tadi saya dengar Yang Berhormat Lenggong kata minta kerajaan tidak payah lagi layan dengan Dong Jiao Zong, tidak payah tengok mereka lagi. Bukankah sebelum pilihan raya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berjumpa dengan Dong Jiao Zong? Berjumpa dengan Dong Zong. Adakah itu *political stand*? Hanya *stand* untuk pilihan raya untuk memenangi undi daripada masyarakat Cina? Selepas pilihan raya, "*Oh! Ini tidak payah peduli lagi, tidak payah layan lagi*". *[Dewan riu]* Permintaan itu dipertimbangkan sijil UEC, dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan akan dipertimbangkan. Akan tetapi, selepas pilihan raya ini, sudah lupa. Ini seolah-olah satu politik balas dendam. Ini adalah satu politik yang saya rasa tidak bertanggungjawab. Janji tidak ditepati. Terima kasih. *[Dewan riu]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seremban. Saya belum jadi Perdana Menteri. Ini pandangan saya, Ahli Parlimen Lenggong.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ini mewakili BN.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi, saya hendak ulang tadi apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Yang Berhormat Parit Buntar, sekolah wawasan. Kalau kita benar-benar mempunyai keikhlasan, mahu melihat perpaduan dalam

kalangan rakyat itu penting, maka kita mesti memberi peluang untuk kerajaan melaksanakan sekolah wawasan ini supaya anak-anak kita yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, budaya ini mesti digabungkan supaya kita mahu negara kita terus maju ke hadapan.

Soal tidak sedia makanan Yang Berhormat sebut tadi, saya ingat itu kes-kes terpercil. Ini boleh kita selesaikan. Akan tetapi, kalau kita mendidik dalam kalangan anak-anak kita ini dalam satu sekolah yang semangatnya membina perpaduan dalam kalangan rakyat, saya percaya ia boleh membantu untuk melaksanakan dan menjayakan apa juga hasrat kerajaan selama ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti bangun. Selepas ini, Yang Berhormat Lenggong boleh gulung ya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong menekankan banyak kepada perpaduan. Kalau di sekolah kita itu sudah tidak ada perpaduan terutama sekali kita mesti menganjukkan perpaduan itu daripada sekolah rendah, prasekolah sedangkan di awal-awal ini kita telah mengasingkan mereka supaya sekolah Cina untuk Cina, sekolah Tamil untuk Tamil, sekolah kebangsaan. Kalau boleh kita gabungkan sebagaimana yang kita hendakkan bahawa perpaduan itu dimulakan daripada pelajar-pelajar kita di sekolah rendah. Apa pendapat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya setuju pandangan Yang Berhormat Sibuti dimasukkan dalam ucapan saya. Sila abang Yang Berhormat Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong, saya mahu tanya sedikit pandangan. Tadi Yang Berhormat Seremban ada kata dia mahu layan Dong Jiao Zong. Kita ada lihat atau tidak dalam Dong Jiao Zong sekarang, dia bukan berminat dalam pendidikan. Dia sudah menggunakan Dong Jiao Zong punya platform untuk main politik dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Dia umum minta rakyat sokong pembangkang. Ini kah yang kita mahu layan ataupun kita mahu ikut ini Yang Berhormat Seremban punya gaya ini? *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bintulu, saya percaya kalau kita mahu bergerak ke hadapan, kita jangan lagi...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Bintulu betulkah? Jangan suka-suka cakap. Mana ada dia umum sokong pakatan. Surat khabar mana?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kota Melaka, nanti dahulu Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Kota Melaka, baca surat khabar dulu. Jangan malu sendiri. Jangan malu *you* punya ketua. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu, kalau kita mahu melangkah ke hadapan, kita jangan lagi melayan tuntutan-tuntutan yang langsung akan merosakkan agenda dan hasrat negara. Sebab itu saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu tadi...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ... Apatah lagi, jangan kita menyokong pihak-pihak yang mahu merosakkan agenda perpaduan dalam kalangan rakyat.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun. Selepas ini Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Lenggong memberi laluan. Kita masih lagi mencari-cari formula yang terbaik berkaitan dengan perpaduan dalam negara kita setelah kita hampir 60 tahun merdeka. Akan tetapi, saya tertarik apabila kita melihat penduduk Sabah. Penduduk Sabah ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, suku kaum, agama. Begitu juga Sarawak. Sepatutnya dijadikan satu kajian oleh kerajaan melihat bagaimana mereka boleh berada dan duduk dalam keadaan sepakat, berpadu dalam erti kata yang sebenar.

Tanpa berbincang soal dasar pelajaran itu ini, orang Kadazannya boleh berkahwin dengan orang Cina, orang Murut, orang Suluk, orang Bugis, orang Iban, orang Melanau. Mereka boleh *cross culture* ini, budaya yang pelbagai ini dapat yang selalu kita sebut *unity in diversity*, dengan izin. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Lenggong bersetuju dengan saya ataupun mempunyai pandangan lain, kita dapatkan satu salinan, *copy* bagaimana kajian yang kita boleh buat Sabah dan Sarawak ini dijadikan satu model untuk dibawa ke seluruh negara ini. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Oleh sebab itu saya bersetuju. Saya selalu mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut bahawa kita ini pelbagai. Kepelbagaian kita ini kita dijadikan satu kelebihan, bukan suatu yang menghalang kepada kita. Itulah nilai-nilai yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun tadi hendak ditanam dalam kalangan anak-anak kita.

Kalau dalam kalangan kita di dalam Dewan ini semua mempunyai hasrat yang sama untuk mengharap supaya perpaduan dalam kalangan rakyat dibina begitu kukuh, saya percaya model atau perkara-perkara yang saya kita dapat lihat di negeri-negeri berkenaan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun tadi boleh ditanam di dalam sistem...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong. Gulung-gulung.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Pendidikan kita dan dijadikan nilai yang baik kepada kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit-sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masa sudah habis Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Boleh bagi satu *last*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong, tadi dibangkitkan oleh Sibuti bahawa tentang untuk menyatukan pendidikan ini kita perlu secara tersiratnya seolah-olah macam hendak lupuskan sekolah vernakular ini. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Sibuti sedar bahawa kalau kita lihat dalam Akta Pendidikan, mukadimah Akta Pendidikan itu, *preamble* dia mengatakan bahawa akta ini dibuat mengambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di mana saya bacakan antaranya bahawasanya adalah dianggap satu yang perlu selagi selaras dengan dasar dengan menyediakan pengajaran yang cekap dan selagi tidak melibatkan perbelanjaan awam yang tidak munasabah, mengambil kira akan prinsip bahawa murid harus dididik mengikut hasrat ibu bapa masing-masing.

■1240

Maknanya, hasrat ibu bapa, kalau mereka hendak hantar anak mereka ke dalam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil, ini adalah hasrat yang selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan juga Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Jadi, mengapa kita harus membangkitkan isu ini sedangkan ini telah dimasukkan dalam sebahagian Akta Pendidikan? Saya harap apabila kita beri pandangan kita harus mengambil kira falsafah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini yang telah dimasukkan dalam Akta Pendidikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak pernah mendengar bahawa kerajaan hendak menghapuskan sekolah vernakular ini. Malah inilah satu-satu negara yang ada dalam dunia ini yang mengiktiraf, menghargai kepelbagaian kita ini. Sebab itu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Perkara itu tidak betul dan apa yang kita hendak lakukan ini saya lihat dalam agenda negara ini yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 ini adalah untuk membina satu rupa masyarakat yang benar-benar berkeupayaan untuk kita bersaing dalam keadaan dan dalam suasana yang lebih mencabar pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung. Saya harap kerajaan selepas ini apabila kita menggabungkan kementerian ini memberikan tumpuan juga dalam soal pembangunan masyarakat di luar bandar. Oleh kerana pola yang kita diperlihatkan dan diterjemahkan oleh rakyat dalam pilihan raya yang baru ini memperlihatkan bahawa perlunya perhatian secara bersungguh-sungguh kerajaan lakukan kepada rakyat dan masyarakat luar bandar yang telah menunjukkan sejak dahulu lagi tidak pernah putus menunjukkan kesetiaan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya harap ini diberi perhatian dan marilah kita sama-sama dengan kerajaan untuk melonjakkan pelancongan dalam negara kita supaya sektor ini diberikan perhatian khusus dan boleh memberi pulangan yang besar kepada negara dan memberi nikmatnya kepada rakyat. Terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

12.41 tgh.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat hari ini, kerajaan telah pun mengutarakan usul-usul bagi memindahkan peruntukan-peruntukan seperti juga pepatah Melayu mengatakan, '*Sekali air bah, Sekali pasir berubah*'. Akan tetapi kadang-kadang dalam perubahan ini saya lihat ada perkara-perkara yang amat mengecewakan seperti di kementerian yang dahulunya dipanggil Kementerian Pendidikan tetapi bila Menteri Pendidikan pada tahun 1998 dinyahkan daripada parti pemerintah, pemerintah cepat-cepat tukar, "*Oh! Kementerian Pendidikan tidak cantik namanya. Tukar nama kepada Kementerian Pelajaran.*" Tidak ada fasal apa pun. Kajian pun tidak buat tetapi tukar. Selepas itu, digabungkan pula dan dipecahkan pula jadi dua kementerian. Rakyat terima. Satu untuk pelajaran rendah dan satu untuk pelajaran tinggi, tidak apa.

Kemudian sekarang, kita balik kepada asal. Gabung balik dan tukar pula nama daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang ini seolah-olah tidak ada kajian, sepertilah tidak ada kajian apabila kerajaan memperkenalkan PPSMI. Bila Menteri baru datang, Menteri itu ada satu angan-angan yang baru. Dia fikir dia rasa boleh buat atau tidak. Dia buat dahulu kadang-kadang. Selepas itu minta pegawai-pegawai buat kajian. Ada pegawai-pegawai kerajaan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mencilah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sungai Petani yang menyebut tadi perubahan yang menunjukkan bahawa tidak ada satu perancangan yang tetap untuk masa depan dari segi pentadbiran dan sebagainya. Sedarkah Yang Berhormat Sungai Petani bahawa bila berlaku perubahan kementerian, nama dan sebagainya, ia telah memberikan kesan implikasi kewangan kepada kewangan negara.

Walaupun kecil, contoh saya hendak sebut ya, *billboard* daripada Kementerian Pelajaran tukar balik kepada Kementerian Pendidikan. *Billboard* Kementerian Pengajian Tinggi akan dipadam, habis semua itu. Ini duit. Tidak tahulah kalau duit itu duit harta mereka tidak ada apalah, bukan? Akan tetapi ini duit harta rakyat. Jadi, bagi saya bahawa ini satu gambaran menunjukkan bahawa kecekapan kerajaan untuk melihat...



**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Bagaimana masa depan pendidikan ataupun pengurusan kementerian-kementerian ini tidak dilihat secara yang lebih menyeluruh. Jadi, ikut siapa hendak jadi Perdana Menteri, tukar. Naik orang lain, tukar pula.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kapar. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani dan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, terima kasih. Perlukah kita perubahan-perubahan kosmetik ini sahaja atau satu pelaksanaan yang perlu untuk memartabatkan pendidikan di Malaysia? Yang Berhormat Sungai Petani tolong jelaskan. Kita perlukan kosmetik sahaja atau betul-betul satu langkah yang terperinci untuk menaikkan taraf pendidikan di Malaysia setanding dengan negara-negara yang lebih maju. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya hendak respons Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Pokok Sena dahulu. Saya setuju. Saya masih ingat lagi apabila pada tahun 1969 atau tahun 1968 dahulu apabila Khir Johari menjadi Menteri Pelajaran. Anak dia pun ada, Yang Berhormat Bukit Bendera. Dahulu ada dua medium. Ibu bapa yang hendak pilih *English* medium boleh pilih ataupun ibu bapa yang hendak pilih *Malay medium*, boleh pilih. Terbuka, demokrasi sungguh. Oleh sebab itu ramai yang masuk, khususnya anak-anak yang di bandar dan di luar bandar, yang rasa seronok anak dia boleh cakap Orang Putih, dia hantar sekolah Orang Putih. Akan tetapi ada juga ibu bapa yang tidak mahu hantar anak dia kerana dia rasa sama ada tidak mampu ataupun semangat dia lebih, dia hantar ke sekolah Melayu. Tengok itu, tidak ada masalah.

Akan tetapi bila datang Menteri Pelajaran baru pula waktu itu mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Dia kata, "*Oh! Semangat Melayu mesti diperhebatkan. Aliran English ini bahasa penjajah, tutup sekolah Inggeris, perkemaskan sekolah Melayu*". Habis tutup. Aliran Inggeris ditutup. Akhirnya budak-budak yang dahulunya belajar bahasa Inggeris, buku-buku pun tidak boleh, guru-guru di sekolah dan pensyarah-pensyarah di universiti diarah mengajar bahasa Melayu dengan serta-merta tanpa kajian dibuat. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya pernah membaca beberapa tahun dahulu, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, seorang tokoh pendidik pernah menyatakan bahawa sistem pendidikan negara kita ini seperti '*Tikus Membaiki Labu*'. Maknanya sentiasa berubah. Kalau mula-mula PPSMI, selepas itu tidak. Jadi, ia macam '*Ibarat Tikus Membaiki Labu*'. Lubang sana lubang sini.

Jadi, saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani. Adakah beliau bersetuju bahawa apabila kita menukar sistem ini, yang menjadi mangsa adalah anak-anak kita iaitu murid-murid sekolah dan juga guru-guru? Mereka baru hendak *adjust* dengan satu sistem yang baru, terpaksa ditukar pula dengan sistem yang lain. Jadi ini mengakibatkan anak-anak kita dalam keadaan keliru. Baru sahaja hendak mahir sedikit bahasa Inggeris, tukar balik. Jadi, ini benda yang saya rasa bukan sahaja melibatkan implikasi kewangan...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Okey, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Akan tetapi menyebabkan akhirnya mutu pendidikan kita terpaksa *dipromisakan*. Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sungai Petani. Saya hendak sebut satu sahajalah.

Berdasarkan kepada apa yang diujulkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani ini agak bercanggah dengan apa yang telah disebut oleh pihak *backbenchers* selama ini. Di mana disalahkan penjawat awam sedangkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani ialah campur tangan ahli politik dalam urusan yang sedang berjalan dengan baik oleh penjawat awam. Akan tetapi apabila pemimpin-pemimpin politik mempunyai agenda tersendiri, mempunyai wawasan yang tertentu, mereka tidak rujuk pun pada orang bawah, dia terus hendak bawa rombakan. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sungai Petani, sedikit sahaja. Boleh? Saya bersetuju dengan - saya hendak ulas sedikit Yang Berhormat Shah Alam sebut tadi. Jangan ada campur tangan politik, betul. Akan tetapi saya nampak setiap apa yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Orang yang membuat huru-hara dan yang menjadikan suatu yang baik kepada tidak baik ialah rakan-rakan di sebelah sana. Isu sekolah wawasan dan sebagainya. Apakah boleh, kalau betul macam Yang Berhormat Shah Alam kata, "*Kita mesti menjadi pemimpin yang mempunyai semangat besar*". Jangan kita politikkan isu agenda pendidikan. Mari kita melihat ke hadapan sama-sama.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sekejap, saya jawab ini sekejap. Saya beri.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Boleh ..., tidak boleh?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih. Masa mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir hendak tutup sekolah Inggeris, tidak ada campur tangan pun. UMNO cukup kuat pada waktu itu, tidak ada siapa pun kata apa. Akan tetapi akhirnya, apa...

#### ■1250

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Macam yang saya selalu dengar Yang Berhormat Sungai Petani selalu bercakap, waktu kursus BTN itu tempoh harilah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya lah, hendak cakaplah ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi, sekarang sudah berubah. Kalau dengar apa dia cakap waktu kursus BTN itu, sepuluh kali berbeza apa yang dia cakap sekarang ini. Dulu yang menanam semangat, itu Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sebab itu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sungai Petanilah yang menanam semangat ini. Akan tetapi hari ini terbalik, '*kong*' sudah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik. Sebab itu kita kata, sebab itu jangan salahkan pegawai kerajaan. Saya bekas pegawai kerajaan, saya faham itu. Sebab apa, apa yang berlaku ialah Tun Dr. Mahathir satu hari dia pergi melawat di luar negara. Pegawai-pegawai diplomat sana tidak boleh bercakap bahasa Inggeris dengan baik. Dia kata, "*Ah! Berat ini kalau diplomat pun tidak boleh cakap bahasa Inggeris dengan baik*". Terus balik ke Malaysia, panggil KSU, ubah begitu sahaja.

Banyak bantakan daripada universiti, cendekiawan dan para pendidik mengatakan, kita boleh ubah tetapi harus ingat mesti ada kajian. *Bulldoze*, tidak peduli. Akhirnya pensyarah-pensyarah universiti yang selama ini mengajar dalam bahasa Inggeris, tidak boleh bercakap bahasa Melayu dengan baik, terpaksa baca nota macam masuk kelas. Baik, berjajalah akhirnya bahasa Inggeris ditamatkan di sekolah-sekolah. Apa yang berlaku, bahasa Melayu menyemarak...

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Boleh bagi saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Johor Bahru.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya ini tidak suka sangat bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak seperti Yang Berhormat Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Akan tetapi kadang-kadang dalam keadaan ini tidak berapa sedaplah saya dengar kita mengkritik seorang yang tidak ada di sini dan tidak boleh menjawab...*[Ketawa]* Kawan saya, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Akan tetapi saya rasa demi kebenaran, tidak adil kalau saya tidak menyatakan ini Tuan Yang di-Pertua. Bahawa saya berada di dalam satu majlis di mana soal, umpamanya soal pertukaran mengajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Dalam perjumpaan itu, saya bertanya sendiri kepada Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Pendidikan yang hadir, sama ada mereka sedia untuk melaksanakannya, seorang pegawai kerajaan dan jawapannya ialah bahawa mereka bersedia. Jadi bukanlah sahaja soal Menteri yang menyatakan, melakukan ataupun yang membuat keputusan atas sebab-sebab tertentu, yang saya rasa mungkin ada sebab-sebabnya juga. Ada kebenarannya juga. Akan tetapi kadang-kadang kalau satu tangan sahaja tidak bertepuk, dia tidak berbunyi.

Jadi saya rasa dalam keadaan ini, ada masanya, ada kebenarannya juga bahawa penjawat awam telah menyatakan bahawa, boleh dilaksanakan. Ini jawapan kepada pertanyaan yang saya tanya sendiri. Inilah hanya sumbangan saya kepada perbahasan ini.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru, akan tetapi Yang Berhormat Johor Bahru mesti ingat...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Jiran saya, Sungai Petani dan Tasek Gelugor dekat. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Petani, sedarkah Yang Berhormat Sungai Petani bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh juga sewaktu menjadi Menteri di kerajaan pernah juga beliau telah membuat perubahan dan cadangan iaitu penukaran bahasa baku. Bahasa baku itu pun tidak juga tidak mendapat persetujuan daripada kakitangan kerajaan, sebahagian besarnya termasuk RTM. Akan tetapi mereka macam dipaksa untuk memperkenalkan dan mempraktikkan bahasa baku sampai ke sekolah, begitu begini dan sebagainya. Apakah sebelum adanya bahasa baku, kita tidak dapat berkomunikasi dengan baik? Jadi kenapa bahasa baku pada ketika itu juga tidak dapat diteruskan oleh yang demikian?

Jadi dalam hal ini, tidak betul kalau dikatakan bahawa Menteri-menteri atau kerajaan di Barisan Nasional sahaja yang bersalah, akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat Permatang Pauh juga dulu, dia pernah berbuat perkara yang sedemikian. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Sungai Petani, setuju atau tidak bahawa isunya bukan kita tanya seorang pegawai. Akan tetapi isunya ialah kajian. Kalau tanya seorang pegawai yang duduk pada waktu itu, jadi dia pun hendak kata apa, kalau bos sudah hendak tukar. Jadi kalau kita katakan bahawa dulu dia tanya pegawai dia hendak tukar, hendak jadi gabung dua kementerian, dia tanya pegawai, habis itu sudah kalau pegawai-pegawai bersetuju, pasal apa patah balik pula?

Isunya menunjukkan tidak ada satu kajian yang teliti yang dibuat oleh pihak kerajaan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik, itu yang pokok...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani, saya ingatkan sampai pukul satu ya Yang Berhormat Sungai Petani. Pukul 2.30 petang, orang lain pula yang berucap.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya katakan tadi bahawa setiap perubahan yang berlaku ini tidak ada kajian mendalam dilakukan. Ia lebih kepada sentimen pemimpin-pemimpin kementerian itu. Bila Menteri baru datang, dia hendak tunjuk dia hebat, dia lebih baik daripada yang semalam. Ini yang berlaku. Sebab itu orang yang bertanggungjawab untuk memansuhkan bahasa aliran Inggeris di sekolah-sekolah juga yang bertanggungjawab mendesak supaya sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Kita pun pening.

Dulu semasa dia Menteri Pelajaran dia suruh mansuhkan aliran Inggeris. Bila dia jadi Perdana Menteri dia suruh kembalikan bahasa Inggeris untuk pengajian sains dan matematik. Kedua-duanya tidak ada kajian. Sebab itu apabila Menteri jawab dalam Dewan ini juga, berapa yang kita habiskan, berapa yang rakyat rugi apabila kita mansuhkan PPSMI? RM6 bilion. Satu jumlah yang besar. Kita habis duit begitu sahaja. Sedangkan banyakkah anak-anak murid kita boleh cakap Orang Putih ini? Tidak. Kajian menunjukkan, cuma tiga peratus sahaja peningkatan. Kalau betul-betul hendak ajar bahasa Inggeris, Lebih baik kita tekankan pengajaran. Contohnya sasterakah, *englishkah*, *historykah*, geografikah. Subjek-subjek yang banyak bercakap dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi sains dan matematik, apakah mudaratnya apabila tidak ada kajian dibuat, akhirnya anak-anak Melayu khususnya, merudum di luar bandar, jatuh teruk dan malah *ranking* kita daripada nombor 20, merudum kepada nombor 21 pada tahun 2003 hingga..., teruk sungguh.

Baik, selepas itu sekarang ini jadi pula. Kita cantum pula, tukar kementerian daripada pendidikan kepada pelajaran pula. Saya tidak tahu berapa banyak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Sungai Petani. Dalam kajian Pelan Pembangunan Pendidikan Baru ini, bersetujukah kita bahawa kali ini kerajaan benar-benar buat kajian seperti mana Yang Berhormat Serdang beritahu tadi? Kita menerima 120 ataupun 130 pandangan daripada semua NGO, semua Yang di-Pertua.

Persoalannya sama ada semua pandangan itu diterima oleh kerajaan, itu persoalan yang kedua kerana kita kena faham bahawa kita mempunyai idea akan tetapi tidak semestinya idea itu yang terbaik untuk negara daripada pandangan tokoh-tokoh yang lebih pandai ini. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya punya teori penggabungan ini, tahun-tahun pemilihan, kalau dia boleh *command* satu kementerian yang besar, lebih baik daripada dua kementerian yang dia hanya kontrol satu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai... [Ketawa]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya tidak tahulah yang itu Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa Naib Presiden punya pandangan ini. Koman betul... [Ketawa] Koman pandangan Naib Presiden.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Akan tetapi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, lima tahun kita dalam Dewan ini. Sebelum tahun 2013 tidak ada satu pun perbincangan yang khusus, tidak ada seingat saya untuk mengatakan bahawa kerajaan ada impian. Kerajaan sudah sekarang merasakan harus digabungkan balik bahawa dua

kementerian yang amat berjaya ini kembali kepada satu. Tidak ada. Lima tahun kita tidak pernah dihidangkan.

Maknanya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, baru buat sahaja. Maknanya, tiba-tiba harus difikirkan dua kementerian mestilah digabungkan dan ditukar kembali. Dahulunya nama Pendidikan tidak cantik itu daripada Pelajaran kepada Pendidikan. Akan tetapi isunya, adakah dengan penggabungan ini kita dapat betul-betul melahirkan anak-anak kita yang waja seperti apa yang berlaku di Korea, Jepun dan Singapura. Bagaimana anak-anak yang keluar dari universiti-universiti ini keluar dari sekolah-sekolah menengah tinggi ini bukan sahaja yakin tetapi boleh menjadi anak-anak yang *independent*. Ini masalahnya, bolehkah kita melakukan itu.

Kedua, kita himpun semua kepakaran, kita tanya tetapi adakah mereka ini berani bercakap benar, kerana seperti kata Yang Berhormat Kinabatangan tadi walaupun mereka ini pegawai kerajaan tetapi pegawai kerajaan juga kena jaga periuk nasi. Ini masalahnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sikit.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Boleh. Yang Berhormat Kinabatangan dulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih rakan saya. Hujah Yang Berhormat seolah-olah tidak ada keyakinan. Saya melihat bagaimana negara kita telah melahirkan orang-orang yang penuh keyakinan seperti Yang Berhormat, seperti saya yang ada dalam Dewan Rakyat ini... *[Ketawa]* Kita dengan kerajaan, kementerian ini mewujudkan institusi pendidikanlah, Yang Berhormat jadi hebat sebegini. Ini anak Malaysia namanya. Bermakna ada sudah unjuran-unjuran yang baik melahirkan bibit-bibit masyarakat yang baik seperti Yang Berhormat dan saya. Betul atau tidak?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Cuma Yang Berhormat Kinabatangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani, jam pukul satu, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani sudah habis? Dia tidak menjawab, tadi ada persoalan celahan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Tidak apalah, saya jemput Yang Berhormat Tebrau.

**2.30 ptg.**

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kuorum tidak cukup. Adakah kita perlu teruskan atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Teruskan. Bolehlah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tidak cukup 26.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat PJ Selatan ini. Bolehlah PJ Selatan. Lima minit *start*, nanti mereka masuklah. Kawan-kawan kita masuk.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Bukan, nanti Yang Berhormat Tebrau ini kata kita ini *animal farm*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sokong kah?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tidak cukup *animal* ini mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, *call for quorum?*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak ada orang *call for quorum*, so kita okey lah.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ini Dewan Rakyat yang serius, bukan *animal farm*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tetapi apa yang dicakap Yang Berhormat Tebrau tidak masuk minit, *Hansard*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila Yang Berhormat Tebrau. Okey Yang Berhormat PJ Selatan, terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

*Ikan bersirip,*

*Burung bersayap,*

*Keluar Dewan Negara,*

*Masuk Dewan Rakyat.*

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana pada minggu yang terakhir sesi Mesyuarat kali ini dan pada hari yang ke-13 sesi ini baru saya berpeluang untuk terlibat dalam perbincangan. Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong penyusunan semula Kabinet demi untuk melicinkan lagi pentadbiran. Oleh sebab penyusunan semula Kabinet itu, maka bajet perlulah disusun semula berikutan penstrukturan semula Kabinet. Terlebih dahulu saya hendak sentuh serba sedikit berkenaan dengan isu-isu pendidikan. Seperti tadi, Yang Berhormat Labis sudah sentuh bahawa baru-baru ini, khususnya tahun ini kita dapati bahawa peratus pelajar kaum Cina yang berjaya ke universiti jatuh kepada 19 peratus. Jadi, ini sudah membangkitkan sangkaan daripada masyarakat Cina. Ada masyarakat Cina dan ada pihak-pihak tertentu yang kata bahawa pihak kerajaan mengambil dendam terhadap masyarakat Cina oleh sebab tidak menyokong Barisan Nasional pada pilihan raya yang ke-13 ini.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Tebrau, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya baru mula, baru mula. Saya hendak mohon untuk pemberitahuan tentang tahun ini berapa ramai yang memohon masuk ke universiti kerajaan dan berapa yang berjaya. Saya juga ingin tahu apakah sebabnya kejatuhan peratus pelajar yang masuk ke universiti kerajaan pada tahun ini. Oleh sebab saya berharap bahawa perkara ini janganlah kita nanti beratkan lagi perasaan tidak puas hati oleh pemuda-pemuda tertentu terhadap kerajaan. Juga kalau ada pelajar-pelajar yang berbakat, yang prestasi cemerlang dan tidak diterima oleh kerana daripada liputan surat khabar saya dapati ada beberapa orang pelajar yang kata dia *full A*, dia punya mata 4.0 tetapi tidak ada satu universiti kerajaan yang boleh terima dia. Jadi akhirnya, mungkin kita akan menghadihkan pelajar-pelajar yang berbakat ini kepada negara-negara yang lain, misalnya Singapura.

Kemudian saya juga hendak sentuh juga dengan pengambilan guru. Saya memang bersetuju dengan Menteri bahawa kita cuma akan ambil 30 peratus yang terbaik sahaja untuk latihan perguruan. Akan tetapi pada saya, saya adalah bekas seorang pendidik. Pada saya, saya dapati bahawa pencapaian akademik bukanlah satu-satunya faktor yang boleh menjadikan seseorang guru yang cemerlang. Oleh sebab zaman sekarang cikgu bukan mesin untuk menyampaikan pengetahuan sahaja, cikgu sebenarnya adalah fasilitator untuk mendidik. Jadi, pendidikan berbeza daripada penyampaian pengetahuan. Kalau kita hendak sampaikan pengetahuan, orang yang lebih banyak pengetahuan, mungkin dia boleh sampaikan lebih banyak juga. Akan tetapi sebagai seorang pendidik, saya rasa bahawa hati jauh lebih penting daripada otak. Kalau orang itu, walaupun dia sangat cemerlang dari segi akademik, sekiranya dia sombong, dia rasa

bahawa di dunia ini dia seorang yang paling pandai dan dia memandang rendah orang-orang lain, saya rasa dia tidak akan menjadi cikgu yang baik.

Jadi, saya hendak minta bahawa Kementerian Pendidikan memberikan lebih perhatian tentang perkara ini. Apabila kita *interview*, bukan sahaja kita ambil budak yang cemerlang dari segi akademik. Bahkan kita kena ambil kira sama ada orang itu dia sesuai ataupun tidak sesuai untuk menjadi cikgu. Saya juga hendak sebut serba sedikit tentang insentif untuk menarik para pendidik bertugas di kawasan pedalaman dan terpencil. Sekarang kita dapati bahawa ada kawasan pedalaman, khususnya di Sabah dan Sarawak yang tidak ada cikgu yang hendak pergi. Kalau pergi pun, setahun hendak minta keluar. Jadi, saya difahamkan bahawa ada tempat tertentu sampai langsung tidak ada guru terlatih yang berada di kawasan itu. Di sekolah yang berkenaan hanya guru sementara sahaja. Jadi, saya dapati bahawa kita haruslah memberi insentif yang cukup supaya ada orang hendak berkhidmat di kawasan-kawasan terpencil dan pedalaman itu.

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), saya hendak sebut sedikit berkenaan dengan pengurusan rumah-rumah pangsa. Di kawasan saya, didapati agak banyak rumah pangsa pada keseluruhannya pengurusan rumah-rumah pangsa ini adalah tidak memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab, yang terutama sekali mungkin kerana ramai penghuni yang tidak mahu membayar yuran pengurusan dan menyebabkan pihak pengurusan ini tidak cukup sumber kewangan untuk mengurus dengan baik.

Akan tetapi di kawasan Tebrau juga ada satu kawasan rumah pangsa yang saya dapati amat baik dan boleh dijadikan teladan iaitu Rumah Pangsa Orkid di Taman Desa Cemerlang. Baru-baru ini mereka sedang menuju untuk mendapatkan ISO. Kalau tidak silap saya ISO-ISO apa, saya tidak ingatlah. Akan tetapi...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta laluan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Saya nampak Yang Berhormat Tebrau berbahas dalam cara yang baik dan Dewan sidang pun dalam keadaan yang begitu baik. Saya ingin tanya Yang Berhormat Tebrau, ingin tarik balik sentuhan Yang Berhormat terhadap Dewan Rakyat ini yang mengatakan Dewan Rakyat ini sebagai satu *animal farm* di luar. Ingin tarik balik kenyataan ini?

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya ingat yang itu tiada kaitan dengan apa yang saya sedang berhujah sekarang.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, tetapi salah sangkaan katakan maksud dari Dewan Negara ke Dewan Rakyat. Dewan Rakyat ini sebagai satu *animal farm*...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya harap bahawa...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Amat berlainan dengan Dewan Negara. Oleh sebab itu saya minta...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya harap jangan fikir hanya satu ayat sahaja.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tengok keadaan pilihan raya begitu baik.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Apa yang saya sebut pada masa itu saya kata bahawa di Dewan Negara kita ikut peraturan. Apabila seorang bercakap, yang lain duduk. Apabila ada orang lain mencelah, orang bercakap duduk. Kita dengar arahan Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya cakap. Saya kata bahawa di Dewan Rakyat ini saya dapati seolah-olah peraturan ini langsung tidak diambil berat. Ini yang saya cakap. Okey.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Adakah guna *animal farm*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Seperti *animal farm*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Oleh sebab itu saya ingat ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua sebab di Dewan Rakyat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okey.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Jadi saya rasa sangkaannya saya ingat sepatutnya ditarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya berharap bahawa Kementerian ini iaitu KPKT memberikan pengiktirafan kepada badan-badan pengurusan yang baik itu dan mungkin mereka boleh menjadi teladan kepada yang lain. Saya berharap supaya rumah-rumah pangsa itu boleh ditadbir dengan lebih baik.

Saya juga ada satu cadangan, oleh kerana rumah-rumah pangsa itu ada alat-alat pemadam api yang banyak dan alat-alat itu perlu diperiksa oleh bomba dan mereka perlu bayar. Banyak pertubuhan pengurusan rumah pangsa ini oleh kerana masalah kewangan, ada yang tidak mampu hantar alat-alat pemadam api ini untuk diperiksa mengikut jadual. Saya bercadang kepada KPKT oleh kerana Jabatan Bomba juga di bawah KPKT bahawa bagi rumah pangsa itu kita kecualikan bayaran untuk pemeriksaan alat-alat pemadam api itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji usaha Parlimen untuk mengadakan e-Risalah, e-Book dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang saya sudah sebut banyak kali dan sejak hari pertama saya masuk ke Dewan Negara. Oleh kerana saya dapati bahawa apabila kita menggunakan *soft copy* ini, yang pertama kita jimatkan banyak kos hendak cetak. Kedua, kita jimatkan kertas-kertas. Ini juga adalah satu langkah untuk memelihara alam sekitar.

Kita juga dimuatkan dengan banyak beban kerja. Bentara hantar buku, kemudian bawa balik. Ahli-ahli Parlimen yang mungkin buku yang begitu banyak mungkin hanya ambil 20%, yang lain tinggal di sini. Jadi satu lagi yang saya selalu kata, buku-buku ini kalau kita hendak rujuk, hendak cari data memang susah. Saya tidak tahu di mana hendak cari. Akan tetapi kalau kita ada *soft copy*, kita boleh menggunakan *search*. Jadi jauh lebih senang untuk Ahli Parlimen hendak buat rujukan.

Saya ucapkan tahniah kepada pihak Parlimen, sekarang *Hansard* sudah dikeluarkan dalam bentuk CD, tetapi saya ada cadangan. Saya rasa CD pun tidak perlu kerana ini sudah ada di dalam laman web. Kita sebenarnya boleh *download* daripada laman web. Ini pun tidak perlu diadakan ... [*Sambil menunjukkan CD*] Saya ada satu lagi cadangan yang saya hendak buat banyak kali tetapi masih belum diambil tindakan oleh pihak Parlimen ialah jawapan-jawapan pertanyaan lisan yang tidak dapat dijawab di dalam Dewan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Tebrau, kita berkait dengan tiga kementerian sahaja.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okey. Ini ada kaitan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia walaupun ini hal Parlimen. Jadi saya rasa bahawa – saya hendak cadangkan bahawa ini juga kita diberikan *soft copy* daripada *hard copy*, lebih senang untuk kita membuat rujukan.

Berkenaan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga, saya dapati bahawa sampai sekarang, masih ada kawasan perumahan, kawasan perniagaan yang di dalam Tebrau pun - Saya terima aduan kedai sudah siap dibina, CF sudah dapat, mereka telah mula berniaga tetapi tidak ada perkhidmatan telefon. Saya memang tidak faham kenapa ini boleh berlaku. Entah macam mana kedai-kedai itu boleh dapat CF. Orang yang sudah beli rumah, beli kedai, sewa kedai rasa tertipu kerana apabila tidak ada perkhidmatan telefon, mereka memang sangat sukar untuk berniaga. Tidak boleh bergantung kepada *handphone* sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tebrau. Gulung.



**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okey, saya juga hendak tanya Kementerian Komunikasi dan Multimedia berkenaan dengan Kampung WiFi yang dijanjikan beberapa tahun yang lepas, sampai sekarang Tebrau belum ada satu pun Kampung WiFi. Apakah sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia berikan perhatian yang serius kepada khabar-khabar angin dan khabar-khabar palsu yang disebarkan di internet. Sekarang saya dapati seolah-olah generasi muda kita digalakkan untuk sebar bohong walaupun mereka tahu itu bohong, mereka tahu ini tidak berasas, mereka suka sebar. Jadi, adakah kita hendak mendidik generasi muda supaya mereka suka berbohong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baik.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Jadi dengan kata-kata sedemikian, saya menyokong pembentangan *budget*. *Thank you*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baik Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kita sudah tahu yang dibentangkan tadi adalah melibatkan tiga kementerian sahaja untuk disatukan iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Kedua, Kementerian Pendidikan. Ketiga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini ada kepala dia. Jadi saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat tumpukan perbincangan mengenai tiga kementerian sahaja. Dijemput Yang Berhormat Shah Alam, 15 minit Yang Berhormat Shah Alam.

**2.49 ptg.**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain daripada Pakatan Rakyat agak kecewa dengan keadaan di mana selepas sahaja berlakunya pilihan raya, maka seolah-olah satu tradisi, maka kementerian-kementerian disusun kembali.

Lebih menghairankan apabila apa yang telah pernah satu, dipecahkan dan sekarang ini yang setelah dipecahkan, disatukan kembali. Ada yang mengatakan ini adalah atas sebab keperluan. Akan tetapi bagi saya berdasarkan kepada apa yang sedang berlaku, ia bukan keperluan tetapi kecelaruan.

Pada satu ketika kita menganggap bahawa Kementerian Pelajaran dan Pendidikan Tinggi perlu diasingkan seperti mana ada salah seorang Yang Berhormat daripada Barisan Nasional telah sebut, ini merupakan satu tindakan yang agak wajar kerana mereka mempunyai tumpuan kepada aspek-aspek pendidikan yang berbeza, yang pengajian tinggi, yang mempunyai tuntutan-tuntutan yang lebih mencabar .

■1450

Oleh kerana itu, memerlukan seorang Menteri untuk memberikan tumpuan untuk hendak meningkatkan taraf pengajian tinggi di negara kita. Lebih-lebih lagi apabila dilihat bahawa ranking di universiti-universiti tempatan semakin merosot. Maka, apabila dipisahkan pada satu ketika dahulu, ia dianggap sebagai satu tindakan yang wajar dan bijak untuk menentukan bahawa taraf pendidikan negara tidak akan tercemar ataupun tidak akan bertambah merosot lagi. Akan tetapi, apabila kita lihat bahawa ranking universiti-universiti tempatan terus merudum, tiba-tiba disatukan kembali Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam satu kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, maka kita persoalkan apakah sebab dan hujah di sebaliknya.

Inilah malangnya sering berlaku di Parlimen ini ataupun di Dewan Rakyat ini apabila cadangan-cadangan dan rombakan-rombakan dilakukan tanpa dikemukakan satu alasan dan penghujahan yang jelas dan kukuh. Tadi disebut tentang kes-kes sebelum ini. Akan tetapi sekarang juga, pada hari ini juga apabila disatukan ke dalam Kementerian Pendidikan, disatukan pula Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, disatukan pula Kementerian Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar dan Perumahan dan sebagainya tidak dikemukakan sebab-sebab mengapa ia perlu dilakukan.

Sedangkan seperti mana yang kita tahu, pindaan-pindaan dan perubahan-perubahan ini tidak berlaku hanya atas dinding atau atas *signboard*. Ia berlaku dalam

peringkat mikro itu sekali apabila jabatan-jabatan, kakitangan-kakitangan, ketua-ketua jabatan dan sebagainya semua terpaksa dirombak dan kadangkala mengakibatkan perpindahan fizikal daripada satu pejabat ke satu pejabat yang lain yang semestinya akan menelan belanja yang tinggi.

Tidak wajar bagi kita untuk bersetuju dan meluluskan dengan begitu sahaja tanpa kita diberitahu apa sebab dan mengapa ia perlu dilakukan. Adakah yang sedang dilakukan, usaha hendak sesuaikan orang kepada kementerian atau hendak sesuaikan kementerian-kementerian kepada orang-orang yang ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, sila Yang Berhormat Parit Buntar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Shah Alam menyebut bahawa kita banyak buat dasar yang agak *flip flop* kerana dengan mudah menukar atau mencantumkan sesuatu kementerian. Sedangkan saya masih ingat dahulu antara lain kenapa Kementerian Pengajian Tinggi diwujudkan Yang Berhormat Shah Alam adalah untuk fokus supaya universiti kita menjadi yang terbaik. Akan tetapi malangnya seperti yang disebut hari ini bukan sekadar universiti kita tidak mencapai indeks yang terbaik dari sudut kualitinya tetapi kita juga menghadapi masalah *mismatch* iaitu banyak universiti swasta yang ditubuhkan tanpa melihat kepada keperluan pasaran lalu menjadi longgokan graduan yang menganggur.

Lalu kemudian mereka terpaksa membayar pula PTPTN, menanggung beban, kemudian *diblacklistkan* dan sebagainya. Jadi, saya rasa Yang Berhormat Shah Alam setuju atau tidak supaya semua kementerian khususnya pendidikan ini diberikan satu *blue print* yang betul-betul. Bukan sekadar tukar-tukar sahaja tetapi masalah yang sama tetap berulang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Itulah, seperti mana yang saya sebutkan tadi, ia merupakan satu perkara yang agak menghairankan. Kita tidak tahu sama ada matlamat di sebalik perpisahan dan perpecahan satu kementerian menjadi dua itu dahulu telah pun mencapai matlamatnya. Selepas itu, oleh kerana itu maka tidak perlu, maka dicantumkan balik. Ataupun kalau berdasarkan kepada apa yang kita lihat dan kita baca dari sudut ranking universiti dan sebagainya dan segala masalah-masalah berhubung dengan graduan, masalah dengan universiti-universiti swasta, masalah disiplin dan sebagainya banyak yang jelas menunjukkan bahawa masalah asal yang ingin dicapai melalui perpisahan satu kementerian itu menjadi dua kementerian, tidak tercapai. Apabila tidak tercapai, tiba-tiba hendak disatukan kembali, kita tidak faham apakah logik dan justifikasinya.

Pada masa yang sama seperti mana yang saya sebutkan tadi semestinya ia akan mengundang perbelanjaan dan kos terhadap kementerian-kementerian yang berkenaan. Ia akan mungkin mengakibatkan perlunya perpindahan satu jabatan. Katakan bahagian yang hendak jaga kebudayaan. Dahulu diletak di bawah multimedia. Sekarang ini sudah diletak di bawah pelancongan. Maka, adakah mereka akan tetap kekal dalam pejabat lama ataupun mereka akan dipindahkan untuk memudahkan penyelarasan dan tugas-tugas Menteri di bawah kementerian yang baru yang telah dicantumkan ini dan sebagainya? Itu semua perlu diberikan justifikasi kalau ada penambahan kos hasil daripada tindakan-tindakan yang seperti ini, pihak kementerian ataupun pihak Perdana Menteri perlu memberikan sebab mengapa kita perlu tanggung kos-kos itu.

Mengapa perlu kita letakkan kebudayaan itu di bawah pelancongan dan tidak dikekalkan di bawah IT? Kenapa dahulu dipindahkan dan diletakkan di bawah IT? Apakah logik di sebalik tindakan-tindakan seperti ini? Itulah yang saya sebutkan tadi. Adakah ini usaha untuk hendak samakan atau hendak susun kementerian-kementerian itu mengikut orang-orang yang ada dan bukan untuk kekalkan struktur dan hala tuju yang telah lama diasaskan itu dengan meletakkan orang-orang yang berkewibawaan dan berkemampuan untuk mengisi jawatan-jawatan itu.

Sekiranya ia dilakukan semata-mata untuk memenuhi hasrat dan cita-cita individu-individu yang tertentu seperti mana yang ada disinggung oleh Yang Berhormat Kuala Krai oleh kerana ada pemilihan hujung tahun ini. Maka kalau jadi Menteri dan sebagainya maka lebih baik dan sebenarnya amat mendukacitakanlah. Sedangkan masalah-masalah yang dihadapi khususnya di bawah Kementerian Pendidikan yang telah disatukan itu adalah masalah-masalah yang cukup serius, yang perlu diberikan tumpuan.

Kita ada masalah dalam sekolah sekarang ini, masalah gengsterisme. Kita ada masalah-masalah perkauman. Masalah-masalah yang tidak boleh kita dengan mudah selesaikan dengan adanya perubahan struktur dan penyatuan kementerian tetapi ia memerlukan satu wawasan dan satu dasar yang jelas. Saya rasa agak kecewa juga apabila saya mendengar di dalam Dewan ini, ditimbulkan lagi persoalan-persoalan tentang pendidikan vernakular, pendidikan sekolah Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kalau kiranya kita menganggap bahawa perpaduan itu hanya akan tercapai dengan ada hanya satu sistem persekolahan, maka kena tutuplah semua sekolah agama kerana sekolah-sekolah agama itu pun merupakan satu sistem pendidikan yang tersendiri yang berasingan daripada sekolah-sekolah yang bukan berasaskan kepada agama Islam. Ini merupakan satu hujah yang semestinya kita akan tolak.

Masalah yang dihadapi bukan masalah wujudnya sekolah-sekolah vernakular, sekolah-sekolah agama yang berasingan, memisahkan pelajar-pelajar Melayu daripada yang bukan Melayu, yang Islam daripada yang bukan Islam. Masalah perkauman ini timbul apabila mereka diperalatkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang ingin menggunakan isu agama dan kaum sebagai satu isu untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat dalam menghadapi pilihan raya yang telah dimenangi dengan menggunakan *scare tactic*, dengan memomok-momokkan rakyat, menakut-nakutkan rakyat.

Kononnya orang Cina akan berkuasalah, kononnya Melayu akan hilang kuasalah dan inilah unsur-unsur yang telah diguna pakai di dalam sekolah-sekolah dan sebagainya yang dibawa balik oleh ayah dan ibu yang menakut-nakutkan kononnya ini akan berlakulah, itu akan berlakulah. Akan jadi republik lah, akan jadi negara Kristian lah dan sebagainya.

#### ■ 1500

Inilah faktor-faktornya. Jangan kita hendak salahkan sekolah-sekolah vernakular, sekolah Cina kah, sekolah Tamil kah, sekolah agama dan sebagainya kerana kita lihat banyak daripada juara-juara yang membawa persoalan kebangsaan, kemelayuan ini bukan kelulusan daripada sekolah agama pun. Mantan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dia hasil daripada sekolah bahasa Inggeris yang mana daripada kecil dia sudah campur dengan orang Cina, orang India tetapi oleh kerana politiknya, politik perkauman yang rosak, politik yang memikirkan apa saja untuk boleh mendapatkan kuasa, maka dia gunakan alat-alat yang seperti itu untuk menimbulkan perasaan ketakutan dan kebencian. Ia bukan yang dilakukan oleh orang yang berkelulusan sekolah Cina atau sekolah Tamil ataupun sekolah agama. Maka, hipotesis itu dan teori itu memang tidak ada asas. Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Yang Berhormat Shah Alam ada dua minit lagi.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam, semalam ada kenyataan seorang Timbalan Menteri iaitu Yang Berhormat Pasir Salak di Kuala Besut yang mengatakan kalau Pakatan Rakyat perintah di peringkat pusat, maka Yang Berhormat Bukit Gelugor akan menjadi Perdana Menteri. So boleh huraikan, adakah kenyataan itu betul boleh terjadi di Malaysia atau sengaja disebut oleh UMNO?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Presiden.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, inilah tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Tebrau. Orang sudah tahu benda itu tidak betul tetapi hendak cakap juga. Ini bukan soal *blogger*, ini bukan soal *Facebook*. Ini terus terang, orangnya Menteri tetapi mempunyai sikap yang tidak bertanggungjawab. Soal multimedia ini Yang Berhormat Tebrau, ia menjadi seperti cendawan selepas hujan bukan kerana apa, kerana media perdana, media putar belit. [Dewan riuh]

Orang tidak pergi kepada *Utusan Malaysia*, orang tidak pergi kepada *New Straits Times*, orang tidak pergi kepada *The Star*, orang tidak dengar TV1, tidak dengar TV2, tidak dengar TV3. Oleh kerana semua ini media putar belit. Inilah masalahnya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tebrau bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oleh hanya kerana ada satu minit saja lagi...

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak bagi laluan. Yang Berhormat Tebrau duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Saya hendak sebut bahawa pendekatan perkauman dan pendekatan hendak laga-lagakan di antara penganut-penganut agama adalah satu pendekatan yang terkutuk dan seharusnya dihentikan oleh semua pihak. Ini akan menjamin perpaduan dan ini dapat tercapai khususnya bagi orang Islam apabila orang Islam didedahkan kepada kefahaman dan pengajaran dan ajaran Islam yang sebenar yang mana Allah melihat perbezaan kaum dan perbezaan agama ini sebagai bukti-bukti keagungan-Nya.

*Point* yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut kekecewaan saya terhadap Kementerian Pendidikan, satu sajalah, mudah. Semasa saya Darjah Satu, satu kelas darjah 40 anak murid. Sekarang ini kita hadapi masalah yang sama. Satu kelas darjah, 40 orang anak murid sampai ke Darjah Enam, sampai ke Tingkatan Satu, sampai ke Tingkatan Lima, Tingkatan Enam barulah kurang. Sedangkan dari zaman saya di bangku sekolah lagi, semua menyebut yang paling ideal satu kelas 20 hingga 25 anak murid. Kita sudah hampir 60 tahun merdeka. Bila rakyat Malaysia akan mendapat hak pendidikan yang berkualiti yang sebegini?

Kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak mampu ... *[Dewan riuh]* dan sering hendak salahkan pegawai-pegawai awam, ini bukan masalah dasar, ini masalah *delivery*. Sampai bila hendak pegang kepada hujah itu? Kalau tidak mampu memimpin jabatan awam dan pegawai-pegawai awam, sila undur. Biar Pakatan Rakyat tunjuk caranya. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sokong, sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Ya, sebelah sini tidak ada. Okey, Yang Berhormat Seremban, 15 minit.

### 3.05 ptg.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menurut perintah daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya akan fokus dalam satu kementerian saja iaitu Kementerian Pendidikan yang telah digabungkan melalui Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi seperti hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Shah Alam. Kita pun keliru kadang-kadang.

Tahun 2004, dia pecah. Sekarang hendak gabung balik. Kadang-kadang kita pun keliru apakah rasional di belakangnya dan saya menyokong hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi. Cuma saya hendak membawa satu isu Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang menjadi masalah tahunan, *annual event*, *annual problem*, satu masalah yang menjadi perbualan ataupun isu saban tahun yang setiap tahun apabila sampai bulan enam, bulan tujuh akan berlaku di mana pelajar-pelajar cemerlang kita, pelajar-pelajar terbaik kita baik daripada SPM ataupun STPM tidak dapat tempat di IPTA ataupun tidak dapat subjek yang mereka pilih.

Tahun ini juga sama, saya nampak dalam beberapa laporan media dalam beberapa hari ini ada ramai pelajar terbaik daripada STPM tidak mendapat subjek pilihan mereka. Tahun ini saya difahamkan dan saya melihat balik laporan dalam media, STPM 2012 ada 442 pelajar daripada jumlah 51,673 pelajar yang menduduki STPM 2012 telah mendapat keputusan cemerlang iaitu mendapat CGPA 4.0 iaitu semua A dalam keempat-empat mata pelajaran yang mereka ambil dalam STPM. 442 pelajar ini hanya 1%, kurang

daripada 1% daripada semua pelajar tersebut. Anehnya ialah walaupun mereka mendapat keputusan yang paling cemerlang, yang paling baik tetapi tidak mendapat kursus yang mereka pilih walaupun diberikan pilihan.

Saya nampak dalam laporan media semalam ada seorang pelajar yang dibangkitkan oleh seorang pemimpin MIC iaitu Amitha Kaur yang mendapat 4.0 dalam matrikulasi tetapi tidak mendapat subjek pilihan dia walaupun beliau hanya pilih pergigian. Pergigian itu bukan subjek paling baik, bukannya subjek paling prestij, pergigian saja pun tidak dapat. Ini tidak tahu mengapa berlaku begini. Seorang lagi pelajar yang lain, pelajar terbaik dari Teluk Intan yang bernama Tan Leak Hong mendapat 4A dalam STPM. Beliau mendapat gred A dalam semua kertas, dalam keempat-empat mata pelajaran ini, semua A Tuan Yang di-Pertua. Beliau meminta daripada sembilan IPTA untuk kursus perubatan tidak dapat, tidak dapat kursus perubatan.

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua kepada Kementerian Pendidikan, apa masalahnya? Hanya 1%, mengapa Kementerian Pendidikan tidak boleh *accommodate* pelajar-pelajar yang terbaik ini untuk memberikan mereka subjek pilihan mereka, *the course of choice* mereka?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Boleh bagi laluan tidak? Belakang.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sekejap. Kalau *Utusan Malaysia* tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Indera Mahkota di belakang.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sekejap, saya hendak habiskan ayat ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kalau *Utusan Malaysia* tanya apa lagi Cina mahu? Saya bagi pihak pelajar-pelajar ini hendak tanya kepada kerajaan, apa lagi kerajaan mahu? Kalau dapat keputusan paling cemerlang, 4.0 semua A tidak dapat subjek pilihan mereka, hendak menjadi doktor tidak dapat, apa lagi kerajaan mahu? Oleh sebab ini adalah modal insan terbaik kepada negara kita yang sepatutnya kita berikan pilihan kepada mereka, mendidik mereka menjadikan modal insan yang terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik juga dengan pandangan sahabat saya Yang Berhormat Seremban. Setuju kah dengan saya kalau saya katakan begini. Kita daripada Pakatan Rakyat tidak akan menggugat matlamat Dasar Ekonomi Baru di dalam sistem pendidikan. Hendak tolong orang bumiputera, yang hendak pergi lanjutkan ke universiti kita tidak akan soal. Akan tetapi saya ada kes Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya ada seorang perempuan nama dia Chan Pek Looi dapat 9A, *best student* in Pahang dengan izin tetapi minta apa, biasiswa pun tidak dapat. Boleh kah kita zahirkan macam ini? Yang DEB, DEBlah kita tidak kacau tetapi bolehkah kita zahirkan Kementerian Pendidikan zahirkan, setujukah Yang Berhormat Seremban dengan saya kalau kita katakan anak-anak mesti ada meritokrasi, *scholarship*, biasiswa yang dapat 9A? Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Dewan ini Dewan yang mulia, jaga *decorum*...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]:** ...Ya, bagus Melayu macam itu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tidak, jaga *decorum*. Saya cadangkan begini, boleh atau tidak kita zahirkan biasiswa yang untuk DEB kita tidak kacau, tetapi kita zahirkan satu yang dikatakan meritokrasi *scholarship*, yang dapat 9A kita bagi terus semua?

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]:** Baguslah Melayu.

## ■1510

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Setar bangun.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Pandangan Yang Berhormat berkenaan baru-baru ini kita melihat surat khabar. Dalam *Utusan Malaysia* juga ada pendidik-pendidik Melayu negara termasuk bekas Naib Canselor UiTM yang baru-baru ini mengatakan bahawa kerajaan harus menyusun semula sistem pendidikan negara kita sebab meritokrasi hanya *benefit*, dengan izin, orang-orang Cina dan meritokrasi ini telah membangkitkan *supremacy* Cina. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terlebih dahulu saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Indera Mahkota. Apabila kita sebut meritokrasi, kita tidak menggugat pelajar-pelajar bumiputera. Kalau pelajar-pelajar Melayu yang miskin yang sepatutnya dibantu Pakatan Rakyat termasuk DAP tidak ada masalah. Seratus peratus kita menyokong pemberian biasiswa kepada mereka tetapi cuma untuk pelajar-pelajar *top student*. Ini adalah *top* kurang dari 1%. Saya mengatakan bahawa 442 pelajar sahaja daripada 40,000 tempat yang diberikan kepada pelajar-pelajar IPTA. Satu peratus ini. Ini pun bukannya soal biasiswa. Soal subjek pilihan mereka tidak dapat diberikan. Ini saya rasa adalah masalah yang begitu teruk, yang berlaku dalam Kementerian Pendidikan saban tahun. Berkenaan dengan meritokrasi, memang kita mengatakan bahawa apabila ada meritokrasi tidak akan menggugat pelajar-pelajar Melayu. Kita tidak rasa hujah daripada ahli akademik itu adalah satu hujah yang lapuk, satu hujah yang ketinggalan zaman.

Apakah hari ini pelajar-pelajar Melayu tidak boleh bersaing? Saya rasa kalau diberikan satu pentas persaingan yang sama rata, pelajar-pelajar Melayu juga mampu bersaing. Tidak ada masalah sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, visi dia hendak menzahirkan 'glokal' atau global lokal. Ahli-ahli orang Melayu 'glokal'. Apakah orang-orang Melayu tidak dapat bersaing dari segi akademik? Saya rasa tidak begitu.

Jadi, saya rasa apabila kita bercakap soal meritokrasi, kita tidak ada mana-mana unsur bahawa kita akan mengetepikan kepentingan mana-mana kaum. Kalau pelajar-pelajar terbaik sama ada mereka Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban sepatutnya diberikan subjek pilihan mereka. Kerajaan sepatutnya memberikan biasiswa untuk membimbing mereka sebagai modal insan negara yang menyumbang kepada pembangunan negara selepas mereka *graduate* nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin dalam isu ini juga saya rasa ada pertanyaan-pertanyaan daripada Presiden MCA sendiri, Presiden MIC sendiri berkenaan dengan bilangan pelajar-pelajar Cina dan pelajar-pelajar kaum India yang kurang dari segi kemasukan dalam tahun ini. Pelajar Cina dikatakan telah turun daripada 23% sehingga 19%. Kita tidak mahu melihat masalah ini dari sudut perkauman. Cuma saya hendak tanya Kementerian Pendidikan, apakah tahun ini keputusan pelajar-pelajar keturunan Cina atau keturunan India ini begitu teruk ataupun mereka telah gagal atau telah merosot prestasi mereka sehingga menyebabkan kemasukan pelajar-pelajar dari dua komuniti ini telah berkurangan?

Saya harap ini bukannya satu politik balas dendam. Ini bukannya satu balas dendam apabila keputusan pilihan raya ternyata masyarakat Tionghoa tidak memberikan sokongan terhadap Barisan Nasional, maka inilah satu cara balas dendam untuk mendenda ataupun untuk menyebabkan pelajar-pelajar daripada keturunan Tionghoa berkurangan dalam IPTA tempatan. Ini bukan soalan daripada saya. Ini soalan daripada pemimpin-pemimpin komponen dalam Barisan Nasional. Saya harap Kementerian Pendidikan memberikan satu jawapan yang jelas dalam perkara ini.

Berbalik kepada soal tadi berkenaan dengan *top student*. Saya meminta supaya Kementerian Pendidikan menjadikan satu dasar supaya semua pelajar cemerlang yang mendapat CGPA 4.0 sepatutnya mereka terus diberikan secara automatik berkenaan dengan subjek pilihan mereka di IPTA pilihan mereka. Jadi, saya harap ini dapat diberikan satu jawapan dalam Dewan yang mulia ini. Ini bukannya soal politik. Ini soal pendidikan. Sepatutnya ada satu dasar yang jelas, satu dasar yang telus supaya mereka dapat melihat ataupun mendapat subjek pilihan mereka di universiti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sarikei bangun. Sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sekejap ya.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Satu isu saya yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Pusat ialah tentang masalah ketiadaan institusi tinggi atau kolej di kawasan Parlimen saya. [Disampuk] Belum. Baru belajar. Disebabkan tidak ada institusi tinggi atau kolej di bahagian Sarikei, pelajar-pelajar yang tamat Tingkatan Lima atau Tingkatan Enam terpaksa melanjutkan pelajaran mereka di tempat lain seperti di Kuching dan Kuala Lumpur.

Keadaan sedemikian cukup menyusahkan ibu bapa pelajar untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di tempat lain. Ibu bapa perlu menanggung kos perbelanjaan yang lebih tinggi untuk menghantar anak-anak mereka belajar di tempat lain. Justeru itu, saya ingin menyeru Kerajaan Pusat membina sebuah institusi tinggi atau kolej yang bertaraf tinggi di bahagian Sarikei supaya pelajar-pelajar tempatan tidak perlu melanjutkan pelajaran mereka ke tempat yang jauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sarikei.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini dasarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini sepatutnya meminta memberi laluan untuk mencelah, dapatkan penjelasan, bukannya memberikan ucapan. Ya, ambil masa daripada Yang Berhormat Seremban ini.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mahu habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Satu *sentence* lagi. Kalau ada sebuah institusi tinggi atau kolej...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat tidak ajar ini.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** ... Di bahagian Sarikei, maka ibu bapa-ibu bapa dapat meringankan bebanan bagi kos perbelanjaan anak-anak mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seremban tidak ajar.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Yang Berhormat Sarikei. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Sarikei dalam ucapan saya. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab sebab tidak sempat nanti untuk beliau membuat ucapan.

Perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menggulung ialah berkenaan dengan pengenalan subjek Tamadun Islam dan Tamadun di Asia di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini bahawa ia dijadikan satu subjek wajib di IPTS bermula bulan September nanti. Saya di sini ingin menegaskan pendirian DAP bahawa kita tidak ada masalah untuk rakyat Malaysia atau pelajar-pelajar untuk mempelajari tamadun Islam mahu pun tamadun dunia yang lain. Kita sebenarnya menggalakkan pemahaman terhadap ketamadunan yang berlainan supaya kita dapat memperluaskan minda dan juga pengetahuan am dalam kalangan pelajar-pelajar kita. Cuma kita rasa pendekatan untuk mewajibkan subjek ini IPTS adalah kurang wajar. Apabila ada unsur-unsur untuk mewajibkan, ia akan memberikan satu perspektif atau imej yang negatif dalam kalangan pelajar-pelajar. Mereka seolah-olah terpaksa untuk menduduki subjek tersebut.

Cuma saya ingin menegaskan bahawa di sini kita menyokong pengenalan subjek tersebut sebagai subjek elektif di IPTS bukannya subjek wajib. Saya harap Kementerian Pendidikan boleh memberikan satu keputusan yang cepat dalam perkara ini sebab ada banyak kenyataan dari pelbagai pihak dalam dua atau tiga hari ini yang telah menyeru Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula dasar atau keputusan ini. Kita harap Kementerian Pendidikan dapat memberikan satu keputusan yang pantas bahawa ia tidak diwajibkan tetapi kita tidak ada halangan sekiranya subjek ini dijadikan sebagai subjek elektif di institut pengajian tinggi swasta (IPTS).

Saya rasa tidak ada sesiapa yang akan membantah keputusan tersebut. Cuma ia tidak boleh ada paksaan, dijadikan sebagai satu subjek elektif untuk dipilih oleh para pelajar. Sekiranya mereka berminat, kita menggalakkan mereka mengambil subjek ini. Saya rasa itu adalah pendirian yang kita ambil dan kita tidak mahu supaya pendirian yang diambil oleh DAP ini atau mana-mana pihak dijadikan satu modal oleh puak-puak perkauman, puak-puak *racist* yang menyatakan kita kononnya membantah agama Islam. DAP tidak pernah membantah agama Islam. DAP tidak pernah anti Islam malah kita mempertahankan kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan. [*Dewan riuh*] Tengok ini! Tidak berani dengar. Kalau hendak mencelah bangunlah.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Bagi jalan.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bangun, bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pendang. Sila.

■1520

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Dalam Dewan ini, dalam Dewan ini. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang menyatakan dengan jelas bahawa DAP selama 26 tahun menolak undang-undang Islam. Dewan ini! Saya dalam ini. Tipu! Ini saya dalam Dewan ini.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Okey, okey, okey.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Bagilah baru duduk! Carilah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** UMNO pun tolak. Apa masalah DAP tolak? UMNO pun tolak.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Jangan cabar saya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** MCA sokong atau tidak?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Jangan cabar saya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** UMNO pun tolak, UMNO pun tolak. Mana ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Seremban, habis masa ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Seremban, oleh kerana Yang Berhormat Pendang menyatakan bahawa DAP menentang hukum Islam. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Seremban, adakah Yang Berhormat Seremban sedar bahawa apabila Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan undang-undang Islam, mendapat surat daripada UMNO 'kot', Perdana Menteri 'kot' yang menyatakan bahawa kalau sekiranya Kelantan meluluskan, akan diambil tindakan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lulus 'kot-kot' mereka ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan diambil tindakan. Adakah Perdana Menteri ini pernah menjadi Ahli DAP? Itu sahajalah... [*Ketawa*]

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak habiskan ucapan saya.

**Seorang Ahli:** Apa punya soalan.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya memasukkan ucapan Yang Berhormat Sepang sebagai ucapan saya. Saya pun tahu bahawa UMNO ini cakap tidak serupa bikin. Seperti biasanya. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Samalah!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** DAP lagi putar belit. Lagi putar belit. Samalah PAS pun.

**Seorang Ahli:** Tidak berani jawab. Jawablah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.



**3.21 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih. Bukan mencelah ini. Habis sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peluang diberikan untuk membahaskan Usul Anggaran Perbelanjaan Mengurus Peruntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan Tahun 2013.

Saya seperti mana rakan-rakan telah pun sebut tadi bahawa peruntukan semula ini dibuat kerana perubahan beberapa struktur daripada kementerian yang membabitkan Kementerian Pelancongan yang dahulunya di dalam urusan kebudayaan dan kesenian berada di bawah Kementerian Penerangan. Begitu juga penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kementerian Pelajaran yang akhirnya dinamakan Kementerian Pendidikan. Begitu juga dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi saya melihat seperti yang saya mencelah tadi, ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai satu jangkauan pemikiran yang jauh untuk memastikan supaya satu ketetapan setiap agensi-agensi itu akan berada di bawah kementerian-kementerian tertentu tidak seperti mana yang berlaku. Akhirnya akan berlaku perubahan-perubahan. Agensi-agensi tertentu akan diubah daripada satu kementerian kepada satu-satu kementerian.

Ini kerana bagi saya bahawa ini akan membabitkan dari segi kesan ataupun implikasi kewangan kerana kegagalan urus tadbir yang cekap daripada pihak kerajaan sendiri dalam konteks Perdana Menteri dalam hendak mewujudkan, hendak menentukan jumlah dan juga nama-nama kementerian dan juga untuk meletakkan agensi-agensi tertentu itu tidak mengambil kira tentang masa depan dan juga tidak mengambil kira dari sudut implikasi-implikasi kewangan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, bila digabungkan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran dan diwujudkan Kementerian Pendidikan, akhirnya paling tidak, paling kecil implikasi kewangannya ialah *billboard* bagi saya. *Billboard* yang akan memberikan implikasi kewangan. Begitu juga dengan kebudayaan dan kesenian yang dulunya *billboard*nya sudah tentulah bahawa diletakkan Kementerian Penerangan tetapi hari ini akan diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan.

Saya tidak fikir. Dulu, gambar Menteri dulu yang sekarang menjadi Pengerusi TBC. Mungkin selepas ini akan diletakkan gambar Yang Berhormat Padang Rengas, contoh bagi saya. Saya tidak salahkan Yang Berhormat Padang Rengas, tidak salahkan Menteri dahulu tetapi bagi saya bahawa ini kebijaksanaan Perdana Menteri yang sepatutnya mempunyai satu jangkauan pemikiran yang jauh ataupun pentadbiran secara keseluruhannya daripada satu Perdana Menteri kepada satu Perdana Menteri itu mestilah ada satu ketetapan untuk mengambil kira persoalan-persoalan ini. Jadi, macam saya katakan tadi itu dalam konteks *billboard* bagi saya. *Billboard* yang akan memberikan kesan. Dia bukan boleh pergi padam daripada *billboard* yang ada itu. Pergi padam kementerian dan tukar kementerian. Tidak, tentu buat baru. Jadi adalah orang dapat projek baru. Adalah orang akan dapat projek baru. Adalah pihak-pihak tertentu.

Akan tetapi bagi saya bahawa ini soal kewangan yang membabitkan soal wang rakyat. Soal wang rakyat. Itu tidak kira lagi *letterhead*, *envelope* dan sebagainya daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Jadi ini saya katakan bahawa suatu yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan. Ini kerana bagi saya bahawa bukan memindahkan, bukan sekadar penyatuan antara satu kementerian dengan satu kementerian disatukan tetapi yang penting ialah bagi saya bahawa pengurusan yang baik, yang harus ada, yang mesti ditunjukkan oleh pihak kerajaan itu sendiri. Begitu juga dengan soal kebudayaan. Ini kerana bagi saya bahawa hari ini kita lihat bahawa – sekarang sudah ubah daripada Kementerian Penerangan kepada Kementerian Pelancongan. Akan tetapi bagi saya, apa program dari segi kesenian dan kebudayaan yang betul-betul dapat mengangkat imej dan martabat Malaysia. Apakah sekadar untuk mempamerkan seni budaya dalam bentuk festival dan sebagainya tetapi tidak membawa satu gambaran dari segi kehebatan kita sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kebudayaan.

Ini kerana bagi saya tidak cukup sekadar kita berbangga tentang kepelbagaian kebudayaan tetapi bagaimana kita hendak mewujudkan Malaysia sebagai kuasa budaya

untuk meletakkan atau memposisikan Malaysia itu pada kedudukan dunia. Ini kerana mungkin kalau kita hendak jadi kuasa ekonomi dalam tempoh yang terdekat ini mungkin agak sukar dan agak payah bagi saya. Akan tetapi bagi saya bahawa untuk kita menjadi satu kuasa budaya, saya katakan bahawa ini satu benda yang tidak mustahil kerana di Malaysia ini adalah salah satu daripada negara dan mungkin satu-satunya negara yang...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Pokok Sena, minta laluan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap. Satu-satunya negara yang berhimpunnya budaya ataupun tamadun-tamadun besar dunia di Malaysia ini. Tamadun Islam, tamadun China, tamadun Hindu, tamadun Eropah ada di Malaysia. Ini menunjukkan kepada kita bahawa berhimpunnya tamadun-tamadun dunia ini, budaya-budaya dunia ini di negara kita ini sepatutnya boleh mengangkat Malaysia untuk menjadi kuasa budaya di dunia ini untuk mengangkat imej dan juga martabat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Bersetuju atau tidak, banyak dasar yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini lebih kepada soal dia *create problem* dengan izin, *create business*. Contohnya ialah masalah berkenaan dengan PPSMI apabila diperkenalkan walaupun dibantah hampir lebih kurang 70 orang antaranya ialah Profesor Shahrin Mat Zin pada waktu itu Profesor Abdullah Hassan dan sebagainya. Akan tetapi tetap juga dilaksanakan. Bersetuju atau tidak, kerana ini ialah untuk memberikan *business*, kos cetak dan sekarang ini pula hendak balik kepada bahasa Malaysia, buku dicetak pada tauke lain pula. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya bersetuju dengan pendapat dan pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang bahawa itulah yang berlaku selama ini bahawa sesuatu yang diwujudkan itu ialah kerana untuk tujuan-tujuan. Tidak boleh lari daripada ada tujuan *business* dan sebagainya. Begitu juga dengan perubahan-perubahan Kementerian ini. Akan adalah pihak-pihak yang mengambil kesempatan dari segi *rebranding*. Hendak *rebranding* imej Kementerian yang baru ini dengan nama yang baru, dengan jenama baru ini. Sudah tentulah bahawa ada konsultant-konsultant tertentu yang akan mendapat habuan dengan nilai yang begitu tinggi selepas daripada ini.

Jadi sebab itu saya hendak kembali...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bulan puasa jangan mahu bohong.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, teruskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Lenggong memang begitu. Jadi sebab itu bagi saya bahawa saya hendak kembali kepada soal budaya yang sepatutnya dilihat oleh Yang Berhormat Menteri yang baru ini daripada Padang Rengas ini untuk merubah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan itu bukan sekadar untuk hendak mengangkat seni budaya itu dalam bentuk festival tetapi hendak mengangkat seni dan budaya itu menjadikan Malaysia ini sebagai kuasa budaya dunia.

Ini yang seharusnya dilihat. Kalau tidak nanti kita akan kekal. Tukar Kementerian, tengok tidak maju sikit budaya, balik pula Kementerian lain pula. Letak Kementerian lain pula.

#### ■1530

Jadi, akhirnya budaya itu hanya dalam bentuk perayaan-perayaan tertentu tetapi tidak dalam hendak mewujudkan macam saya katakan tadi, menjadi satu kuasa baru dalam konteks budaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya tertarik dengan kuasa budaya dunia itu kerana nampaknya kalau pelancongan itu dimasukkan sekali dalam budaya, seolah-olah budaya itu terbatas kepada festival dan sebagainya. Sedangkan kebudayaan itu sendiri boleh menjadi satu asas yang kukuh bagi landasan negara ini yang hari ini setelah berpuluh tahun kita merdeka, masih lagi orang bercakap dengan nuansa-nuansa yang *racist*. Sedangkan budaya itu sendiri dapat menemukan kepelbagaian ini dalam satu bentuk negara yang bersemangat di mana kita tidak mengenali bangsa itu sebagai Cina, India, Iban, Kadazan, Dayak dan lain-lain tetapi kita mengenalinya sebagai Malaysia, orang Malaysia. Ini boleh dilakukan jikalau betul-betul kerajaan hari ini menggunakan budaya sebagai asas yang penting untuk membentuk ke arah itu. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya bersetuju bahawa budaya sebagai alat diplomasi, satu alat diplomasi antara dunia. Akan tetapi juga boleh berlaku dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai kaum dan agama dalam negara kita ini. Ini kerana saya katakan tadi bahawa berhimpunnya di Malaysia ini, tamadun-tamadun besar dunia berada di Malaysia. Maka, sudah tentu bahawa kita kena angkat budaya itu menjadi satu alat diplomasi. Akhirnya, ia menjadikan Malaysia ini sebagai satu kuasa baru, kuasa budaya. Kita hendak jadi kuasa ekonomi mungkin jauh daripada negara-negara yang sudah maju jauh ke hadapan. Akan tetapi saya kata dalam konteks sekarang, dalam konteks semasa ini kita harus mengangkat budaya itu menjadi satu kuasa.

Jadi, sebab itu saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan satu institut diplomasi budaya, dalam bentuk seperti itulah. Maknanya, satu institut diplomasi budaya yang seharusnya dijadikan sebagai satu institusi untuk mendekatkan dalam konteks negara ini dalam memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa dan budaya dalam negara kita. Juga dalam konteks perhubungan antarabangsa. Ini kerana kalau kita lihat di British, ada *British Council* untuk mempromosikan budayanya dan sebagainya. Jepun ada *Japan Foundation* nya, begitu juga dengan negara-negara besar di dunia ini mempunyai institusi-institusi yang cukup hebat untuk bukan sekadar hendak mempromosikan budaya tetapi lebih jauh daripada itu. Jadi, sebab itu saya cadangkan bahawa satu institut diplomasi budaya perlu diwujudkan untuk menjadikan budaya ini sebagai satu alat diplomasi perhubungan dalam kalangan masyarakat dalam negara dan juga antarabangsa.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai bangun, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena atas cadangan yang cukup baik mengenai satu institusi budaya ini. Kita lihat di Malaysia ini bukan sekadar budaya, kita punya peninggalan-peninggalan ataupun *heritage* yang ada dalam negara ini tidak terpelihara dengan baik. Ada yang membawa contoh, misalnya pembangunan Menara Warisan yang akan dibuat di kota raya ini akan memberi kesan terhadap *heritage* kemerdekaan yang ada di sekeliling kawasan tersebut. Begitu juga kegagalan kita merakamkan antaranya tempat-tempat bersejarah seperti tempat rundingan antara Tunku Abdul Rahman dengan pemimpin komunis tahun 1956, agaknya di Baling. Walaupun tidak berjaya tetapi adalah merupakan suatu peninggalan sejarah yang harus dirakamkan dalam bentuk fizikalnya itu dikekalkan. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya bersetuju. Sepatutnya itu dilakukan untuk meningkatkan, menaikkan imej kawasan Baling umpamanya. Contoh kawasan Baling, untuk hendak mengelokkan dan menjadikan satu tempat yang bersejarah dalam negara kita. Saya hendak kembali kepada soal budaya ini Tuan Yang di-Pertua. Bila kita dapat mengangkat, kita menjadi satu kuasa budaya dan kita mewujudkan satu institusi budaya ini, ia akan boleh berperanan untuk membantu bagi mewujudkan persoalan keamanan dan keselamatan rantau, keamanan dan juga keselamatan dunia dan juga rantau dan juga di dalam negara kita. Peranan ini yang harus dilakukan sebab kita masih lagi mempunyai isu-isu seperti mana yang baru berlaku di Lahad Datu iaitu permasalahan dengan Filipina dan sebagainya. Kita ada di Selatan Thai umpamanya, yang bersempadan dengan negara kita.

Jadi, kita hendak kena angkat soal budaya ini supaya menjadi alat perhubungan yang akhirnya akan dapat meredakan, kalau tidak pun menghapuskan terus tetapi peringkat

awal ini untuk meredakan dan membantu bagi meredakan persoalan-persoalan, isu-isu yang berkaitan dengan soal keselamatan dan akhirnya dapat mewujudkan keamanan di negara kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, saya mengharapkan kepada pihak kerajaan, khususnya kepada Menteri baru ini, kita boleh wujudkan satu institut diplomasi budaya ataupun kita hendak namakan apa, institut Tun Perak kah atau apakah tetapi itulah peranan dan fungsinya.

Akhir sekali, saya hendak minta supaya pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan dapat mewujudkan satu mekanisme untuk memilih naib-naib canselor universiti ini. Setahu saya bahawa naib canselor universiti ini hanya perkiraan daripada Menteri Pendidikan itu sendiri yang akan menentukan naib-naib canselor ini. Jadi, mekanisme ini perlu dibuat untuk mengelak daripada timbulnya isu-isu yang kontroversi dalam pemilihan naib canselor universiti. Umpamanya, baru-baru ini timbul isu yang agak kontroversi apabila hendak melantik Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Jadi, timbul isu-isu yang menunjukkan bahawa macam tidak ada satu mekanisme yang jelas. Kalau Menteri Pertahanan dahulu rekomen kekalkan naib canselor yang ada sebelum itu, tiba-tiba ada pihak lain pula memilih bekas Panglima Tentera Darat untuk menjadi naib canselor universiti itu untuk kali kedua. Jadi, bagi saya bahawa perlu ada satu mekanisme, perlu ada satu jawatankuasa untuk temu duga calon-calon untuk disenarai pendek, kemudian boleh kemukakan kepada Menteri Pendidikan untuk membuat keputusan akhirnya, *insya-Allah*.

Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

### 3.37 ptg.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas dan saya memang menyokong penguntukan semula peruntukan perbelanjaan tahun 2013. Seperti mana yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyusun semula kementerian. Di sini ingin saya menarik perhatian, khususnya kepada Kementerian Pendidikan.

Pada tahun 2004, ia dipisahkan menjadi dua, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya masih ingat pada ketika itu sebagai wakil rakyat penggal pertama. Apabila berpisah, nampaknya mungkin secara kebetulan berlakunya kes di mana 128 orang pelajar pelbagai kaum yang tidak dapat memasuki IPTA mengikut subjek-subjek atau kursus yang mereka hendak pilih. Itu pada tahun 2004. Pada tahun ini, kita nampak perkara yang sama secara kebetulan digabungkan semula dan berlakunya perkara yang sama. Jadi, saya hendak menarik perhatian Dewan, kita kena melihat perkara ini secara objektif tidak kira Melayu, India atau Cina. Sesiapa sahaja kalau mendapat markah 4 *flat* sepatutnya diberi tempat.

Saya sudah lama mengikuti perkembangan yang berlaku dalam Kementerian Pengajian Tinggi sejak tahun 1999. Malahan saya pernah berdialog dengan mantan Menteri Pelajaran pada tahun 2001. Mengapa Kelly Yap tidak boleh memasuki universiti walaupun pelajar terbaik diperakui oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Jadi, sebab itulah pada tahun 2002, ditukar menjadi sistem meritokrasi. Saya melihat perkara ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak pucuk pimpinan kerajaan. Ini kerana baru-baru ini kita dapati rata-rata, tiga empat hari ini wakil rakyat tidak senang kerana menerima rayuan-rayuan daripada pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti. Yang saya khuatir sekarang ialah pelajar-pelajar sama ada daripada matrikulasi ataupun STPM. Mereka ini sememangnya kena mengisi borang, kalau mengikut peraturan dulu, dia terus beri lapan pilihan dan kalaulah kita diberikan tawaran ke tempat kelapan, mereka tidak boleh merayu kerana memang salah satu pilihan.

## ■1540

Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini, sistem ini sudah berubah di mana kita ada lima atau empat pilihan dalam kalangan kursus yang ditawarkan oleh universiti, *research university* iaitu UM, UKM, USM, UPM dan juga UTM. Bagi mereka yang mengikuti sains hayat di matrikulasi atau STPM biologi, sudah tentunya hasrat ataupun impian mereka untuk menjadi doktor ataupun sebagai ahli farmasi ataupun sebagai doktor gigi. Dalam konteks ini, apabila seseorang itu dipaksa untuk mengisi borang sedemikian, *research university* empat-empat diletak *medic* dan kemudian empat ada lapan lagi ruang untuk UPU lain, selain daripada *research university*, mereka isi empat. Akan tetapi apa yang menjadi masalah dia kata empat tidak boleh, hendak isi lapan.

Masalahnya ialah kalau dia isi lapan, diberikan tawaran kelapan, dia terperangkap kerana itu kursus yang mereka tidak hendak kerana ia hanya ada lapan pilihan. Jadi saya minta Kementerian Pendidikan tengok balik. Kalau kita hendak persalahkan pilihan pelajar, tidak betul kerana mereka terperangkap dalam keadaan ini. Tidak kira Melayu, India, Cina. Bagi saya, kita melihat perkara ini, kita kena tengok sistem ini telah memerangkap pelajar. Jadi saya rasa apa yang berlaku pada tahun ini saya yakin dua, tiga hari, lebih ramai lagi pelajar yang mendapat 4.00 *flat* markah penuh tidak dapat kursus yang mereka miliki. Itu pertama.

**Seorang Ahli: [Bangun]**

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Biar saya habis dahulu. Tidak apa, nanti saya bagi peluang. Kedua, dari segi pengiraan markah kokurikulum. Saya pun rasa pelik. Kalau mulai tahun 2002, masa itu Hasan Said sebagai Ketua Pengarah, dia mengatakan 10 markah itu adalah markah kokurikulum dan selepas itu Kementerian Pelajaran pada masa itu telah mengira Tahun 1, Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5, setiap tahun ikut kehadiran, pencapaian, kemudian jawatan kesemua ini dan merumuskan berapa markah yang akan diterima oleh seorang pelajar pada tahun Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4, Tingkatan 5. Akan tetapi apabila memasuki universiti, apa yang diambil oleh pelajar semasa Tahun 1, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 tidak diambil kira. Kalau mereka masuk matriks, dia masuk dua semester sahaja. Markah yang akan diberikan oleh *lecturemya* kalau 95, 95 dan sama juga kalau STPM.

Perkara ini kalau kita lihat, hasrat kita apa? Kita hendak pelajar kita aktif dalam kokurikulum tetapi akhirnya cuma pada tahun peperiksaan itu diambil kira. Jadi saya rasa sebab itulah kita nampak kemarahan dalam kalangan orang muda. Saya mewakili orang muda kerana kita faham mereka menangis depan kita, fasal apa? Fasal dia kata saya sudah bertungkus-lumus semasa di kolej matrikulasi, saya mendapat 96 markah dan saya mendapat markah penuh 4.0 dan markah saya 99.6, kenapa saya gagal? Itu adalah jawapan yang perlu dijawab. Kalau tidak boleh jawab, memang ada sesuatu yang tidak kena.

Maka saya di sini ingin mengesyorkan, kalau tahun 2004, kita ada formula kita. Kita tawarkan kepada semua tidak kira siapa. Tahun lepas apabila berlakunya kita nampak kekosongan tidak cukup, kita menampung melalui IPTS. Tahun ini jangan pula telah dibawa oleh pembangkang, baru kita buat keputusan kata kita hendak tawarkan dan ini adalah satu perkara yang perlu dipandang serius dan saya minta supaya Kementerian Pendidikan yang mengambil alih Jabatan Pengajian Tinggi ini mempertimbangkan perkara ini secara adil-adilnya.

Nampaknya, ramai yang datang jumpa saya anak guru. Mereka menangis kerana apa? Ini kerana kalau saya sebagai pendidik, saya dapat mendidik anak-anak orang lain tetapi anak sendiri tidak dapat masuk. Dengan rasa pilu saya merayu Kementerian Pendidikan tolong dan berikan mereka pembelaan yang sewajarnya tidak kira Melayu, India, Cina kena kita terima, kerana kita tidak mahu *brain drain*. Kalau saya boleh bagi...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Minta...

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Satu gambaran sekiranya kita tidak terima wang ini, sudah tentunya pihak Singapura, mereka akan sediakan tempat di NUS, NTU dan mereka akan terima sahaja walaupun kita telah melatih mereka 12 tahun atau 13 tahun. Inilah hakikatnya kalau kita hendak selepas itu baru kata TalentCorp. hendak cari balik pakar ini, sudah terlambat. Apa yang penting ialah kita hendak ubah satu sistem di mana kita kena telus. Saya hendak mengesyorkan kementerian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban bangun.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap dan saya akan bagi peluang. Biar saya habis, jangan potong *floor* saya nanti. Mana saya tadi? Okey, apa yang penting ialah semua orang membicarakan tentang transparensi, *good governance*, tetapi setiap kali orang tanya kita, "*Yang Berhormat, kenapa 99.6 tidak dapat masuk?*". Sekiranya kita dapat membentangkan satu data, kata mereka yang dapat itu 99.7, barulah mereka rasa sejuk hati. Kalau kita tidak dapat membuktikan ini, sudah tentulah mereka akan fikir yang bukan-bukan. Jadi saya ingin mengesyorkan supaya perkara ini kita buat secara telus, biar sebagai rujukan. Beritahu mereka, kalau kamu hendak tahun ini, 99.7. Kalau sesiapa yang mencapai itu, dapat masuk. Sesiapa yang tidak dapat capai itu, terpaksa ke universiti lain. Kedua, saya rasa kita rasa juga agak tertekan di mana sejak diperkenalkan sistem meritokrasi.

Saya masih ingat tahun pertama diperkenalkan, pelajar-pelajar Cina 32.3%. Kemudian, selepas itu 26%. Ia memang tidak konsisten. Mungkin 30 lebih kepada 20 lebih tetapi pada kali ini paling rendah, 19% dan saya melihat jumlah pelajar mengambil STPM meningkat. Mereka yang masuk ke matrikulasi tetap pada 10% bagi *non* bumi. Jadi saya ingin mengesyorkan supaya oleh sebab kapasiti universiti kita, kita boleh tengok semula. Kalau kita teringat janji-janji tahun 2004, kita hendak mengembangkan kapasiti dalam bidang fakulti perubatan kita, saya masih ingat masa itu 907 dan akhirnya dapat kepada 1,420. Apa yang telah diucapkan masa itu nampaknya tidak lagi diterima pada hari ini. Jadi saya rasa kita kena berikan tempat yang lebih kerana ini adalah bakal-bakal atau bakat-bakat yang boleh kita serap dan akhirnya mereka merupakan pakar cerdas yang akan menguntungkan negara kita. Saya bagi Yang Berhormat Seremban.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya ingat Yang Berhormat Ayer Hitam pun ada jawapan kepada semua soalan yang telah dibangkitkan sebab Yang Berhormat Ayer Hitam pun Timbalan Menteri Pelajaran selama lima tahun. Yang Berhormat Ayer Hitam pun merupakan seorang pemeriksa, pemeriksa kertas rayuan. Setiap tahun ramai yang pergi kepada Yang Berhormat untuk membuat rayuan.

Cuma saya hendak bertanya kepada pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pihak kerajaan, Kementerian Pendidikan khususnya perlu melaksanakan satu sistem untuk memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar yang paling cemerlang. *I am talking about one percent, top 1%* ini. Mereka yang mendapat CGPA 4.0 ini supaya tidak payah lagi mengisi borang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, bagi lapan pilihan. Hanya bagi kepada top ini, CGPA 4.0 apa pilihan pertama mereka, kita terus bagi kepada mereka. Ini cadangan yang saya rasa perlu dipraktikkan kalau kita hendak mengekalkan minda yang terbaik dalam negara kita. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya faham. Terima kasih Yang Berhormat Seremban kerana bagi bola tanggung kepada saya. Saya memang tunggu lama ini. Pertama, Yang Berhormat kata saya pernah duduk Kementerian Pelajaran. Betul! Apa yang saya jaga bukan universiti. Itu pertama saya bagi tahu Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat silap, sekarang pendidikan merangkumi Pengajian Tinggi. Jadi bila hendak buat dakwaan semacam itu, tolong semak fakta, pertama. Kedua, Yang Berhormat kata saya setiap kali menyamak rayuan. Ini kerana bezanya Ketua Pemuda MCA dengan Ketua Pemuda DAP ini, dia cakap tidak buat. Kita cakap, kita buat. *[Tepuk]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Belum habis lagi. *My floor*, nanti. *My floor, my floor.*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ini adalah kegagalan MCA dan Barisan Nasional. Selama 50 tahun, dasar tidak boleh tukar. Itu sebabnya ada kertas rayuan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sebab apa?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu kegagalan MCA! *[Dewan riuh] Then you failure. They are ashamed about you. You should be ashamed about it. It should be ashamed. MCA should be ashamed, malu! [Dewan riuh] It is all about Barisan Nasional.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban. Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seremban, tidak ikut peraturan mesyuarat ini.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau sebagai seorang pemimpin, kita kena tunjukkan teladan kepada orang lain. *[Dewan riuh] Menjerit-jerit ini, bukanlah satu budaya yang baik.*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Ayer Hitam...

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya cuma hendak katakan - Nanti, nanti, duduk, duduk. Biar saya habiskan, jangan ganggu saya. Ini *floor* saya. Nanti kamu boleh buatlah Yang Berhormat, hendak cakap apa boleh cakap.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Bagi Jelebu, Jelebu bantu.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak hendak ganggu. Sekejap, nanti saya bagi, sekejap. Saya, biar saya cakap.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai pun minta juga.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Dia kata setiap kali kita semak, betul. Setiap kali bila ada masalah, kita berdepan dengan masalah. Tahun lalu kementerian atau Jemaah Menteri beri RM26 juta selesaikan masalah, semua *top scorer* masuk. Pada tahun 2004, masa itu Dato' Seri Shafie Salleh juga bawa kes ini semasa itu Pak Lah, Perdana Menteri melawat Beijing cari penyelesaian. Selepas itu bawah masa itu Dato' Seri Ong Ka Ting selesai di Kabinet.

#### ■1550

Dan ini dua contoh yang boleh kita pakai. Jadi pada hari ini saya hendak penyelesaian. Saya bukan hendak cari publisiti, saya cuma hendak bagi tahu, tolong selesaikan masalah ini. Apa salahnya. Kemudian saya hendak beritahu Yang Berhormat..

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Nanti dulu, duduk. Yang Berhormat bertenang. Kita orang muda kan, sudah 40-an lebih, kita cakap. Ketiga Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kegagalan. Saya cuma hendak kata satu, setiap sistem itu tidak sempurna. Sebab itulah kita kena sempurnakan mana sistem yang tidak betul seperti mana yang saya katakan, dulu lapan pilihan, sekarang kita kena tengok RU. Yang Berhormat tidak tahu, tidak pernah tengok borang, mana tahu. Bila saya kata, bila dia kata dia dapat tawaran keempat UPU, kalau kita dengar penjelasan ini, seolah-olah masuk akal, fasal apa. Dia dapat pilihan keempat, apa hendak rayu lagi. Akan tetapi bagi mereka yang mendapat markah penuh, *perfect* maka mereka ada *negotiation power*. Mereka ada *bargaining power*.

Sebab itu di sini bukan pada Melayu, Cina, India, tetapi semua sekali. Kalau anak kita dapat keputusan baik itu, kita juga mahu anak kita mendapat keputusan yang baik. Apa yang berlaku sekarang. Semasa rayuan mereka tidak boleh merayu kursus-kursus kritikal ini. Mereka hanya boleh diberikan kursus seperti perhutanan. Kalau anak kita mendapat CGPA 4.0, saya tidak yakin sebagai ibu bapa, kita sudi menerima keputusan dan takdir Tuhan. Jadi saya rasa ini yang penting.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta laluan

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak ada masa. Yang Berhormat boleh cakaplah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Penjelasan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya cuma hendak kata Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Duduk, duduk. Belum, belum.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat kata semua sistem tidak sempurna tetapi 50 tahun. Tahun demi tahun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bandar Kuching pun tidak ikut peraturan ini. Sila duduk. Ya.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bandar Kuching ya, Bandar Kuching. Jadi kita kena...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ayer Hitam, saya hendak minta tolong.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, boleh ambil borang.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya bagi Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Takut ambil soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu ini Yang Berhormat Ayer Hitam bagi laluan, Yang Berhormat Jelebu. Yang Berhormat Ayer Hitam minta tolong gulung ya.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Tahniah. Penjelasan yang menggambarkan bagaimana kerajaan dan pimpinannya mengotakan segala yang patut untuk rakyat dia. Berbalik kepada tadi saya tengokkan Seremban begitu sangat beriya-ya mempertahankan kepentingan Islam, kepentingan orang Melayu, sama sahaja. Yang Berhormat ini merupakan ADUN kawasan saya di Parlimen Jelebu, ADUN Chenang. Untuk makluman, di kawasan sana, di kawasan Chenang di bawah Parlimen Jelebu itu, 40% lebih merupakan Melayu. Jadi sekarang ini mereka menjadikan pejabat saya tumpuan untuk mendapatkan khidmat dan pembelaan daripada kerajaan dan tidak dapat pertolongan dan bantuan daripada ADUN kawasan yang sudah dipilih...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** ...Jadi oleh kerana itulah saya tidak cukup yakin perjuangan yang dikatakan tidak menolak Islam dan sebagainya. Jadi bersetujukah Yang Berhormat Ayer Hitam kalau saya katakan mereka di dalam Dewan ini bersandiwara dan tunjuk hebat benar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jelebu ini pemikiran dia jerebu lah.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Sebenarnya dalam bajet ini pun bukan ada tambahan kepada apa yang telah diuruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jelebu ini pemikiran dia berjerebu lah

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya faham

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** ...Akan tetapi merupakan sesuatu pindaan tajuk dan sebagainya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Jelebu yang bersandiwara di dalam Dewan ini.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi kerana itu, pelbagai tohmahan dan tuduhan buruk oleh pihak sebelah sana. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya bulan Ramadhan, bulan yang mulia. Orang Islam yang berani berucap itu memang bercakap benar, okey. Sebab itulah, sebarang teguran yang membina, kita terima dengan hati terbuka. Itulah nasihat saya kepada Yang Berhormat Seremban. Kalau itu perkara yang benar, mungkin kita boleh perbaiki jugalah.



**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Untuk rekod, itu bohong.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Pada saya, saya terima dengan hati terbuka.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Untuk rekod, itu satu pembohongan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Itu nanti kita kemudian bincang di kedai kopilah. Selepas terbuka nanti.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Baru dua bulan saya jadi ADUN sana, 50 tahun lebih diwakili Barisan Nasional. Tidak selesai juga masalah. Itulah kegagalan Barisan Nasional... [Dewan riuh]

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, dua minit lagi saya hendak habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Teruskan, teruskan.

**Seorang Ahli:** Dia sudah panas itu, sudah panas.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Satu perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah Kementerian Kebudayaan dan Warisan. Saya memohon jasa baik kementerian ini melihat semula pengambilan tanah SJK(C) Chin Woo di Jalan Pelandok di Pudu di mana kita nampak sekolah itu pada tahun 1938 semasa pemerintahan Inggeris telah memberikan tanah itu untuk kegunaan SJK(C) Chin Woo dan kita tahu tanah itu bukan milik Lembaga Pengelola Sekolah. Itu ialah milik JKPTG. Bermaksud Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ada kuasa. Pada waktu yang sama, tanah sebelah yang telah dikurniakan untuk kegunaan membina kota warisan adalah juga dimiliki JKPTG.

Saya ingin merayu kepada pihak kementerian dan Menteri khususnya supaya kita dapat sedikit anjakan di mana jalan itu mungkin *set back*, tidak kena pada sekolah kerana sekolah itu telah dibina gelanggang bola keranjang. Itulah tempatnya 1Murid, 1Sukan untuk mereka bersukan. Lagipun sekolah itu cuma dua ekar sahaja dan saya merayu oleh kerana ini peringkat perbincangan, perundingan dan mereka tidak ada yang membantah projek ini termasuk kita. Masyarakat Cina boleh terima tetapi tolonglah supaya kedua-dua itu mencapai situasi menang-menang. Itu hasrat saya, itu rayuan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh. Yang Berhormat Temerloh ada empat minit saja fasal pukul 4 giliran Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sila.

### 3.56 ptg.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memulakan perbahasan saya pada petang ini dengan meminta supaya pihak kerajaan secara jujurnya memaklumkan kepada rakyat apakah rasionalnya dan juga justifikasi kerajaan mengembali dan menyusun semula fungsi Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi kepada Kementerian Pendidikan. Setelah panjang kita bahas dan saya menyokong pandangan-pandangan daripada rakan-rakan yang menunjukkan satu perkara yang sangat keliru kepada rakyat.

Jika sekiranya kita mengamati kenyataan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Pendidikan yang disiarkan dalam portal berita beberapa hari yang lepas, yang menyatakan bahawa istilah pendidikan itu lebih tepat berbanding pelajaran dan beliau menyebut bahawa penggabungan semula ini adalah untuk menghasilkan penjimatan kos, tenaga kerja dan juga kepakaran tetapi malangnya hari ini kita melihat ratusan juta ringgit diperlukan untuk menampung bayaran gaji yang telah diserap daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, antara isu yang berbangkit melalui kita lihat angka peruntukan material yang besar ini ialah sebenarnya menuntut kualiti yang tinggi untuk dihasilkan daripada peruntukan tersebut. Sebagai contoh saya melihat, kalau kita melihat realiti berlaku dalam kalangan anak muda dalam negara kita, sekadar menunjukkan beberapa statistik. Pertama, Majlis AIDS Malaysia pada tahun 2010 mendedahkan 76% ataupun 66,747 orang daripada keseluruhan kes HIV hinggalah ke akhir tahun 2010 adalah

membabitkan golongan muda. Tahun 2011 bagi setiap empat kes baru jangkitan HIV, satu daripadanya adalah golongan muda dalam lingkungan umur 13 ke 29 tahun, itu yang pertama.

Kedua, Polis Diraja Malaysia pada tahun 2010 mendedahkan kepada kita ada 5,165 kes jenayah berat seperti rogol, ragut dan juga samun berkumpulan dan juga bersenjata yang juga semuanya membabitkan golongan muda.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ketiga, satu kajian yang dibuat oleh UPM antara tahun 2009 mendedahkan 300 remaja Melayu di bandar dan juga di luar bandar mengaku antara umur 25-35 tahun mengaku terlibat dalam salah laku seksual dan juga seks bebas. Statistik yang keempat tahun 2011, FOMCA telah melaporkan bahawa seramai 41 orang belia telah muflis setiap hari. Manakala tahun 2012 sebagaimana disebut bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri jumlah mereka yang muflis ini 120,000 dalam kalangan orang-orang muda.

Baik, dalam statistik ini, kesemua isu ini adalah realiti yang berlaku pada hari ini yang mana ia tidak hanya membabitkan Kementerian Pendidikan semata-mata bahkan ia turut memerlukan kombinasi agenda bersama antara Kementerian Belia dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

#### ■1600

Oleh yang demikian, saya melihat kualitinya ialah kurikulum mesti digarap daripada jaringan sistem pendidikan negara seharusnya mampu untuk melahirkan generasi Malaysia yang lebih baik, yang lebih *mutadayyin* ataupun lebih beragama, dan dalam konteks Islamnya ialah, generasi yang soleh dan juga yang bertakwa kepada Allah SWT. Kita tidak harus semata-mata mengejar status negara maju 2020 dan menghabiskan bilion ringgit sebaliknya kita harus membina generasi yang memiliki pakej yang sempurna dan juga lengkap, seimbang dan sepadu.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu dalam dunia akademik peringkat universiti disarankan supaya menekuni sesuatu ilmu dengan lebih mendalam sehingga lahirnya sarjana-sarjana yang mampu untuk menjadi pemimpin kepada masyarakat. Antara simbolik sesuatu kesarjanaan itu ialah apabila dia mampu untuk mencetus keaslian dan keintelektualan mereka. Akhirnya, saya memetik satu statistik yang dikemukakan tahun 2009 di mana negara kita hanya mampu untuk mencapai 18% daripada sasaran untuk mempunyai 60 penyelidik, saintis, jurutera bagi setiap 60,000 tenaga kerja.

Jadi, ini jauh daripada mencapai kualiti yang dihasratkan apabila kita melaburkan peruntukan yang besar dalam satu-satu kementerian dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Temerloh, minta penjelasan. Semasa Kementerian Pendidikan dahulu dipecahkan kepada dua, saya yakin antara hasratnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi ini adalah untuk meningkatkan prestasi pendidikan tinggi dan juga prestasi IPT-IPT kita. Jadi kedudukan IPT kita dalam ranking kualiti dunia ini tidak begitu memberangsangkan. Tiba-tiba kementerian ini digabungkan semula. Apakah kita sudah *abandon*, dengan izin ataupun mati akal bagaimana hendak meningkatkan kedudukan universiti kita dalam kalangan universiti-universiti di seluruh dunia dan apakah gabungan ini akan menjejaskan lagi keupayaan kementerian untuk memantau dan memastikan kejayaan mereka? Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya, saya melihat jika sekiranya persoalan itu tidak diberi tumpuan kepada soal penghasilan ataupun kualiti, maka selama itulah perkara ini akan berlaku. Bergabunghlah dan berpisahlah beberapa kali selagi mana ia tidak selesai pada fokus untuk menghasilkan kualiti ini, pengurusan yang baik dan bertanggungjawab dalam melihat hasilnya maka selama itulah saya melihat bertukar nama dari tahun ke tahun, dari satu sesi pilihan raya ke satu sesi pilihan raya yang lain, maka dia tidak akan menghasilkan kualiti yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sebut satu perkara yang perlu saya bangkitkan untuk meningkatkan kualiti warga sasaran Kementerian Pendidikan ini dengan merujuk kepada satu *survey* yang dilakukan oleh portal *Sinar Harian* dalam tempoh 5 hingga 10 Oktober 2012 tahun lalu, daripada 514 responden, 56% daripada mereka bersetuju bahawa pilihan raya kampus masih relevan manakala hanya 44% yang tidak

bersetuju untuk dimansuhkan. Selain itu, 80% daripada mereka bersetuju bahawa pilihan raya kampus memberikan kematangan politik dalam kalangan mahasiswa.

Politik dan demokrasi kampus sememangnya bukanlah menjadi satu isu yang baru bahkan ia telah pun bermula sejak sekitar tahun 60-an lagi. Jadi, apabila sistem pilihan raya kampus itu dilakukan maka kita juga sebenarnya seharusnya memberikan ruang demokrasi dan pemilihan yang adil. Bukan sahaja adil tetapi juga mestilah dilihat adil dalam sistem pemilihan ataupun sistem pilihan raya kampus ini.

Apa yang berlaku pada hari ini ialah pelbagai sekatan dilakukan untuk menyekat calon-calon mahasiswa yang bertanding. Mengenakan pelbagai syarat yang tidak demokratik seperti *public speaking*, *interview session* malah di Universiti Islam Antarabangsa di UIA, dilakukan sistem *e-voting* yang terbukti meragukan sepanjang proses perjalanan pilihan raya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita sangat mengharapkan agar generasi yang lahir daripada institusi pengajian tinggi menjadi kumpulan masyarakat yang berintegriti, yang berwibawa, yang berkeperibadian mulia, dan juga mampu untuk membimbing masyarakat ke jalan yang benar dan juga yang baik. Maka, pihak pengurusan universiti dan juga kementerian mestilah meneliti dengan cermat aktiviti-aktiviti pelajar supaya mereka tidak hanyut dalam budaya hedonisme sehingga menumpulkan daya intelektual mereka. Peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan kepada persatuan-persatuan mahasiswa yang begitu banyak mestilah sentiasa dinilai untuk memberi pulangan yang baik dan juga seimbang antara fizikal, mental dan juga spiritual.

Selain itu, saya juga menyentuh tentang Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 2001. Diharapkan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri nanti akan menyinggung dengan perkembangan termasuk peruntukan yang telah diberikan kepada MPPK ini dari tahun 2010 ke tahun 2012. Ini kerana rakyat juga harus dimaklumkan apakah usul-usul yang telah dipersetujui telah dilaksanakan sepanjang persidangan MPPK dalam menjaga kemaslahatan mahasiswa dan memperjuangkan isu-isu mahasiswa di peringkat nasional.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu satu lagi yang saya hendak sebut berunjuran sebelum masuk ke peringkat universiti antara perkara yang penting untuk melahirkan nilai integriti ini juga ialah soal didikan agama bagi Muslim dan juga pendidikan moral bagi *non-Muslim*. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya mata pelajaran agama sebagai contoh dijadikan sebagai subjek wajib lulus di peringkat SPM bagi pelajar-pelajar Muslim dan juga subjek Moral bagi *non-Muslim*.

Demikian juga untuk diberikan pengukuhan kepada institusi-institusi pengajian rakyat seperti Sekolah Agama Rakyat agar diberikan bantuan per kapita agar ia dapat diperkukuhkan kembali dalam mendidik warganegara kita menjadi insan yang baik. Akhirnya apabila mereka memasuki peringkat yang lebih tinggi dalam pengajian mereka di peringkat universiti dan kelak mereka keluar universiti menjadi tokoh pemimpin negara. Mereka lahir sebagai seorang tokoh yang berintegriti, berwibawa dan mampu berkhidmat kepada negara dengan baik. Jadi, saya rasa sekadar itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.07 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong usul mengenai anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk peruntukan semula perbelanjaan tahun 2013 di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Usul Anggaran Mengenai Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Peruntukan Semula adalah dibentangkan untuk memindahkan peruntukan yang telah disediakan di bawah Belanjawan 2013 daripada satu kementerian kepada kementerian yang lain. Peruntukan kewangan yang dipindahkan

daripada satu kementerian ke satu kementerian yang lain sudah pun diluluskan pada tahun lepas iaitu dalam Belanjawan 2013. Tidak ada sebarang tambahan dibuat malah baki peruntukan pada 15 Mei 2013 dipindahkan kepada kementerian baru yang menerima fungsi, aktiviti projek daripada kementerian yang lama.

Kerajaan sangat menghargai cadangan, pandangan dan teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cuba menjawab seberapa yang boleh, seberapa ramai yang telah menyatakan pandangan-pandangan seperti Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Temerloh dengan celahan-celahan daripada ramai Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jelevu, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Kuala Krai.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan misalnya Yang Berhormat Kinabatangan mencadangkan agar dikurangkan birokrasi di dalam kementerian-kementerian. Sukacita dinyatakan bahawa kita telah mengadakan antara lain iaitu strategi lautan biru dalam kita mentadbir negara ini yang mana pelbagai kementerian boleh merentasi kementerian lain untuk menyelesaikan masalah. Kita juga ada dasar dengan izin, *No Wrong Door Policy*, tidak ada pintu yang salah di mana rakyat apabila tiba di satu-satu kementerian, kita akan layan mereka dengan baik dan kita akan cuba menyelesaikan masalah rakyat itu tanpa meminta rakyat pergi dari satu kementerian ke satu kementerian yang lain.

#### ■1610

Selepas itu kita juga ada Talian 1Malaysia 03-8000-8000. Talian khas beroperasi 24 jam untuk menjawab segala permasalahan rakyat tentang semua kementerian. Kita boleh mencuba 03-8000-8000 pada bila-bila masa pun, tujuh hari seminggu dan kita boleh mendengar jawapan-jawapan daripada mereka. Kita juga ada hari terbuka kementerian dan kita juga mempunyai satu falsafah untuk merakyatkan perkhidmatan awam yang mana ketua-ketua jabatan kita minta untuk turun padang dan membantu masalah rakyat.

Yang Berhormat Serdang menimbulkan tentang keberkesanan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang kita sebenarnya telah mengadakan dengan teliti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 ini. Sebanyak 12 ahli panel bebas dari Malaysia terlibat, empat ahli panel bebas antarabangsa, enam ahli panel bebas universiti tempatan, sembilan makmal pendidikan yang melibatkan 750 pengetua dan guru besar, 15,000 guru, 22,000 murid, 300 pegawai, 2,000 ahli PIBG dan 2,000 orang awam. Kita adakan dewan terbuka, dialog nasional, meja bulat, kumpulan fokus dan juga kajian-kajian sebelum kita menerbitkan dan memutuskan tentang PPPM ini

Yang Berhormat Sungai Petani ada menyebut tentang Akta Pendidikan, bagaimana tentang keadaan medium Inggeris dan medium bahasa Malaysia. Dasar kerajaan pada masa sekarang ialah dasar untuk memartabatkan bahasa Malaysia, pada ketika yang sama memperkasakan bahasa Inggeris ataupun dasarnya disebut sebagai MBMMBI. Sebagai contoh untuk memperkasakan bahasa Inggeris, Program Penutur Jati ataupun *Native Speakers* dengan menjemput 366 orang daripada pelbagai negara untuk mengajar guru-guru dan kita memperuntukkan RM90 juta setahun selama tiga tahun untuk memastikan perkara ini dilaksanakan. Kita juga ada program yang disebut *English Teachers Assistant* (ETA) dari negara India, seramai 282 orang akan bermula pada 2 Januari 2014.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Lenggong menyebut tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah di atas inisiatif mengambil contoh *online* dan sebagainya itu cuma saya ingin bertanya, adakah satu pemantauan dibuat atas perkara-perkara tersebut sebab kita tidak mahu walaupun ada di sana kaedah-kaedah tetapi kita takut macam tadi contoh *No Wrong Door Policy*? Itu satu yang baiklah supaya kita dapat mengurangkan birokrasi. Akan tetapi yang saya musykil, saya tidak mahu apa yang diluahkan sebagai contoh EAIC, apabila dia memaklumkan bekas CEO dia mengatakan daripada 10 pegawai penyiasat, tinggal seorang sahaja kerana diambil sembilan lagi, dibawa ke SPRM. Ini contoh bagaimana berlakunya masalah itu.

Keduanya, tentang teknik hendak memperbaiki bahasa Inggeris, yang saya rasa yang sepatutnya difikirkan ialah bagaimanakah teknik mengajar bahasa Inggeris yang sebenarnya dan saya di sini hendak kongsi sedikit pengalaman. Saya lihat ada satu institusi dalam negara kita ini *Lorna Whiston Institution*, yang saya rasa teknik mereka mengajar bahasa Inggeris itu satu teknik yang menarik, yang mana pelajar-pelajar yang tidak mahir dalam bahasa Inggeris pun mereka boleh menguasai bahasa Inggeris dalam masa yang agak baik. Jadi, saya rasa mungkin kerajaan boleh memikirkan bagaimana boleh mengambil ilmu-ilmu daripada institusi itu dan kita mungkin boleh adakan *partnership* dengan mereka untuk kita membantu anak-anak kita menguasai bahasa Inggeris ini. Ini pandangan sayalah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan pandangan-pandangan tentang pemantauan dan kaedah pengajaran bahasa Inggeris itu kita ambil perhatian. Pada ketika yang sama, kita juga memasukkan elemen *English Literature* dalam kurikulum dan pada tahun hadapan kita memulakan ETA, yang saya sebut tadi *English Teachers Assistant* dan berharap dengan segala gabungan perkara-perkara yang kita lakukan ini kita boleh memperkasakan bahasa Inggeris dalam kalangan para pelajar.

Tadi ada disebut oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, YTL diberikan RM9 bilion. Saya tidak tahu daripada mana beliau mendapat angka itu. Sukacita saya ingin menyatakan di sini bahawa 1BestariNet adalah menggunakan tender terbuka daripada 14 syarikat untuk 10,000 sekolah bagi mewujudkan talian internet di sekolah-sekolah dan diberikan nilai projek sebanyak RM663 juta. Tidak ada sampai RM9 bilion dan itu adalah tender terbuka dan 1Pelajar 1Device belum lagi dilaksanakan.

Satu lagi ialah mengenai kos kontrak *chromebook* RM253 juta. Sukacita dimaklumkan di sini bahawa sekarang ini menggunakan *chromebook* itu nilainya ialah RM86,700 tetapi kalau kita menggunakan makmal yang biasa kosnya ialah RM150,000. Dengan lain perkataan, *chromebook* boleh mengurangkan 50% daripada kos menggunakan makmal yang ada sekarang. Itu sebab mengapa kita mengadakan *chromebook* melalui YTL.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiangdee]:** Yang Berhormat Seremban bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya berkenaan dengan 1BestariNet ini. Sedarkah Yang Berhormat bahawa dalam pelaksanaan 1BestariNet ini, ia memerlukan pembinaan menara-menara kepada *layman* dikatakan menara *telco*. supaya dapat memancarkan talian internet itu kepada *classroom*. Ini telah menerima banyak bantahan daripada ibu bapa di seluruh negara dan banyak bantahan telah pun dilakukan di seluruh negara.

Persoalan saya ialah mengapakah kerajaan perlu membelanjakan satu lebih perbelanjaan untuk melaksanakan 1BestariNet ini oleh YTL sedangkan beberapa tahun lepas kerajaan telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk Telekom Malaysia untuk melaksanakan *high speed broadband*? Mengapakah sekolah-sekolah tidak boleh mengaplikasikan *high speed broadband* ini untuk pembelajaran melalui internet? Mengapakah kita perlu lagi satu 1BestariNet? Minta diperjelaskan. Terima kasih

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya tidak akan mengelirukan Dewan dengan menyatakan satu perkara yang saya tidak ketahui. Saya hanya akan menjawab

perkara-perkara yang saya tahu dan telah dimaklumkan oleh pegawai-pegawai di belakang sana terhadap perkara-perkara yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi perkara yang amat pentingnya saya ingin menyatakan di sini bahawa 1BestariNet ini adalah tujuannya tidak lain tidak bukan selain daripada kita ingin menambahkan kecekapan anak-anak murid kita daripada dahulu kita menggunakan makmal komputer sekarang kita menggunakan satu talian internet di sekolah-sekolah. Kita pun boleh nampak di sekolah-sekolah di seluruh kawasan termasuklah di kawasan-kawasan kita sendiri di mana 1BestariNet itu sedang dibangunkan dan ia bukan hanya berguna kepada sekolah itu tetapi juga boleh digunakan oleh kampung-kampung di persekitaran.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Seterusnya beberapa Ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Seremban bangun.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi jawapan bertulis berkenaan dengan perkara itu. Saya hendak tahu apakah sebab mengapa tidak boleh guna HSBB ataupun *High Speed Broadband* yang telah pun kita belanjakan berbilion-bilion ringgit oleh Telekom Malaysia. Mengapa perlu belanja untuk 1BestariNet lagi. Minta diberi jawapan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, kita bagi jawapan bertulis selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kemudian Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Temerloh dan ramai lagi Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang penggabungan antara dua kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian Pendidikan. Ya, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya saya hendak bantu juga mengenai 1BestariNet dan juga *chromebook* ini. Apabila pihak YTL yang membangunkan tiang-tiang besar itu memang kita dapat aduan daripada para penduduk kerana takutnya ada radioaktif dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat pastikan sebelum kita pasang tiang-tiang yang besar dan tinggi itu, kita bagi makluman yang cukup kepada para penduduk untuk mengelakkan aduan-aduan kepada Ahli Parlimen dan sebagainya?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, masalah pelaksanaan. Bolehkah Yang Berhormat pastikan pihak Kementerian Pendidikan sekarang, memastikan semua projek ini dijalankan dengan betul, dengan tepat, *value for money* dan sebagainya?

■1620

Ketiga, masalah murid-murid yang miskin ataupun pelajar-pelajar yang miskin. Sekarang misalnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Jinjang Utara di Jinjang, satu murid yang terpaksa bayar *UniFi* misalnya, RM150 sebulan. Bagi pelajar yang miskin, itu susah tiap-tiap bulan. Bolehkah Yang Berhormat, selain daripada 1BestariNet dan juga *Chromebook* itu, kita adakan program-program untuk membantu murid-murid dan pelajar yang miskin bukan sahaja di luar bandar bahkan juga di bandar?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong yang membangkitkan tiga perkara. Kita ambil perhatian bahawa kita perlu memberikan maklumat bahawa tiada radiasi daripada segala apa perkara yang dibangunkan mengenai 1BestariNet dan *value for money* untuk semua projek dan pelajar miskin, saya pasti tidak ada sebarang bayaran yang dikenakan bayaran apabila kita melakukan program *chromebook* dan juga 1BestariNet ini. Kalau adapun, itu adalah kerana mungkin dia menggunakan pihak swasta dan sebagainya untuk menambah baik lagi apa-apa perkara yang diberikan. Saya ingin terus menjawab soalan yang amat penting iaitu tentang kenapa digabungkan dua kementerian ini menjadi satu Kementerian Pendidikan.

Penggabungan dua kementerian ini memberi ruang kepada dua pelan untuk diselaraskan dan diperhalusi, dua pelan pendidikan yang besar untuk diselaraskan dan diperhalusi. Pertama, Pelan Pendidikan PPPM 2013-2025 dan yang kedua ialah PSPTN

iaitu Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2007-2020. Penyelarasan dan penjajaran bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang merangkumi lima perkara iaitu kita mengutamakan tentang akses, kita utamakan kualiti, ekuiti, perpaduan dan juga kecekapan. Ini termasuklah melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN untuk penambahbaikan dan penjajaran dengan PPPM supaya ada berlaku kesinambungan yang akan selesai pada akhir tahun 2013. Dengan penjajaran ini, transformasi pendidikan akan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun seiring dengan transformasi kerajaan yang lain. Apa yang dilaksanakan dan yang dirancang untuk menambah baik sistem pendidikan negara sebenarnya bertujuan untuk menyediakan modal insan yang bukan sahaja berkualiti seperti kata Yang Berhormat Sungai Petani seperti negara Jepun dan Korea malah mempunyai pengetahuan.

Enam perkara yang kita inginkan murid-murid kita memilikinya iaitu kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, kemahiran berfikir, mempunyai pengetahuan, memiliki identiti nasional dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Temerloh tadi iaitu etika kerohanian serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

Yang Berhormat Tebrau membangkitkan kesesuaian seorang calon untuk menjadi guru selari dengan kelayakan akademik. Adalah dimaklumkan bahawa sememangnya Kementerian Pendidikan melaksanakan Ujian Inventori Sahsiah Keguruan dan sesi temu duga bagi mengenal pasti calon guru yang layak untuk ditawarkan mengikuti kursus perguruan selain daripada penukaran syarat akademik, syarat bidang dan pencapaian dalam bidang kokurikulum.

Ditanyakan juga berapakah bilangan pelajar yang memohon memasuki IPTA pada sesi baru-baru ini. 68,702 permohonan diterima, 57,802 pemohon adalah layak dan yang mendapat tempat sebanyak 39,580 orang. Kemudian ada juga dicadangkan supaya Kementerian Pendidikan memberi insentif sesuai bagi menarik golongan pendidik bagi mengajar di kawasan pedalaman. Sukacita dimaklumkan bahawa kita telah melaksanakan program insentif ini. Pedalaman yang agak di luar sedikit sebanyak RM500, pedalaman kategori kedua sebanyak RM1,000 dan pedalaman kategori hulu ataupun yang jauh seperti Sarawak dan Sabah sebanyak RM1,500...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih atas jawapan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pelbagai inisiatif yang telah kerajaan dan Kementerian Pendidikan lakukan untuk meningkatkan dan menaikkan martabat guru ini. Cuma saya hendak minta pandangan dan juga perhatian kerajaan untuk melihat kepada guru-guru yang memegang sarjana atau *master*. Didapati dalam kalangan mereka, ada yang tidak diberi pengiktirafan yang sewajarnya dan kalangan mereka juga kita dapati kedudukan antara mereka hanya sama dengan guru berijazah. Ini juga menjadi rungutan dalam kalangan para pendidik. Sebab itu kalau boleh kementerian melihat perkara ini supaya guru-guru yang berkelulusan *master* ini diberikan kedudukan yang sewajarnya, sesuai dengan taraf mereka. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya juga mendapat banyak SMS tentang perkara yang sama dan juga telah pernah memaklumkan kepada Menteri Pelajaran pada ketika itu agar melihat rungutan guru-guru yang sebelum ini memasuki perguruan tanpa ijazah kemudian mendapat ijazah dan juga *master* tetapi masih di takuk lama. Jadi kita ambil perhatian terhadap cadangan itu.

Kampung WiFi. Sehingga kini, sejumlah 4,210 kampung tanpa wayar telah diwujudkan di seluruh negara. Program Kampung Tanpa Wayar ini telah pun dilaksanakan di seluruh negara termasuklah di Tebrau, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau juga bertanyakan tentang pengurusan rumah pangsa. Bagi tujuan penyelenggaraan rumah pangsa swasta, kerajaan telah mewujudkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dengan konsep geran sempadan 10:90 di mana 10% peruntukan penyelenggaraan dibiayai oleh pihak pengurusan bangunan dan 90% peruntukan penyelenggaraan ditanggung oleh kerajaan.

Pada tahun 2013 ini, sejumlah RM40 juta telah diperuntukkan bagi tabung ini untuk tujuan penyelenggaraan rumah-rumah pangsa swasta di seluruh negara. Kemudian, pada hakikatnya kedudukan IPTA tempatan tidak merudum. Ini menjawab soalan Yang Berhormat Shah Alam. Data ranking menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia pada tahun 2012 adalah di tangga 36 daripada 48 buah negara yang dibuat kajian. Pada tahun 2013, kedudukan ini meningkat ke tangga 27 daripada 50 buah negara dan pihak kementerian yang baru ini tentunya akan memastikan usaha-usaha untuk mempertingkatkan ranking akan terus diperkukuhkan lagi. Seterusnya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh Yang Berhormat Menteri? Boleh Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan ranking-ranking itu daripada yang dilakukan oleh pihak mana supaya boleh kita bandingkan dengan ranking-ranking yang lain. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Maklumat *detail* itu kita akan bagi secara bertulis dan apabila seseorang Timbalan Menteri ataupun Menteri mengatakan bahawa jawapan bertulis akan diberikan, kita ingin pastikan bahawa jawapan bertulis itu memang akan diberikan. Saya kira pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan akan memastikan Yang Berhormat Shah Alam akan mendapat jawapan bertulis itu.

Yang Berhormat Shah Alam juga menyebut tentang komponen kebudayaan lebih sesuai diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan. Ya, memanglah komponen kebudayaan itu kita telah letakkan di bawah Kementerian Pelancongan kerana banyak produk pelancongan yang berasaskan kebudayaan seperti tarian, muzik, seni visual, kraf tangan, muzium yang mana kombinasi antara pelancongan dan kebudayaan akan memartabatkan seni budaya negara dan ini akan meningkatkan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi dan kita juga, ya Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa silap faham apa yang saya sebut. Saya tak kata ia lebih sesuai ataupun kurang sesuai. Saya bertanya mengapa pada asalnya ia diletak di bawah Kementerian Penerangan dan sekarang ini diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan. Maka apakah sebabnya, dulu diletakkan di bawah kementerian yang lain dan sekarang ini ditukarkan kepada kementerian yang lain dan mengapakah dengan perubahan itu yang sudah pasti akan mendatangkan perbelanjaan tambahan atas faktor-faktor yang tertentu seperti perpindahan staf dan kakitangan, pejabat dan sebagainya. Mengapakah ia perlu dilakukan. Segala perpindahan dan penukaran ini bukan datangnya dengan percuma. Paling kurang pun lah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena, *signboard* pun sudah tukar, *letterhead* pun sudah tukar, *business card* pun sudah tukar dan sebagainya. Maka mengapa perlu dilakukan pertukaran ini. Ini yang saya tanya dan itu yang tidak dijawab.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, terima kasih. Sebagaimana saya jawab tadi, adalah lebih sesuai pelancongan bersama dengan kebudayaan dan apa yang telah berlaku sebelum ini, ia telah berlaku dan kita ingin memperbaiki apa yang kita telah buat pada masa yang lepas dan penambahan atau pembaikan ini perlu dilakukan sentiasa. Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Shah Alam bahawa semua *Exco* kerajaan negeri dalam negeri-negeri yang diterajui oleh pihak Pembangkang ini juga tidak sama dengan semua *Exco* kerajaan negeri yang sebelum ini. Juga ada penggabungan dan sebagainya.

#### ■1630

Bukankah itu juga membazirkan? Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa perpindahan adalah pada tahap yang paling minima dan kos tambahan adalah tahap yang minima sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Pokok Sena bangun.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Shah Alam juga ada menyebut tadi tentang nisbah pelajar di kelas. Kita cuba memperbaiki. Tidak semua 40 orang satu kelas. Ada sekolah yang 30 pelajar satu kelas dan ada sekolah kurang murid pun. Sekolah yang kurang murid itu tentu nisbahnya adalah tinggi, bukan satu kelas 40 orang. Mungkin 10 orang satu kelas. Dari segi nisbah guru dan murid, kita ada 418,146 orang guru, murid ada 5,214,216 orang. Jika kita bahagikan murid dengan guru ini nisbahnya ialah seorang guru menjaga 12.5 murid dan ini adalah antara nisbah yang baik dalam konteks negara kita sekarang dan kita akan memperbaiki lagi nisbah ini.



Yang Berhormat Sarikei meminta supaya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Shah Alam bangun lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena, Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Pokok Sena bangun. Hendak bagi?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya? Pokok Sena dulu. Terima kasih. Saya bangun tadi pasal pelancongan tadi itu. Akan tetapi bolehlah sekali dengan pendidikan. Dulu masa dia hendak letak bawah Kementerian Penerangan, kerajaan kata ia lebih sesuai dengan Kementerian Penerangan sebab hendak seiring dengan penyiaran. Kebudayaan dan kesenian ini hendak di dalam TV dan sebagainya. Sekarang kita kata bahawa ia lebih sesuai pula dengan Kementerian Pelancongan. Tidak apalah, Yang Berhormat kata hendak sesuai. Cuma jaminan Yang Berhormat. Apa jaminan Yang Berhormat bahawa selepas ini tidak tukar sudah? Macam itu juga Kementerian Pendidikan ini, takkan terpisah sudah. Macam idea-idea merapu dulu bukan, 'sat' berpisah. Apa jaminan, maknanya selepas ini ia tidak berubah? Tidak ada Kementerian Pengajian Tinggi sudah selepas ini umpamanya. Takkan balik dah ke Kementerian Penerangan hal-hal yang berkaitan dengan kebudayaan. Apa jaminan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Kadang-kadang Yang Berhormat Pokok Sena ini memberikan idea-idea yang agak besar kepada rakyat dan negara. Terima kasih. Sebagaimana yang disebut tadi, Institut Diplomasi Budaya, saya catat di sini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kuasa budaya mengangkat martabat Malaysia menjadikan tamadun-tamadun besar di dunia. Itu pandangan-pandangan bernas. Jarang kita dengar pandangan-pandangan bernas seperti ini daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Selalu dia merapu sahaja lebih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit komen pasal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Komen pasal Yang Berhormat sebut tadi. Tadi saya dengar bila Yang Berhormat Pokok Sena sebut tentang institut tadi. Akan tetapi sedarkah kita bahawa kementerian dan kerajaan ada Jabatan Warisan Negara, ini sebuah jabatan yang Pesuruhjaya Warisan Negara ialah Prof Emeritus Zurina Majid. Dalam jabatan ini memang kerja dia untuk meningkatkan, memulihara tentang warisan, budaya, kajian dan sebagainya. Jadi, apa perlu lagi ada institut? Perkasakan Jabatan Warisan negara sudah cukup. Itu sebab saya rasa idea kerajaan lebih awal daripada idea Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya. *[Ketawa]* Saya belum habis lagi sebenarnya. Saya belum habis memberi pandangan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu. Selalunya kalau kita puji mesti kita ada perkataan lain. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Pokok Sena bahawa kerajaan sudah fikir lama daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Kita telah menubuhkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) pada tahun 2005 lagi. Sebelum itu Yang Berhormat Pokok Sena ada di sini atau tidak, tahun 2005? Saya tidak tahu. Pihak yang bertanggungjawab membangunkan dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan dan kesenian negara selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan dan keharmonian rakyat. Yang Berhormat Pokok Sena juga tadi menyebut tentang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri sebelum itu, tadi berhubung dengan Yang Berhormat Shah Alam, tentang nisbah pelajar dan guru. Apabila Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa *on average*, kita punya nisbah pelajar kepada guru ialah seorang guru dengan 12.5 pelajar atau anak murid. Akan tetapi pada hakikatnya di sekolah-sekolah kita dapati bahawa ada pula kes-kes di mana ada satu kelas mempunyai anak murid seramai 40 orang dan sebagainya. Maka, ini merupakan satu masalah di mana

mungkin dari segi bidang guru-guru ataupun jurusan yang tertentu yang telah diambil. Adakah ini hasil daripada perancangan yang kurang mantap?

Ini juga melibatkan tentang persoalan graduan-graduan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mana bila sudah keluar, ada juga ramai yang tidak ada kerja dan sebagainya. Bagaimanakah kita hendak tentukan bahawa bukan secara pukol rata kerana kalau hendak tengok secara pukol rata, hendak tengok dengan mungkin sekolah-sekolah di tempat-tempat yang jauh, di hulu seperti di Sabah, di Sarawak. Mungkin satu kelas ada 10 orang dan di Kuala Lumpur satu kelas ada 40 orang. Ia kalau hendak tengok secara purata, maka ia akan memberikan satu gambaran yang tidak tepat. Apa yang penting kita hendak paling ramai satu kelas 25 orang. Adakah itu satu perkara yang ada di dalam perancangan kementerian?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Seperti yang saya sebut tadi tidak semua 40 orang, ada yang 30 orang dan ada yang 20 orang. Ada yang kurang murid pun. Walaupun begitu, saya memahaminya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang penting, ada jugak 40 orang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya faham, saya faham. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Shah Alam itu dan pastinya Kementerian Pendidikan akan memastikan perkara ini agak setara di seluruh Malaysia. Sekadar dengan *ratio* satu guru dengan 12.5 murid itu tidak menggambarkan tempat yang ramai terutama di bandar misalnya. Saya memahaminya dan saya menyanjung tinggi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam itu. Kali pertama memuji Yang Berhormat Shah Alam.

Yang Berhormat Pokok Sena juga menyebut bahawa kita ingin membina tamadun yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ... Bukan hanya melibatkan tamadun daripada - Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, pada saya memandang *cynical idea* diplomasi budaya ini. Diplomasi budaya ini satu idea yang besar yang baru-baru ini diperdebatkan. Bukan idea warisan seperti Yang Berhormat Lenggong sebut tadi. Ia satu pendekatan diplomasi yang menggunakan budaya, *people to people*. Hubungan antara rakyat Malaysia dengan rakyat Indonesia misalnya. Ini adalah satu kaedah diplomasi yang baru. Saya fikir kalau Yang Berhormat Menteri tidak faham tentang dasar luar, elok tanya Menteri Luar Negeri. Ini kerana isu ini isu yang mustahak dan itu satu cadangan yang pada saya harus diambil dengan serius oleh kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Hubungan diplomasi antara luar negara ini melibatkan beberapa perkara. Kalau Yang Berhormat Bukit Katil tidak berapa tahu. Saya beritahu kepada Yang Berhormat Bukit Katil. Pertama, bukan hanya *people to people* (P2P) tetapi juga *government to government*. Itu yang pertama.

Kedua ialah *business to business* (B2B). Satu lagi ialah *organization to organization* (O2O). Jadi, bukan hanya P2P. Saya ingin menambah lagi empat untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Katil.

Saudara-saudara sekalian, saya kira saya telah menjawab banyak perkara tetapi saya ingin merumus sedikit daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena ada menyebut bahawa kita ingin membina tamadun, bukan hanya kuasa budaya. Sebenarnya itu yang ingin saya sampaikan. Kita bukan hanya ingin membina kuasa budaya tetapi juga kita ingin membina tamadun. Pembinaan tamadun dengan kita melihat segala kekuatan kepelbagaian kaum ini. Bangsa Malaysia yang dalamnya ada pelbagai kaum, ada Melayu, Cina, India dan juga pelbagai kaum di seluruh Sabah dan Sarawak. Semuanya ini kita telah konsepkan dalam satu gagasan besar yang telah kita uar-uarkan dan kita telah laksanakan sejak tahun 2008, tahun 2009 lagi iaitu Gagasan 1Malaysia. Jadi, idea Yang Berhormat Pokok Sena tadi sudah ada dalam Gagasan 1Malaysia. Itu poin yang ingin saya sampaikan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ayer Hitam dulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kononnya tidak perlunya kepada satu institusi baru yang saya cadangkan tadi institut diplomasi budaya kerana kita sudah ada Jabatan Kebudayaan. Akan tetapi bagi saya bahawa Jabatan Kebudayaan selalunya lebih banyak berfungsi kepada yang bersifat program-program yang saya kata berunsurkan festival dan sebagainya. Akan tetapi institut diplomasi budaya itu lebih kepada bentuk pemikiran. Ini kerana budaya ini kita bukan hanya hendak membina kesenian satu-satu bangsa tetapi kita hendak bina budaya dari segi pemikiran masyarakat dan rakyat. Bagaimana kita hendak menterjemah budaya dan adat istiadat seni yang ada dalam satu bangsa itu yang diterjemahkan dalam bentuk pemikiran. Jadi, sebab itu bagi saya katakan bahawa antara cadangan saya dengan apa yang sudah ada dalam kerajaan itu satu yang agak berbeza.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Kita juga melaksanakan beberapa perkara yang lain selain daripada apa yang telah dinyatakan. Memanglah budaya itu adalah merupakan bukan hanya kesenian. Budaya itu ialah cara hidup. Itu maksud yang sebenar takrifan budaya dan kita juga menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat, khususnya generasi muda, itu juga adalah budaya. Kita melaksanakan program-program berbentuk seni budaya yang sebagaimana semua orang sedia maklum. Bagi meningkatkan penghayatan budaya dalam kalangan masyarakat, kita mempromosikan aktiviti seni budaya negara ke luar negara dan juga kita menerbitkan penerbitan buku dan bahan ilmiah mengenai seni budaya.

■1640

Perkara yang hangat diperdebatkan tadi oleh Yang Berhormat Seremban...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Seremban dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam. Segala perkara itu kita ambil perhatian, terutamanya kenyataan bahawa mana-mana anak kita tidak kira Melayu, Cina dan India yang mendapat 4.0 patut diberi subjek pilihan dan kita hendaklah memastikan perkara itu dilaksanakan. Perkara ini bukan ada kaitan dengan mana-mana *supremacy*. Kita juga telah memberikan Biasiswa 1Malaysia yang berasaskan kepada semua dan tidak kepada kaum-kaum yang tertentu. Kes-kes tertentu kita boleh buat rayuan dan kita menyanjung tinggi segala perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Seremban. Saya akan memastikan perkara ini disampaikan kepada Menteri Pendidikan I dan II, Timbalan Menteri Pendidikan seorang Melayu dan seorang Cina yang tentunya akan memastikan perkara ini akan diberikan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja yang saya sampaikan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah tutup Yang Berhormat. Hendak buka balik susah.

**Beberapa Ahli:** Sudah habis. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2013

#### Bacaan Kali Yang Kedua

#### 4.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus kedua tahun 2012 ini dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2012 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2012 yang dibentangkan adalah berjumlah RM12,707.6 juta iaitu sebanyak 536.4 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM12,171.2 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk luluskan di bawah fasal 2, rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM12,171.2 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM8,473.4 juta adalah tambahan secara langsung untuk menampung lebih perbelanjaan kementerian-kementerian yang mana sebahagian besarnya adalah untuk pembayaran emolumen termasuk bonus dan bayaran subsidi; dan
- (ii) sebanyak RM2,375.7 juta adalah untuk pindahan lebih daripada akaun Hasil Disatukan 2012 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12, Peruntukan Kepada Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah selaras dengan subseksyen 10(1), Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baru. Ia bukan satu perbelanjaan baru tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2012 yang berjumlah RM49,932.5 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman dan sebanyak RM1,322.1 juta adalah bagi mengambil semula jumlah wang yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2012 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pelajaran sebanyak RM3,392.1 juta;
- (ii) Kementerian Kesihatan sebanyak RM1,769.9 juta;
- (iii) Pencen, elaun, bersara dan ganjaran sebanyak RM535.3 juta;
- (iv) Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sebanyak RM37.7 juta;
- (v) Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM16.3 juta;
- (vi) Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM12 juta;
- (vii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM8 juta;

- (viii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM6 juta;
- (ix) Kementerian Pelancongan sebanyak RM5.5juta;
- (x) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM3.7 juta;
- (xi) Elaun-elaun Diraja sebanyak RM493.2 ribu;
- (xii) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM396.5 ribu;
- (xiii) Suruhanjaya Pasukan Polis sebanyak RM191.3 ribu;
- (xiv) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (token RM10);
- (xv) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sebanyak RM10; dan
- (xvi) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2012 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 2013 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan bagi Kertas Perintah 17A tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2012**.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2012 yang dipohon adalah merupakan pendahuluan yang dikeluarkan dari simpanan luar jangka iaitu sebanyak RM513.3 juta. Anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (i) sebanyak RM298.6 juta untuk Maksud P.10 - Perbendaharaan;
- (ii) sebanyak RM100 juta untuk Maksud P.27 - Kementerian Kerja Raya;
- (iii) sebanyak RM48 juta untuk Maksud P.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (iv) sebanyak RM48 juta untuk Maksud P.45 - Kementerian Belia dan Sukan;
- (v) sebanyak RM10.7 juta dipohon di bawah Maksud P.62 - Kementerian Dalam Negeri;
- (vi) sebanyak RM6.7 juta untuk Maksud P.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; dan
- (vii) sebanyak RM 1.5 juta untuk Maksud P.49 - Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda token sebanyak RM660 bagi 19 kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan butiran baru untuk membolehkan pindah peruntukan dilakukan antara butiran. Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2012 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 2013 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa anggaran perbelanjaan tambahan yang dipohon ini yang berjumlah RM12,000,707.6 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM513.5 juta untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar untuk tahun 2012 dan ia tidak akan menjejaskan defisit fiskal yang telah dicapai pada paras 4.5%.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2012 selepas ucapan ini. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL.1) 2012

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi peruntukan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Saya ingin tahu ramai atau tidak Ahli-ahli yang berhasrat untuk membahaskan usul ini?

**Seorang Ahli:** Hari inikah atau esok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kita jadualkan sehingga jam 4 petang esok. Hari ini dan esok. Ya, 15 orang. Bolehlah kita hadkan masa 15 minit seorang. Ya, sila Yang Berhormat Gombak.

■1650

4.50 ptg.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang untuk membahaskan satu Akta Perbekalan Tambahan 2012 yang telah dibacakan buat kali kedua sebentar tadi. Kalau kita melihat daripada statistik iaitu belanjawan asal yang telah dibentangkan untuk tahun 2012, ia berjumlah RM232 bilion. Kemudian, di Dewan yang mulia ini satu peruntukan tambahan telah diminta dengan jumlah RM15 bilion. Hari ini kerajaan kemukakan lagi bajet tambahan berjumlah RM12 bilion. Ini menjadikan jumlah belanjawan bagi tahun 2012 membengkak dan meningkat kepada RM260 bilion.

Persoalan yang ingin saya kemukakan pada petang ini ialah apakah ini trend yang ditunjukkan oleh kepimpinan Ahli Yang Berhormat Pekan. Ini kerana kalau kita melihat rekod semenjak beliau mengambil alih jawatan Menteri Kewangan, dari tahun 2009, ada

dua belanjawan tambahan yang dikemukakan di Dewan Rakyat ini. Pertama, berjumlah RM10 bilion dan yang kedua berjumlah RM11.3 bilion.

Pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2010, belanjawan asal yang kita luluskan di Dewan Rakyat ialah RM191 bilion. Menteri Kewangan tampil sekali lagi memohon belanjawan tambahan bernilai RM12 bilion untuk kali pertama dan kemudian pada tahun yang sama mengemukakan belanjawan tambahan bernilai RM15 bilion. Ini juga kita saksikan pada tahun 2011, di mana belanjawan asal bernilai RM213 bilion. Menteri Kewangan tampil sekali lagi dalam Dewan Rakyat ini memohon belanjawan tambahan bernilai RM13 bilion untuk kali pertama dan kali kedua bernilai RM10 bilion.

Trend ini berterusan. Ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dan perlu kita bahaskan pada petang ini supaya belanjawan tambahan ini terikat dengan beberapa prinsip asas dan tidak dijadikan amalan yang berterusan. Kalau kita lihat belanjawan 2012 yang saya tegaskan tadi, yang telah diluluskan bernilai RM232 bilion dengan tambahan yang telah dikemukakan sebentar tadi, ia akan meningkat kepada RM260 bilion. Apakah yang akan berlaku pada tahun 2013? Belanjawan asal yang telah kita luluskan untuk tahun 2013, RM251 bilion. Saya percaya dalam sesi yang akan datang, Menteri Kewangan akan tampil sekali lagi memohon sejumlah belanjawan tambahan untuk menampung belanjawan-belanjawan yang telah dilakukan.

Maknanya kalau inilah amalan yang dilakukan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, ia menunjukkan pengurusan yang tidak cekap, unjuran yang tidak tepat dan akhirnya akan membebankan rakyat dan juga pembayar-pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya berkongsi sedikit dalam konteks perbekalan tambahan ini. Pertama, prinsip yang harus dipegang ialah soal *governance* ataupun tata kelola yang baik. Apabila kita tampil dalam Dewan Rakyat, memohon sejumlah peruntukan tambahan, ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk berbelanja secara berhemah tertakluk kepada butiran dan juga perincian yang kita bentangkan. Maka sewajarnya dalam mencapai matlamat *governance* ini ataupun tata kelola yang baik, mesti ada satu mekanisme untuk memantau perbelanjaan yang telah kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekiranya berlaku sesuatu di luar jangkaan yang memerlukan perbelanjaan tambahan, ia mesti dibawa dengan segera ke Dewan Rakyat untuk mendapat kelulusan.

#### ■1700

Saya mulakan tadi soal prinsip *good governance* atau tata kelola yang baik kerana ia merupakan komitmen kerajaan untuk berbelanja secara berhemah. Di atas butiran dan perincian yang dikemukakan di dalam Dewan Rakyat, dibahas dengan panjang lebar, diluluskan dan itulah sepatutnya dibelanjakan. Sekiranya berlaku perbelanjaan luar jangka dalam proses perbelanjaan ini dan ada keperluan untuk perbelanjaan tambahan, sewajarnya kerajaan dengan segera tampil untuk mengemukakan satu usul perbelanjaan tambahan.

Akan tetapi, apa yang berlaku dan sudah menjadi amalan Menteri Kewangan yang sekarang ini, perkara-perkara yang dikemukakan pada petang ini, perkara-perkara yang sudah dibelanjakan. Tahun 2012 yang telah dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya hari ini baru tampil untuk mendapat kelulusan. Bagi saya, ini bukan satu etika yang berhemah dan bertanggungjawab. Sepatutnya Dewan yang mulia ini diberikan ruang untuk membahas di atas perkara-perkara yang memerlukan perbelanjaan tambahan. Saya tidak menolak keperluan untuk berbelanja sekiranya ada sesuatu perbelanjaan luar jangka.

Akan tetapi prosedur kewangan, peraturan kewangan, etika mesti dipatuhi dan dibawa di dalam Dewan Rakyat ini untuk dibahaskan. Kalau tidak, apa makna kita membahas pada petang ini sedangkan semuanya sudah dibelanjakan oleh kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Sebahagiannya adalah janji-janji untuk memancing undi menjelang PRU yang ke-13 yang lalu. Mereka belanja dulu dengan mewah untuk memastikan Yang Berhormat Arau menang, Yang Berhormat Pontian menang. Ini bukan sesi menggulung. Saya tengok Yang Berhormat Arau ini dia minat jadi *backbencher*. Mungkin kita boleh pertimbangkan selepas ini.

Oleh sebab itu, saya hendak tegaskan kepada Kementerian Kewangan, pegawai-pegawai supaya menegur Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kalau amalan di negara-negara yang maju termasuk di *Great Britain* atau di *United State*, mereka ada satu jawatankuasa khas untuk memantau bagaimana perbelanjaan ini dilakukan oleh kerajaan

sekiranya berlaku tsunami ataupun kecemasan yang memerlukan perbelanjaan tambahan, maka mereka akan menasihati kerajaan untuk membawa satu usul bagi perbelanjaan tambahan tetapi bukan dibelanjakan terlebih dahulu baru hendak datang minta kelulusan. Apa maknanya, apakah kita ini *rubber stamp*? Apakah kita sekadar mengiakan? Sudah tentulah ini satu perkara yang tidak harus dibenarkan berterusan. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak mencelah sedikit boleh? Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Memang Yang Berhormat Gombak layak bercakap. Sepatutnya dia menjadi Menteri Besar Selangor tempoh hari. Yang Berhormat Gombak, saya ingat bajet tambahan ini amalan biasa. Saya dengar-dengar di Selangor pun ada bajet tambahan juga. Malah betulkah yang saya dengar bahawa sebahagian besar daripada bajet tambahan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor hanya semata-mata untuk memperuntukkan sejumlah wang RM413.2 juta untuk mengambil alih kumpulan Hartanah Selangor Berhad? Betulkah macam ini? Saya hendak tanya pandangan dan pengesahan daripada Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Benar, saya tidak menafikan. Akan tetapi, saya mengambil prinsip yang sama. Saya menegur di Dewan Rakyat, saya juga menegur di Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya tidak mengamalkan *double standard*. Itu bukan isunya Yang Berhormat Arau. Yang terhormat Arau memang layak menjadi Menteri Besar Perlis tetapi, saya itu nanti-nanti. Saya hendak tegaskan. Saya mengambil pendirian yang jelas, konsisten, tuntas. Di sini saya tegur, di sana saya tegur. Akan tetapi tegur untuk apa? Tegur untuk kebaikan, itu yang pertama.

Kedua, saya tidak menafikan ada keperluan bajet tambahan sekiranya ada keperluan yang mendesak untuk perbelanjaan luar jangka. Saya sebut biasanya kalau berlaku malapetaka, tsunami, banjir besar, kecemasan, dibolehkan. Saya tidak kata tidak boleh langsung. Dalam konteks di negeri Selangor, berbeza dengan apa yang berlaku di Kerajaan Pusat. Di sini, sebahagian besarnya yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ia melibatkan emolumen, gaji, saraan yang sepatutnya boleh...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Gombak, celahan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua. Nanti sekejap.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Gombak, nanti kita ... Bagi saya dahulu. Bagi saya dahulu..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti sekejap. Boleh dibajetkan. Kita meraikan sumbangan besar pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang telah memberikan idea baru, berkhidmat dengan baik dan amanah. Kita harus menghargai sumbangan mereka. Akan tetapi, perkara-perkara ini boleh dibajetkan, boleh dirancang. Kita tahu *exactly* berapa guru, berapa pegawai kerajaan, berapa jumlah hendak dinaikkan. Maknanya boleh kita rancang, kalau unjuran itu tepat, angka itu tepat, tidak perlu ada perbelanjaan tambahan.

Akan tetapi di negeri Selangor, ia bukan emolumen, bukan gaji, bukan saraan. Ini soal industri air yang hendak kita strukturkan semula yang cuba dilengah-lengahkan oleh Kerajaan Pusat ... [*Tepuk*]. Jadi, kita terpaksa mengambil sedikit peruntukan daripada peruntukan kerajaan negeri untuk menampung skim air percuma sementara menunggu keputusan Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan industri perkhidmatan air di Selangor. Maka, jangan salahkan kerajaan negeri, kita hendak membela rakyat, bukan membela syarikat seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat.

Saya serah kepada Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya mohon pandangan dan juga pendapat Yang Berhormat Gombak apabila membandingkan di antara prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor dan juga prestasi kewangan Kerajaan Pusat dalam soal bajet tambahan ini. Ini kerana di negeri Selangor walaupun kali ini ada belanjawan tambahan, tetapi dalam keadaan lebih dan simpanan



itu sampai RM2,000 juta yang tidak pernah dicapai di bawah Barisan Nasional dan dalam keadaan hutangnya dilangsaikan.

Dalam keadaan belanjawan Kerajaan Pusat, apabila ada belanjawan tambahan maknanya hutang bertambah, maknanya seperti jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kepada saya, tahun ini pula kerajaan terpaksa menerbitkan hutang sebanyak hampir RM70 bilion untuk membayar hutang yang perlu dibayar tahun ini. Hutang berganti hutang berganti hutang kerana prestasi kewangan yang tidak baik. Jadi, jangan disamakan belanjawan tambahan di Selangor kerana prestasi kewangannya baik berbanding di Kerajaan Pusat. Apa pendapat Yang Berhormat Gombak tentang perkara ini?.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pandan. Itu pandangan yang tepat berasaskan fakta yang tidak boleh dipatahkan oleh mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada Yang Berhormat Arau, daripada Yang Berhormat Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Lenggong selesaikan masalah Perak dahulu. Yang Berhormat Tanjong Karang dia hendak bangun buat apa? Sudah 50 tahun perintah Selangor...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cuma saya ingat gaji sebelum ini naiklah Yang Berhormat Gombak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan mencelah Yang Berhormat, jangan mencelah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ... Sudah 50 tahun perintah Selangor tidak pernah ada lebihan. Hanya di bawah Pakatan Rakyat, kita mencatatkan lebihan yang luar biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi, tidak payah bangunlah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagilah ruang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Ketereh dahulu Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti dulu, saya hendak jawab Yang Berhormat Pandan dahulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagilah jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh Yang Berhormat Ketereh?.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak suruh naik gaji Penasihat Ekonomi Selangor, Yang Berhormat Gombak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat, tidak bagi jalan lah itu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nantilah...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak suruh naikkan gaji Penasihat Ekonomi Selangor, RM2 tidak cukup.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik, kita tidak perlu naik gaji. Kita berkhidmat untuk rakyat ... [Ketawa]. Itu bezanya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Penasihat Ekonomi Selangor itu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Pandan tadi menegaskan, ini kenyataan yang saya hendak masuk prinsip yang kedua iaitu defisit negara kita sekarang ini amat kritikal. Sudah lebih setengah trilion ringgit, masih lagi mengamalkan bajet defisit. Tuan Yang di-Pertua, masih ingat dengan segar semenjak tahun 1998 sehingga hari ini, sudah hampir 16 tahun negara menguruskan belanjawan defisit secara berterusan. Selama 16 tahun berturut-turut. Sebelum tahun 1998, dari tahun 1993 bajet negara adalah bajet lebihan *surplus* kerana ditadbir oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. [Tepuk]

■1710

Ketika itu saya juga berada di Kementerian Kewangan. Ini kenyataan. Tidak boleh dinafikan... [Dewan riuh] Sebaik sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh direhatkan tahun 1998, mula bajet defisit. Yang Berhormat Arau hendak menafikan? Tidak boleh. Tahun 1998 Yang Berhormat Permatang Pauh meninggalkan Kementerian Kewangan, pada ketika itu dengan hutang negara hanya sekitar RM80 bilion sahaja. Kemudian meningkat ke RM150 bilion, meningkat ke RM250 bilion. Hari ini sudah RM500 bilion di bawah Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Pekan.

Bagaimana kita hendak meneruskan tradisi dan amalan bajet defisit seperti ini kalau tidak ada pengurusan yang baik. Hutang negara meningkat. Pagi tadi Yang Berhormat Pontian menyatakan hutang isi rumah sekarang ini sudah meningkat begitu mendadak sekali. Maka kalau kita campurkan hutang negara dengan hutang isi rumah, ia sudah melepasi RM1 trilion dan tidak ada inisiatif langsung daripada kerajaan hari ini untuk menangani masalah hutang sama ada hutang negara mahupun hutang isi rumah. Tidak ada kesungguhan, yang ada berbelanja dengan mewah. Apatah lagi dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Besut. Saya percaya segala bentuk curahan duit raya, sogokan politik...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya dengar UMNO rancang tiga kali buka puasa satu hari kerana hendak menagih undi ... [Dewan riuh] Tiga kali satu hari. Ini maknanya tidak ada perbelanjaan secara berhemah. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Gombak, adakah tradisi untuk membentangkan dan meluluskan bajet tambahan ini dan defisit yang berterusan tiap-tiap tahun dan sebagainya ini berlaku oleh kerana pihak Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan menyedari bahawa apa jua sekalipun yang dia lakukan ia tetap akan diluluskan? Bahawa Ahli-ahli Parlimen khususnya yang daripada Barisan Nasional tidak akan walaupun sekali membantah dalam keadaan hutang negara sudah menggunung, segala peratusan defisit sudah bertambah dan sebagainya. Akan tetapi ia sudah berterusan selama 16 tahun berturut-turut. Memang tidak ada apa-apa usaha untuk membawa perubahan kerana dia yakin apa jua sekalipun lulus juga. Apa pandangan Yang Berhormat Gombak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Mungkin ada kebenarannya kalau dalam sesi yang lalu saya tengok itulah sikap yang diambil oleh rakan-rakan di sebelah sana. Cuma saya lihat oleh kerana ramai Ahli Parlimen yang baru sekarang ini daripada UMNO dan Barisan Nasional, muka-muka baru, tokoh baru, saya harap mereka lebih berani untuk menegur kepincangan dan kecurangan yang berlaku dalam pentadbiran.

Kita ada Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Lenggong tidak apalah. Itu memang amalan dia daripada dulu. Kita ada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Kita ada Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Titiwangsa. Ini orang-orang profesional yang dapat melihat yang benar itu benar. Yang tidak benar, tidak boleh sokong. Yang Berhormat Lenggong hendak sokong, tidak apa. Yang Berhormat Kinabatangan, memang dia akan sokong sepenuh-penuhnya sepanjang sesi ... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi, jangan harapkan lebih daripada itu. Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri pernah mengumumkan baru-baru ini bahawa apabila beliau mengambil alih pentadbiran negara dan juga Kementerian Kewangan, beliau mahu *maintain* ataupun kekalkan defisit ini di bawah 5%.

Perdana Menteri pernah berjanji bahawa unjuran defisit yang beliau jangkakan adalah sekitar 4.7%. Akan tetapi saya minta kementerian untuk memberi penjelasan, kalau inilah cara perbelanjaan secara berterusan, kita melihat defisit sudah mencecah lebih daripada 5.3%. Sudah melepasi daripada apa yang disasarkan oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak apa. Itu sesi menggulung. Dia tidak biasa. Dia biasa *backbenches*. Itulah masalahnya. Menggulung kemudian, esok ya. Saya minta penjelasan beri angka yang tepat, jangan *manipulate the figures*. Kalau melihat dengan perbelanjaan tambahan yang begitu tinggi, hutang negara, hutang isi rumah, apakah kerajaan masih yakin boleh mempertahankan kadar defisit ini di bawah 5% untuk tahun yang akan datang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, tanpa menghiraukan masa yang digunakan dahulu tadi itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya pendek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekarang ini pun sudah sampai 15 minit Yang Berhormat. Yes, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya dengar ucapan Yang Berhormat Gombak dengan teliti. Saya kadang-kadang *confuse* Yang Berhormat Gombak. Minta penjelasan ... *[Ketawa]* Bila kerajaan federal belanja lebih pun Yang Berhormat macam tidak setuju. Bila kerajaan negeri tidak belanja langsung hari itu sampai simpan berbilion-bilion, Yang Berhormat marah juga. Saya tengok bila *statement* sebelum lantik Menteri Besar, bagi amaran Menteri Besar, "*Dapat duit mesti belanja. Jangan simpan sahaja. Kalau dapat duit simpan, senang.*"

Selangor ini bolehlah simpan berbilion-bilion. Tidak ada kerja, tidak ada pembangunan dibuat. Jadi, yang mana satu betul ini Yang Berhormat? Dapat duit, belanja atau dapat duit, simpan? *[Ketawa]* Ataupun semua *statement* ini hanya kenyataan-kenyataan politik ini? Jadi, saya hendak tanya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Problem* orang tidak faham bajet ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini soal belanjawan negara. Bukan soal jual udang ataupun ternak udang. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu macam tidak ada jawapan sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau... *[Ketawa]* Nantilah. Kalau ternak udang pun gagal, macam mana hendak bahas belanjawan negara.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau Yang Berhormat semua gelak termasuk sebelah UMNO, dia pun faham siapa itu. Saya tengok Yang Berhormat Baling seronok bila saya sebut pasal udang. Baik, baik. Prinsipnya apa? Saya setuju kalau ada lebihan, ada pendapatan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini peraturan mesyuarat. Ini kawan, kawan juga. Peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa dia, apa dia?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada peraturan berkenaan undang-undang kah? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa Yang Berhormat. Dia tidak sebut nama lagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada peraturan fasal undang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya mengerti soal 36(6). Tidak boleh menyentuh sifat-sifat ahli kecuali tugas-tugas rasmi dan sebagainya. Akan tetapi Yang Berhormat Gombak tidak sentuh nama-nama siapa lagi, tidak ada nama ya... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sentuh sifat undang. Baik Yang Berhormat ... *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kalau ada lebihan, ada pendapatan kita boleh belanja. Akan tetapi dalam mukadimah saya sebut tadi berbelanja, kena berhemah. Bagaimana cara kita berhemah? Unjuran kena tepat. Perancangan kena baik. Jangan buat sogokan politik menjelang Kuala Besut. Kita kena rancang sungguh-sungguh. Kalau kita hendak raikan pegawai-pegawai perkhidmatan awam, yang sewajarnya kita raikan. Berikan tambahan elaun, tambahan gaji. Ia harus dirancang lebih awal. Bukan menjelang pilihan raya, naik. Menjelang pilihan raya, naik. Tidak boleh begitu.

Jadi, di negeri Selangor kita ada lebihan yang cukup luar biasa, RM2.6 bilion. Tidak mungkin kita boleh catat satu prestasi yang baik kalau pentadbiran itu rasuah dan salah guna kuasa. Ia berjaya kerana pentadbiran Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor, pentadbiran yang berhemah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat salah satu kementerian yang dapat peruntukan yang luar biasa tambahannya ialah Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang Berhormat Arau, ini tanggungjawab yang harus digalas dengan baik dan amanah. Yang Berhormat Arau, akan ditanya oleh Allah SWT...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Ketawa]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Anggaran... *[Disampuk]* Tidak, tidak! Tanggungjawab, tanggungjawab kita bersama. Baik.

#### ■1720

Anggaran awal tahun 2012 untuk SPR ialah RM45 juta yang kita luluskan dalam Dewan ini. Kemudian, perbekalan tambahan pertama tahun 2012 untuk SPR. Naik lagi RM360 juta kerana SPR pada ketika itu mengandaikan ada Pilihan Raya Umum Ke-13, maka meminta satu peruntukan tambahan berjumlah RM360 juta. Baik, perbekalan tambahan kedua RM60 juta hari ini. Maknanya, tambahan RM420 juta bersamaan 933% daripada peruntukan asal tahun 2012. Maka tahun 2013, SPR menyatakan perbelanjaan mereka meningkat lebih kurang RM400 juta. Apa yang berlaku?

Pilihan raya tidak berlaku pada tahun 2012. Apakah belanjawan yang telah kita luluskan berjumlah RM420 juta itu sudah habis? Sekarang datang semula. Saya tidak mahu Yang Berhormat Arau tampil ke Dewan ini mengatakan RM420 juta yang kita luluskan dalam perbekalan tambahan untuk melatih pegawai-pegawai SPR untuk menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal. Asalnya kononnya tidak goncang botol.

Sekarang ini di Kuala Besut hendak celup pula. Saya cadangkan kalau ada pilihan raya kecil, jangan kata celup kita tuang atas kepala pengundi itu.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Gombak, sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak rumuskan, SPR bertanggungjawab untuk memberi penjelasan, mendapat peruntukan tambahan yang luar biasa RM420 juta bagi tahun 2012. Tidak ada pilihan raya. Pilihan raya hanya berlaku pada tahun ini. Dimana wang itu sekarang RM420 juta yang telah kita luluskan kepada SPR?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Gombak, sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapat pandangan dari Yang Berhormat Gombak. Dalam perbelanjaan ini, banyak SPR telah dakwa bahawa ini digunakan untuk *training*, untuk latihan. Akan tetapi seolah-olahnya selepas beratus ribu telah digunakan untuk latihan tetapi pegawai tidak tahu prosedurnya harus goncang sebelum kita undi. Adakah bermaksud latihan ini semua gagal dengan beratus ribu telah kita belanjakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Gombak boleh jawab itu. Kemudian habiskan Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu. Maknanya sejumlah peruntukan yang besar itu harus diuruskan dengan bertanggungjawab dan berhemah dan saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberikan jawapan yang jelas tentang perincian perbelanjaan yang telah digunakan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Jabatan Perdana Menteri khususnya ICU juga mendapat peruntukan yang cukup besar. Apa yang saya difahamkan ialah ICU memerlukan peruntukan tambahan yang luar biasa akibat projek-projek 'mi segera' yang diluluskan menjelang PRU yang ke-13 yang lalu. Maka, persoalannya bukan soal projek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Kita tidak marah kalau projek pembangunan untuk rakyat, kita dukung. Malahan kita mahu tingkatkan peruntukan-peruntukan untuk pembangunan-pembangunan di kawasan bandar, kawasan luar bandar. Yang kita pertikaikan ialah soal *abuse of power*, penyalahgunaan kuasa kerana kita memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri yang menjaga, yang bertanggungjawab ke atas ICU untuk sewenang-wenangnya meluluskan pelbagai bentuk projek-projek semata-mata untuk memberikan kontrak kepada Ketua-ketua UMNO Bahagian... [Dewan riuh]

Tidak ada... [Dewan riuh] Ya, jawab sebab daripada maklumat yang kita perolehi daripada pegawai-pegawai ICU inilah yang dilakukan. Tidak ada tender terbuka, tidak ada perancangan, tidak ada ketelusan, tidak ada keterbukaan. Kuasa penuh kepada Perdana Menteri untuk menentukan kontrak mana, kontraktor mana, Ketua UMNO Bahagian mana? Perkara ini harus dihentikan supaya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat sudah lama meninggalkan UMNO sebab itu dia tidak tahu apa perkembangan... [Tepuk] Sebetulnya, kita pun Ahli-ahli UMNO, ketua-ketua bahagian pun marah dengan pucuk pimpinan sebab kita minta projek tidak dapat. Semua *open tender*. Jadi, menampakkan bagaimana ketelusan kerajaan itu menjurus ke arah *open tender*. Sebab itu saya rasa Yang Berhormat Gombak tidak mengikuti perkembangan, perubahan yang telah berlaku. Itu yang berlaku. Tidak ada, semua sudah *open tender*. Tiada apa lagi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana membantu saya mengesahkan bahawa Ketua-ketua UMNO Bahagian memang minta kontrak, minta kontrak... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat habiskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya rasa dalam PKR pun minta juga. Tiada yang tidak minta.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Oh! Tidak, tidak. Tidak ada.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak minta itu dayus nama dia.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** [Ketawa] [Dewan riuh] Ini jawapan daripada pemimpin UMNO.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu wakil rakyat dari Perak pun dapat tanah di Kelantan. Minta juga!... [Tepuk] [Ketawa] Sama sahajalah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** [Menyampuk]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya kasihan tengok Yang Berhormat Arau inilah. Dia ketagih hendak bercakap Tuan Yang di-Pertua. Memang dia layaklah jadi Menteri Besar Perlis lepas ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Gombak, minta laluan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akhirnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habis sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Lumut, masa sudah habis Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akhir sekali, satu sahaja Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Selepas mendengar pendedahan demi pendedahan oleh Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Pandan, kita bimbang pendedahan yang dinyatakan oleh kedua-dua sahabat saya ini mengiakan apa yang telah dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pada tahun 2019, Malaysia akan bankrap.

Ditambah pula dengan kenyataan yang kita dapat bahawa ketirisan berlaku sejak tahun 2000 sehingga 2011, sebanyak RM1 trilion telah keluar dari Malaysia... [Dewan riuh] Jadi, ini menunjukkan, memberi tanda-tanda bahawa Malaysia menuju kepada negara bankrap. Yang Berhormat Gombak setuju? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Sebab itu saya telah mencadangkan tadi dalam amalan negara-negara maju sama ada di *Great Britain* ataupun Amerika Syarikat, ia ada satu Jawatankuasa Khas yang memantau bagaimana perbelanjaan kerajaan itu diuruskan secara berhemah atau sebaliknya. Apa yang kita saksikan sebelum ini, Ketua Audit Negara setiap tahun membentangkan laporan di atas meja kita.

Pelbagai bentuk ketirisan, kecurangan, rasuah yang berlaku tetapi sekali lagi kegagalan Kerajaan Pusat untuk mengambil perhatian dan menangani teguran-teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara sehinggakan pada tahun yang lalu untuk pengetahuan Yang Berhormat Lumut sebagai orang baru, Kerajaan Pusat terpaksa menyorokkan Laporan Ketua Audit Negara dan tidak dibentangkan pada hari pembentangan belanjawan sehingga selesai sesi perbincangan, baru diletakkan atas meja. Kerana apa? Kerana takut kita membongkarkan amalan salah laku dan rasuah pemimpin-pemimpin UMNO yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat habiskan. Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tinggal satu minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin, sudah tidak ada masa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Esok kita sambung nanti.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Setengah minit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua apakah keistimewaan Yang Berhormat Gombak. Tuan Yang di-Pertua tadi telah membuat keputusan hanya

memberikan Yang Berhormat Gombak 15 minit sahaja. Saya tengok lebih 30 minit dia bercakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dia bercakap tentang ketulusan, tentang apa yang terbaik tetapi dia sendiri tidak ikut arahan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Istimewa sebab dia boleh cakap betul, fakta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah bangun Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tidak ikut aturan. Saya minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua yang telah menentukan supaya hanya seorang berbahas 15 minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Apa istimewa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak mahu dilihat sebagai...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak mahu dilihat sebagai memberi ruang yang lebih kepada Yang Berhormat Gombak tetapi jika Yang Berhormat catat esok, nanti dalam *Hansard* saya tegur Yang Berhormat Gombak untuk berhenti lebih daripada 10 kali dah. Ya, boleh buat ya.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Gombak... Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, tidak ada apa keistimewaan. Cuma saya bercakap fakta.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Baca teks Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua terpukau dengan fakta-fakta yang saya bentangkan. Itu sahaja... [Ketawa]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya pun ada fakta tetapi saya hendak beri peluang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jasin aut.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Akan tetapi nampaknya telah menggunakan segala peluang lebih dari 10 minit Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak berapa tepat.

**Seorang Ahli:** Bohong ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tunggulah giliran esok.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tengok Yang Berhormat Gombak cakap soal autalah bukan fakta... [Ketawa]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini Yang Berhormat Kinabatangan kacau, masa saya sudah habis dah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat. Sudah habis dah Yang Berhormat, kita hendak balik dah ini, hendak balik dah ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sambung esok Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada, tidak ada. Tidak boleh dah Yang Berhormat... *[Ketawa]* Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, baik Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Hendak jadi Ketua Pembangkangkah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya akan mencelah esoklah dalam sesi yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran.

**5.30 ptg.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sbangun untuk turut membahaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sambung esok Yang Berhormat ... *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 16 Julai 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]***